

**ANALISIS PERWATAKAN WANITA DALAM NOVEL**

***BADAI SEMALAM KARYA KHADIJAH HASHIM***

**MENURUT PERSPEKTIF FEMINISME**

**MUHAMMAD KHAIRANI BIN SHAHREL**

**C20A1127**

**UNIVERSITI**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**MALAYSIA**

**2024**

**KELANTAN**



**Analisis Perwatakan Wanita Dalam Novel *Badai Semalam*  
Karya Khadijah Hashim Menurut Perspektif Feminisme**

**Muhammad Khairani Bin Shahrel**

**C20A1127**


**Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada  
syarat memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan  
dengan Kepujian**

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan**

**2024**

## PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau Institusi.



TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)



SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah



SULIT

Dari tarikh \_\_\_\_\_ sehingga \_\_\_\_\_

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)



TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajaran sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajaran.

---

Tandatangan Pelajar

Nama Pelajar: Muhammad Khairani bin Shahrel

No. Kad Pengenalan: 001207-04-0195

Tarikh: 10 Februari 2024

Tandatangan Penyelia

Nama Penyelia: Dr. Nordiana binti Ab Jabar

Tarikh: 10 Februari 2024

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera

“Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang” segala puji ke hadrat ilahi, Yang Maha Pengasih lagi Maha Pengampun.

Bersyukur ke hadrat ilahi dengan limpah kurniaNya saya telah berjaya menyelesaikan hasil penyelidikan ini dengan jayanya. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih serta setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu menyelesaikan projek penyelidikan ini. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih khususnya kepada pensyarah saya iaitu Dr. Nordiana binti Ab Jabar yang telah banyak menyumbang idea, tenaga serta tunjuk ajar dalam membimbang saya bagi melaksanakan projek penyelidikan ini. Semoga segala kebaikan yang telah dicurahkan kepada saya akan dibalas semula oleh Allah S.W.T dengan ganjaran yang lebih baik pada masa akan datang.

Seterusnya, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa serta keluarga atas segala nasihat serta sokongan yang tidak berbelah bahagi sewaktu saya melaksanakan kajian ini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang turut sama-sama berganding bahu dalam mencerahkan idea, dari sudut masa dan tenaga dalam menyempurnakan kajian ini. Ribuan terima kasih diucapkan dan segala pengorbanan yang telah dilakukan oleh mereka amatlah saya hargai.

Akhir sekali, saya berharap agar kajian yang telah dijalankan ini dapat memberi banyak kebaikan serta manfaat kepada semua golongan masyarakat serta pihak kerajaan dalam memberi pendedahan awal tentang perkara yang cuba disampaikan menerusi kajian ini. Segala kelemahan serta kekurangan dalam penyelidikan ini adalah berpunca daripada kekurangan diri saya sendiri dan segala kekuatan serta kebaikan semuanya hadir dengan keizinan Allah S.W.T.

Sekian, terima kasih.

	ISI KANDUNGAN	HALAMAN
<b>PENGESAHAN TESIS</b>		i
<b>PENGHARGAAN</b>		ii
<b>ISI KANDUNGAN</b>		iii
<b>SENARAI JADUAL</b>		iv
<b>ABSTRAK</b>		viii
<b>ABSTRACT</b>		ix
 <b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>		
1.1 Pengenalan		1
1.2 Latar belakang		4
1.2.1 Watak dan perwatakan		4
1.2.2 Definisi novel		6
1.2.3 Teori Feminisme		7
1.3 Permasalahan kajian		8
1.4 Persoalan kajian		10
1.5 Objektif kajian		10
1.6 Skop kajian		11
1.7 Kepentingan kajian		13
1.7.1 Kepentingan kepada negara		13
1.7.2 Kepentingan kepada masyarakat		14
1.7.3 Kepentingan kepada individu		14
1.8 Kesimpulan		16
 <b>BAB 2 SOROTAN KAJIAN LEPAS</b>		
2.1 Pengenalan		17
2.2 Kajian lepas mengenai citra dan perwatakan wanita		17
2.2.1 Tesis		17
2.2.1.1 Ijazah sarjana muda		18

2.2.1.2 Ijazah sarjana	18
2.2.1.3 Ijazah doktor falsafah	21
2.2.2 Jurnal dan artikel	22
2.2.3 Buku	25
2.3 Kajian lepas mengenai Khadijah Hashim dan karyanya	27
2.3.1 Tesis	27
2.3.1.1 Ijazah sarjana muda	27
2.3.1.2 Ijazah sarjana	28
2.3.1.3 Ijazah doktor falsafah	29
2.3.2 Jurnal dan artikel	30
2.3.3 Buku	31
2.4 Kajian lepas mengenai wanita dan teori Feminisme	32
2.4.1 Tesis	33
2.4.1.1 Ijazah sarjana muda	33
2.4.1.2 Ijazah sarjana	34
2.4.1.3 Ijazah doktor falsafah	35
2.4.2 Jurnal dan artikel	36
2.4.3 Buku	39
2.5 Kesimpulan	41

### BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	42
3.2 Reka bentuk kajian	44
3.2.1 Dokumentasi kajian	47
3.3 Cara pengumpulan data	50
3.3.1 Kaedah perpustakaan	52
3.3.2 Analisis dokumen	54
3.3.2.1 Teks	55
3.3.2.2 Artikel, jurnal dan buku	58
3.3.2.3 Sumber internet	59

3.4 Kaedah penerapan teori	60
3.4.1 Pengenalan teori Feminisme	60
3.4.1.1 Gelombang pertama Feminisme	62
3.4.1.2 Gelombang kedua Feminisme	63
3.4.1.3 Gelombang ketiga Feminisme	64
3.4.1.4 Kritikan sastera Showalter	65
3.4.2 Kaedah analisis	68
3.4.3 Kerangka konsep kajian	69
3.5 Penutup	70

#### **BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pendahuluan	71
4.2 Watak dan perwatakan wanita dalam novel <i>Badai Semalam</i>	73
4.2.1 Maksud watak dan perwatakan	73
4.2.2 Watak dan perwatakan wanita dalam novel <i>Badai Semalam</i>	74
4.2.2.1 Mazni	74
4.2.2.2 Puan Rohana	80
4.2.2.3 Ibu Mazni	85
4.2.2.4 Mak Atun	88
4.2.2.5 Dora	91
4.2.2.6 Puan Mahani	93
4.3 Peranan sosial yang dimainkan oleh golongan wanita berdasarkan kepada teori Feminisme.	95
4.3.1 Peranan sosial golongan wanita	95
4.3.1.1 Mazni	95
4.3.2 Pendekatan Berbalik Patriarki	103
4.4 Menganalisis sumbangan watak dan perwatakan wanita dalam novel <i>Badai Semalam</i> karya Khadijah Hashim pada masa kini.	113
4.4.1 Sumbangan watak dan perwatakan wanita dalam novel <i>Badai Semalam</i> karya Khadijah Hashim pada masa kini.	114

4.5 Penutup	126
<b>BAB 5 RUMUSAN</b>	
5.1 Pengenalan	127
5.2 Rumusan Kajian	129
5.3 Cadangan Kajian	133
5.3.1 Cadangan Kepada Negara	133
5.3.2 Cadangan Kepada Masyarakat	134
5.3.3 Cadangan Kepada Individu	135
5.4 Kesimpulan	136
<b>RUJUKAN</b>	137

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**SENARAI RAJAH**

**HALAMAN**

3.1 Kerangka teori	69
--------------------	----

## ANALISIS PERWATAKAN WANITA DALAM NOVEL *BADAI SEMALAM* KARYA KHADIJAH HASHIM MENURUT PERSPEKTIF FEMINISME

### ABSTRAK

Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk menganalisis perwatakan wanita dalam novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim. Perwatakan wanita merujuk kepada suatu gambaran yang jelas tentang perilaku seseorang individu itu dengan menjadi cerminan apa yang dibawa oleh persekitaran masyarakatnya dan pembentukan jati diri yang baik dalam kehidupan seharian. Selain itu, kajian ini dilakukan adalah untuk meneliti perwatakan khususnya bagi golongan wanita ini yang lebih tertumpu kepada aspek sosial dalam menekankan tentang tahap ketabahan yang tinggi dan kuat dalam menghadapi segala masalah berlandaskan kepada novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim. Menerusi teori Feminisme yang telah diasaskan oleh Elaine Showalter 1979, kajian ini telah mengaplikasikan pendekatan berbalik patriarki iaitu mengangkat kuasa serta martabat golongan wanita itu melebihi martabat yang dimiliki oleh golongan lelaki itu sendiri. Objektif kajian ini memfokuskan kepada tiga aspek penting iaitu mengenalpasti watak dan perwatakan wanita dalam novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim, mengkaji peranan yang dimainkan oleh golongan wanita dalam aspek sosial berdasarkan teori Feminisme dalam novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim dan menganalisis sumbangan watak dan perwatakan wanita dalam novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim pada masa kini. Metodologi kajian yang digunakan dalam melancarkan kajian ini ialah berbentuk kualitatif iaitu dokumentasi terhadap teks. Segala maklumat yang diperolehi akan diterjemahkan menerusi pilihan teks novel *Badai Semalam* berlandaskan kepada teori Feminisme. Hasil kajian mendapati bahawa analisis perwatakan wanita ini merupakan suatu aspek penting dalam menjadi wadah atau medium pengajaran bagi semua golongan masyarakat di negara ini. Hasil kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengangkat martabat golongan wanita dan secara tidak langsung memberi impak positif terhadap perjuangan hak khususnya bagi wanita dalam mempertahankan hak mereka.

**Kata kunci:** *Badai Semalam*, Khadijah Hashim, Kehidupan sosial, Perwatakan wanita, Teori Feminisme.

## ANALYSIS OF WOMEN'S CHARACTERS IN THE NOVEL OF THE *BADAI SEMALAM* BY KHADIJAH HASHIM ACCORDING TO THE PERSPECTIVE OF FEMINISM

### ABSTRACT

The purpose of this study is to analyze the character of women in the novel *Badai Semalam* by Khadijah Hashim. A woman's character refers to a clear picture of an individual's behavior by being a reflection of what is brought by her community environment and the formation of a good identity in everyday life. In addition, this study was conducted to examine the character especially for this group of women who are more focused on social aspects in emphasizing the high and strong level of perseverance in facing all problems based on the novel *Badai Semalam* by Khadijah Hashim. Through the theory of Feminism that was founded by Elaine Showalter in 1979, this study has applied the approach of reversing patriarchy, which is to elevate the power and dignity of women above the dignity of men. The objective of this study focuses on three important aspects, namely identifying the character and character of women in the novel *Badai Semalam* by Khadijah Hashim, studying the role played by women in social aspects based on Feminism theory in the novel *Badai Semalam* by Khadijah Hashim and analyzing the contribution of the character and character of women in *Badai Semalam* novel by Khadijah Hashim in the present day. The research methodology used in launching this study is qualitative, which is documentation of the text. All the information obtained will be translated through the text selection of the novel *Badai Semalam* based on the theory of Feminism. The results of the study found that the analysis of the character of this woman is an important aspect in being a container or teaching medium for all groups of people in this country. This research is aimed at raising the dignity of women and indirectly having a positive impact on the struggle for rights, especially for women in defending their rights.

**Keywords:** *Badai Semalam*, Khadijah Hashim, Social life, Female character, Feminist

Theory.

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan kajian

Penghasilan karya sastera adalah merangkumi daripada aspek kreativiti yang dikarang oleh pengarang itu sendiri iaitu melalui penggunaan bahasa yang menarik serta mempunyai makna disebalik kata atau lebih dikenali sebagai maksud yang tersirat dalam membentuk imajinasi seseorang pengkarya tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana manusia telah dijadikan sebagai bahan atau objek dalam membantu pengarang memperkembangkan idea yang kreatif melalui kehidupan sehari-hari dalam bentuk individu maupun dalam kalangan masyarakat. Perkara ini akan memberikan kesan positif terhadap penghasilan karya sastera yang menarik melalui gambaran yang jelas berkenaan dengan kehidupan sehari-hari yang dilakukan oleh manusia dan menjadikan pengarang lebih berwawasan dalam mencapai hasil yang membanggakan dari sudut penghasilan bagi sesebuah karya. Oleh itu, kebanyakkan golongan masyarakat pada hari ini telah menjadikan pembacaan novel sebagai keperluan untuk mengisi masa lapang mereka.

Novel merujuk kepada suatu penceritaan yang dihasilkan oleh seseorang pengarang bertujuan untuk menyampaikan maklumat berkenaan dengan nilai mengikut sebuah novel dan menjadi hiburan dalam mengisi masa lapang bagi pembacanya (Rini Agustina, 2015). Di samping itu, kebanyakkan novel yang telah diasaskan oleh pengarang-pengarang yang mempunyai kemahiran dalam penulisan ini jarang untuk melihat mereka meletakkan watak wanita atau perempuan ini sebagai suatu watak penting bagi penghasilan sebuah karya novel. Penerapan nilai sosial dalam kalangan masyarakat boleh dijadikan sebagai panduan yang baik untuk mengangkat watak wanita dalam keperluan penghasilan sebuah novel tersebut.

Berdasarkan pernyataan Fitriah dan Fitriani (2017), novel merupakan suatu bentuk penceritaan yang mempunyai hubungkait dengan perilaku sosial dan pengalaman individu maupun masyarakat dalam bentuk prosa kompleks. Selain itu, terdapat banyak kisah yang melibatkan masalah yang dihadapi oleh golongan wanita ini boleh diambil kira dalam menghasilkan sebuah novel yang memperjuangkan hak kesamaan mengikut jantina khusus bagi golongan wanita. Secara tidak langsung masyarakat dapat mengetahui dengan jelas tentang penindasan wanita ini dan hak yang sewajarnya dapat dipertahankan dengan baik. Tuntasnya, karya novel ini dilihat sedikit sebanyak dapat membuka minda pembaca tentang kepentingan dalam memupuk nilai baik bagi menjalani kehidupan sehari-hari dengan keadaan yang harmoni.

Novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim ini telah memberikan suatu gambaran yang jelas tentang sebuah penceritaan yang membincangkan tentang hak yang diperjuangkan oleh golongan wanita menerusi novel ini. Hal ini kerana pengarang lebih tertarik dalam mengetengahkan isu yang dihadapi oleh golongan wanita pada masa ini dan menjadi karya novel ini sebagai medium penyebaran maklumat berkenaan hak yang perlu dipertahankan

oleh golongan wanita. Selain itu, maklumat yang diceritakan dalam novel *Badai Semalam* ini sangat menarik untuk diteliti dan dikaji kerana novel ini mempunyai jalan cerita yang menarik dalam ketabahan dan perjuangan gigih yang dimainkan oleh watak wanita. Jelaslah bahawa kajian yang dibuat menerusi novel *Badai Semalam* ini mempunyai kaitan dengan perspektif Feminisme yang menjadi asas dalam keberhasilan kajian ini.



## 1.2 Latar belakang kajian

Latar belakang kajian merupakan satu aspek penting dalam setiap bentuk penyelidikan yang dijalankan tidak kira peringkat menengah, universiti dan sebagainya. Hal ini dikatakan demikian kerana latar belakang kajian ini mempunyai fungsi yang tersendiri dengan mengukuhkan segala pandangan atau ujaran idea yang telah dikemukakan pada bahagian pendahuluan. Latar belakang kajian yang dibuat ini adalah untuk memfokuskan kepada tajuk kajian iaitu *Analisis Perwatakan Wanita Dalam Novel Badai Semalam Karya Khadijah Hashim Menurut Perspektif Feminisme*. Oleh itu, terdapat pelbagai rujukan yang boleh dikemukakan melalui penggunaan tajuk ini untuk mengukuhkan hasil kajian yang dijalankan ini.

### 1.2.1 Watak dan perwatakan

Watak dan perwatakan merupakan satu aspek penting yang perlu diketengahkan melalui kajian yang dijalankan ini. Perwatakan boleh didefinisikan sebagai watak atau perilaku seseorang yang pada dasarnya memberi gambaran yang jelas tentang penerangan watak dan pembentukannya secara keseluruhan (Kamus Dewan Bahasa, 2005). Berdasarkan kepada pernyataan Mawarni dan Sumartini (2020), mereka menyatakan bahawa watak boleh dikenali sebagai citra yang merangkumi suatu lakaran atau gambaran perilaku seseorang yang ditonjolkan di dalam sebuah novel bagi mewujudkan keindahan dalam watak. Perilaku seseorang individu itu merupakan cerminan yang dibawa oleh persekitaran masyarakatnya

dan pembentukan jati diri yang baik dalam kehidupan sehari-hari. Selain itu, perwatakan khususnya bagi golongan wanita ini lebih menjuruskan kepada tahap ketabahan yang tinggi dan kuat dalam menghadapi segala masalah yang dialaminya (Nor Hashimah dan Norsimah, 2005). Hal ini dikatakan demikian kerana seorang wanita mestilah mempunyai sifat sabar dalam diri supaya segala masalah yang dihadapi oleh wanita tersebut dapat diselesaikan dengan cara yang baik seperti berbincang, berkomunikasi dan sebagainya. Di samping itu, setiap watak yang dikemukakan dalam sebuah novel mempunyai peranannya yang tersendiri termasuk watak lelaki dan watak wanita (Abdul Razak Panaemalae, 2015). Perkara ini menunjukkan setiap watak yang terkandung di dalam novel ada fungsinya yang tersendiri dalam memberi nilai yang baik kepada semua golongan masyarakat. Menurut Daud Manno (2020), watak yang digunakan adalah memberi gambaran jelas kepada kehidupan yang dialami masyarakat pada hari ini. Seseorang pengarang itu mestilah mempunyai pemikiran yang kritis dalam menghasilkan sesbuah karya ilmiah dan pada kebiasaannya setiap penulisan yang ditarung oleh pengarang itu sendiri adalah datangnya daripada pengalaman pengarang itu sendiri dalam mengharungi liku-liku dalam kehidupan. Oleh itu, watak dan perwatakan ini sangat penting dalam menjadi asas kepada struktur pembinaan sebuah novel yang berkualiti untuk dijadikan sebagai sumber rujukan dalam kalangan masyarakat. Penggunaan watak dan perwatakan ini dilihat selari dengan penggunaan tajuk kajian yang dijalankan ini dan secara tidak langsung dapat membantu dalam menghasilkan kajian yang lebih sistematik untuk menjadi rujukan bagi pengkaji lain.

### 1.2.2 Definisi novel

Novel boleh didefinisikan sebagai suatu kaedah penulisan yang ditulis oleh seorang pengarang yang pada kebiasaanya mempunyai makna yang tersendiri mahupun suasana persekitaran dalam hidup bermasyarakat (Salam dan Akmal, 2018). Berdasarkan pernyataan Muhammad Sidiq dan Ngusman Abdul Manaf (2020), mereka menegaskan bahawa novel yang ditulis oleh pengarang menggambarkan sebuah corak penceritaan yang merangkumi kehidupan diri mereka sendiri. Perkara ini merujuk kepada kehidupan pengarang itu sendiri dalam mencorakkan sesuatu idea dalam penulisan dan karya yang dihasilkan selari dengan kehidupan masyarakat pada masa ini. Seterusnya, novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim mempunyai pelbagai idea dan pemikiran khususnya melibatkan masalah sosial yang sering kali berlaku dalam kehidupan masyarakat pada hari ini (Siti Khairiah dan Nur Aisyah, 2014). Seterusnya, novel *Badai Semalam* ini memperlihatkan perjuangan yang dimainkan oleh watak wanita dalam mempertahankan haknya daripada terus digugat (Nurhasmira, Roslina dan Rozita, 2019). Menurut Masrizayu Mustafa (2006), beliau menyatakan bahawa pemikiran yang terkandung dalam novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim ini mempunyai idea dan hujah yang bernas dalam menjadi panduan masyarakat kini. Sehubungan dengan itu, kajian berdasarkan tentang definisi novel ini mempunyai banyak makna yang boleh diketengahkan untuk membantu dalam melaksanakan kajian ini. Kebanyakkann definisi novel yang dikaji adalah menerusi pengalaman pengarang itu sendiri. Secara tidak langsung, perkara ini dapat membuka minda pengkaji untuk menelusuri kajian ini dengan lebih teliti bagi menghasilkan kajian yang mantap.

### 1.2.3 Teori Feminisme

Feminisme merupakan himpunan bagi sesetengah teori yang berkaitan iaitu teori sosial, gerakan politik dan falsafah moral yang pada kebiasaannya didorong oleh pembebasan hak wanita atau perempuan daripada pengecualian oleh kaum lelaki (Rokhmansyah, 2016). Selain itu, wanita dianggap mempunyai kekuatan dan tidak selemah seperti yang dianggap oleh kaum lelaki (Elaine Showalter, 1986). Berdasarkan kepada pernyataan Sutanto (2017), sebahagian besar ahli-ahli aktif bagi gerakan kewanitaan berasa sangat bimbang dengan perkara ini kerana dianggap bahawa berlaku ketaksamaan sosial, politik dan juga ekonomi antara lelaki dan perempuan yang dilihat lebih memihak kepada kaum lelaki. Abbas, (2020) menegaskan bahawa wanita seharusnya mempunyai hak yang sewajarnya jika sekiranya hak tersebut tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Terdapat banyak penggunaan karya yang dihasilkan oleh pengarang-pengarang demi untuk menyuarakan hak yang perlu dimiliki oleh seorang wanita (Hayati, 2012). Oleh yang demikian, kajian ini memperincikan tentang keseluruhan dari aspek perwatakan wanita dalam novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim menurut perspektif Feminisme.

### 1.3 Permasalahan kajian

Berdasarkan kepada permasalahan kajian yang di telah dilaksanakan mendapatkan bahawa kajian lepas lebih tertumpu kepada faktor pemikiran pengarang iaitu Khadijah Hashim, Emansipasi dan sebagainya. Namun demikian, kajian berdasarkan analisis perwatakan wanita dalam karya Khadijah Hashim iaitu *Badai Semalam* berdasarkan teori Feminisme masih belum dikaji oleh para pengkaji yang lain. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakkan masyarakat tidak mengambil iktibar daripada karya yang dihasilkan oleh Khadijah Hashim.

Khadijah Hashim merupakan seorang tokoh yang penting bagi negara khususnya bidang Kesusastraan Warisan dalam mempunyai daya pemikiran yang kritis terhadap penulisan, novel dan sebagainya. Khadijah Hashim merupakan seorang tokoh wanita yang kreatif, bijak memberikan gambaran tentang cerminan hidup masyarakat dan mempunyai nilai dalam penulisan karya beliau (Siti Khariah binti Mohd, Zubir dan Nur Aisyah binti Abdullah, 2014). Oleh yang demikian, pengkaji berpendapat bahawa analisis perwatakan wanita yang cuba ditekankan oleh penulis berdasarkan kajian terhadap teks dalam novel ini perlu diketengahkan bagi mendapat perhatian daripada semua golongan masyarakat. Segala agenda yang dimainkan oleh watak wanita berdasarkan novel *Badai Semalam* merupakan cerminan hidup yang dilalui oleh masyarakat yang terdahulu dan perkara ini ada yang masih kekal berlanjutan sehingga ke hari ini. Sehubungan dengan itu, terdapat pelbagai masalah yang dialami oleh kaum wanita terutamanya melalui aspek sosial yang lebih memihak kepada kaum lelaki. Masalah sosial ini berlaku dalam semua golongan masyarakat tidak kira kaya maupun miskin dan perkara ini sering kali melibatkan penindasan hak bagi golongan

wanita. Contohnya, berlaku masalah rumah tangga yang melibatkan ramai artis tempatan seperti Puteri Sarah yang tidak diberikan hak untuk berbincang serta bersuara melibatkan kehendak peribadi suaminya. Secara tidak langsung, hak kebebasan wanita ini telah digugat serta boleh memberikan impak buruk kepada status hubungan baik antara suami dan isteri.

Tuntasnya, menerusi novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim adalah merupakan salah satu pilihan yang menarik dari sudut perwatakan wanita yang diketengahkan bagi membantu kaedah penyelidikan ini untuk mudah difahami khususnya berkenaan dengan masalah-masalah yang ingin disampaikan melalui fenomena dalam kalangan masyarakat. Perkara ini secara tidak langsung mempunyai kaitan dengan teori Feminisme yang cuba diusulkan melalui penulisan novel *Badai Semalam* ini. Kaum wanita mempunyai kedudukan yang rendah dan berlaku diskriminasi sosial yang menjuruskan kepada kedudukan wanita yang subordinat dalam sosial serta memiliki peringkat pendidikan yang rendah (Khotimah, 2009). Oleh itu, kajian yang dibuat ini lebih tertumpu kepada analisis perwatakan wanita dan perspektif teori Feminisme dalam novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim.

### 1.4 Persoalan kajian

Berikut terdapat 3 persoalan yang dikemukakan dalam kajian ini:

- I. Apakah watak dan perwatakan wanita dalam novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim?
- II. Apakah peranan yang dimainkan oleh golongan wanita dalam aspek sosial berdasarkan teori Feminisme dalam novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim?
- III. Apakah sumbangan watak dan perwatakan wanita dalam novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim pada masa kini?

### 1.5 Objektif kajian

Berikut menunjukkan 3 objektif yang dibincangkan dalam kajian ini:

- I. Mengenalpasti watak dan perwatakan wanita dalam novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim.
- II. Mengkaji peranan yang dimainkan oleh golongan wanita dalam aspek sosial berdasarkan teori Feminisme dalam novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim.
- III. Menganalisis sumbangan watak dan perwatakan wanita dalam novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim pada masa kini.

## 1.6 Skop kajian

Skop kajian bagi kajian ini ialah merangkumi ruang lingkup kajian yang telah ditetapkan supaya tidak melepas batasan kajian yang dijalankan. Skop kajian ini memfokuskan kepada kajian terhadap teks novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim. Kajian ini hanya meliputi konteks kesusasteraan serta perkara ini tidak melibatkan isu-isu lain yang berkaitan dengan penulis iaitu Khadijah Hashim. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan teks novel *Badai Semalam* (1968) adalah terbatas dan penekanan yang jelas terhadap perwatakan wanita diketengahkan bagi mendalami segala isu yang berkaitan dengan perspektif Feminisme. Novel *Badai Semalam* ini menjadi pilihan pengkaji kerana kandungan yang terdapat di dalam novel ini sangat menarik untuk dikaji secara terperinci dan kandungannya selari dengan penggunaan teori Feminisme yang cuba diketengahkan dalam memperjuangkan hak wanita.

Kajian ini menjuruskan kepada penggunaan kaedah kualitatif melalui sumber daripada perpustakaan. Kajian yang dibuat adalah selari dengan penggunaan kaedah ini iaitu pencarian maklumat yang berkenaan dengan menggunakan bahan bacaan seperti artikel, buku, majalah dan sebagainya. Pencarian maklumat ini penting bagi menghasilkan kajian yang sempurna dan penerapan teori Feminisme ini dapat diolah dengan baik melalui perwatakan yang diceritakan dalam novel. Selain itu, pendekatan berbalik patriarki telah diaplikasikan dalam menjalankan kajian ini. Hal ini kerana berlaku masalah atau konflik yang melibatkan gender dan kebanyakannya hanya memihak kepada kaum lelaki. Kaum lelaki digambarkan mempunyai kuasa atau hak yang kuat dalam pembentukan sosial, politik dan ekonomi bagi sesebuah negara. Namun demikian, golongan wanita tidak mendapatkan hak

yang sewajarnya mereka miliki dan perkara ini telah membangkitkan perjuangan penuntutan hak bagi golongan wanita. Oleh itu, pendekatan berbalik patriarki ini dilihat dapat membawa satu impak perubahan yang besar khususnya bagi status sosial dalam kalangan masyarakat dan hak wanita dapat dipertahankan daripada terus diganggu. Justeru itu, perkara ini perlu diberikan fokus yang tinggi terhadap perwatakan wanita dengan mengaplikasikan teori Feminisme bagi mengupas segala masalah yang terkandung dalam penceritaan novel *Badai Semalam* supaya boleh dijadikan sebagai sumber rujukan kepada masyarakat di negara ini.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 1.7 Kepentingan kajian

Kajian ini dijalankan untuk tujuan penelitian terhadap analisis perwatakan wanita yang terkandung dalam novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim. Khadijah Hashim ini merupakan seorang tokoh wanita yang banyak berjasa kepada negara dengan menghasilkan pelbagai karya-karya yang menarik bagi memberi kesedaran kepada semua golongan masyarakat. Dengan ini, pengkaji merasa terpanggil untuk melakukan kajian yang mendalam walaupun terdapat kekurangan terhadap kajian ini namun kajian ini perlu dilaksanakan bagi mengangkat hak ketaksamaan jantina khususnya bagi wanita menerusi novel ini.

### 1.7.1 Kepentingan kepada negara

Kepentingan kajian ini bagi negara ialah dapat membuka ruang dan peluang bagi komuniti kaum wanita untuk turut serta dalam meningkatkan status sosial, politik dan ekonomi bagi negara. Hal ini dikatakan demikian kerana perwatakan wanita memberi impak baik kepada perkembangan status dalam negara dengan segala tenaga dan ideologi yang bernas. Oleh yang demikian, wanita merupakan aset negara yang penting dalam membantu mencurahkan segala idea dan kritikan yang baik bagi membantu negara untuk terus berkembang maju bersaing dengan negara-negara yang lain.

### 1.7.2 Kepentingan kepada masyarakat

Khadijah Hashim sangat mementingkan hak kesamarataan dalam kalangan masyarakat bagi berlaku adil dan tidak berlaku diskriminasi antara golongan lelaki dan juga wanita. Perwatakan wanita yang ditonjolkan menerusi novel ini mempunyai sifat ketabahan yang tinggi dan menunjukkan bahawa wanita merupakan suatu golongan yang hebat dalam memperjuangkan hak mereka. Perjuangan ini merangkumi aspek kemasyarakatan kerana setiap individu mempunyai peranan dengan memastikan keadilan hak dapat digapai bersama demi melahirkan masyarakat yang harmoni. Setiap masyarakat mestilah mempunyai rasa tanggungjawab dalam diri dengan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh menjaskan kestabilan hidup bermasyarakat. Jelaslah bahawa kajian yang dijalankan ini membawa kepentingan yang penting bagi memberi kesedaran kepada masyarakat tentang hak yang adil bagi golongan wanita menerusi aspek sosial dan sebagainya.

### 1.7.3 Kepentingan kepada individu

Di samping itu, novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim telah berjaya memperlihatkan usaha dan kejayaan yang dimiliki oleh golongan wanita dalam mempertahankan hak individu daripada terus ditekan oleh golongan yang tidak bertanggungjawab. Penceritaan novel ini mempunyai jalan cerita yang sejajar dengan kehidupan wanita untuk sentiasa bersabar dan terus berjuang dalam mempertahankan hak

mereka daripada terus ditindas. Setiap individu khususnya bagi wanita perlu mengaplikasikan jati diri yang baik dalam diri seperti sikap sabar dan sentiasa cekal dalam menghadapi segala masalah yang dihadapi dalam kehidupan. Penceritaan novel ini juga dilihat mempunyai peranan besar dalam membuka minda serta penambahan ilmu yang bermanfaat bagi memberi kesedaran kepada setiap individu wanita itu. Oleh itu, setiap individu mestilah memainkan peranan penting dalam memupuk jati diri yang baik supaya permasalahan gender ini tidak berlaku pada masa akan datang.



## 1.8 Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian yang dijalankan ini adalah merupakan sebuah gambaran yang jelas merangkumi segala perkara yang berkaitan dengan bab satu. Hal ini dikatakan demikian kerana segala aspek telah dimasukkan ke dalam kajian ini iaitu pengenalan, objektif kajian dan sebagainya. Unsur Feminisme yang terdapat dalam novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim telah diguna pakai bagi menghasilkan sebuah kajian yang berkualiti. Selain itu, objektif kajian telah dikemukakan bagi menjawab segala persoalan yang timbul berkaitan dengan unsur Feminisme dalam novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim. Khadijah Hashim merupakan seorang tokoh penulis yang berbakat dan beliau ada mengangkat hak wanita dalam kalangan masyarakat. Perkara ini jelas dapat membuka minda masyarakat pada masa ini tentang kepentingan terhadap hak kesamarataan terhadap golongan wanita serta pengkarya lain perlu menjadikan Khadijah Hashim ini sebagai satu contoh teladan yang baik dalam menghasilkan sebuah karya yang baik. Terdapat beberapa jenis buku dan artikel yang telah digunakan dalam kajian ini bagi memperkuuhkan lagi kajian lepas yang telah dibuat. Oleh yang demikian, segala keperluan yang diperlukan dalam kajian ini telah dijelaskan dan pengkaji berharap agar segala usaha yang telah dibuat bagi menjalankan kajian ini dapat mengisi segala kekurangan terhadap penyelidikan pada masa yang akan datang.

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN LEPAS

#### 2.1 Pengenalan

Sorotan kajian boleh ditakrifkan sebagai suatu fakta yang dikemukakan melalui pernyataan-pernyataan yang dibuat di dalam kajian untuk mengukuhkan objektif yang telah diketengahkan oleh pengkaji (Sulistyo Basuki, 1991). Perkara ini jelas dapat ditekankan melalui penggunaan teori yang bersesuaian dengan kajian yang dijalankan lebih tertumpu kepada kebenaran dan juga fakta yang tepat. Hal ini kerana penggunaan teori ini sangat berkait dengan tajuk kajian dan terdapat pernyataan yang ditekankan menjurus kepada isi kandungan yang boleh dilihat melalui sorotan kajian ini.

#### 2.2 Kajian lepas mengenai citra dan perwatakan wanita

##### 2.2.1 Tesis

### 2.2.1.1 Ijazah sarjana muda

Kajian yang dilaksanakan oleh Lina Amalina (2012) iaitu *Citra wanita dalam novel Surat Buat Themis karya Mira W: Tinjauan sastera Feminis*. Kaedah kualitatif telah diaplikasikan dalam kajian ini yang menjadi asas kepada penggunaan metode bagi penelitian ini berdasarkan kepada pendekatan analitis. Hal ini dikatakan demikian kerana kaedah deskriptif telah terapkan bagi membantu dalam menganalisis data menggunakan kaedah kualitatif bagi mewujudkan kesan terhadap data yang bersifat mentafsirkan, memaparkan, menuturkan dan sebagainya. Oleh yang demikian, rumusan mendapati bahawa tema, penokohan alur dan latar cerita ini merupakan suatu asas yang terkandung dalam novel *Surat Buat Themis* karya Mira W. Jelaslah bahawa perwatakan wanita yang digambarkan melalui novel ini adalah lebih menjurus kepada personaliti yang baik seperti wanita yang gigih dalam berusaha, seorang yang sabar dan lain-lain.

### 2.2.1.2 Ijazah sarjana

Beberapa kajian telah dijalankan oleh pengkaji lain berkenaan dengan golongan wanita antaranya ialah Hasindah Mawarni (2019), tesis Master beliau yang berjudul *Citra wanita tokoh utama dalam Novel Cerita Tentang Rani karya Herry Santoso kajian kritik sastera Femini*. Kajian yang dijalankan ini adalah merujuk kepada perwatakan diri bagi seorang wanita yang merangkumi aspek psikologi dan fizikal. Watak wanita iaitu Rani ini memberi gambaran yang jelas kepada sikap yang tegas, penyayang, taat kepada perintah

suami dan sebagainya. Watak Rani ini juga menggambarkan kepada sebuah personaliti yang baik, wanita yang cantik dan sudah berkahwin. Kajian ini lebih menjuruskan kepada aspek sosial yang terkandung di dalam novel yang melibatkan kehidupan bermasyarakat termasuklah berkeluarga. Rani digambarkan memegang watak sebagai seorang isteri yang baik dan mempunyai tanggungjawab yang besar perlu digalas untuk menjamin kehidupan yang harmoni. Jelaslah bahawa kajian ini sangat mementingkan tanggungjawab bagi seorang wanita dalam meningkatkan taraf hubungan kekeluargaan yang baik.

Selain itu, Evi Marlina Harahap (2014), menulis dalam tesis Master beliau iaitu *Citra wanita dalam novel Kesturi dan Kepodang Kuning karya Afifah Afra: analisis sastera Feminis*. Kajian yang dilaksanakan adalah untuk memberi cerminan kepada kehidupan masyarakat khususnya melalui psikologi wanita yang terkandung di dalam watak novel sebagai satu pendekatan atau suatu gambaran dalam kehidupan. Sehubungan dengan itu, penggunaan teori feminism ini adalah sangat bersesuaian dengan kajian yang dijalankan bagi membantu dalam menjelaskan lagi makna serta masalah yang dialami oleh golongan wanita. Tugas wanita ini dilihat sangat tidak relevan mengikut budaya masyarakat yang terdahulu iaitu wanita ini seringkali dianggap untuk menjadi suri rumah dan hanya memasak di dapur untuk memberikan keutamaan kepada suami dan anak-anak. Oleh itu, kebanyakan masyarakat masih menganggap status wanita dalam pembangunan atau ekonomi tidak begitu penting bagi mereka serta perkara ini telah membangkitkan rasa tidak puas hati bagi golongan wanita.

Secara umumnya, perbezaan yang terdapat menerusi kajian Hasindah Mawarni (2019) dan Evi Marlina Harahap (2014) ialah kajian Hasindah Mawarni (2019) lebih memberi penekanan terhadap peranan wanita dalam sebuah institusi kekeluargaan dengan

sentiasa sabar dalam menjalani kehidupan, taat kepada suami dan sebagainya. Namun demikian, kajian Evi Marlina Harahap (2014) pula lebih menjuruskan kepada psikologi wanita yang memandang tinggi aspek ekonomi bagi golongan wanita supaya tidak hanya pandai duduk di dapur sahaja dan mahir juga dalam pelbagai bidang yang dicemburuinya. Jelaslah bahawa golongan wanita mempunyai peranan yang tersendiri dalam membentuk kerjaya hidup yang terbaik demi menempuh kehidupan sehari-hari.

Seterusnya, tesis Master yang dilaksanakan oleh Deviana Evi Eryani (2012) iaitu *Aspek Keperibadian Tokoh Dila Dalam Novel Surat Buat Themis karya Mira W. Tinjauan: Psikologi Sastera*. Kaedah kualitatif telah diaplikasikan dalam kajian ini yang menjadi asas kepada penggunaan metode bagi penelitian ini berdasarkan kepada pendekatan analitis. Hal ini dikatakan demikian kerana kaedah deskriptif telah terapkan bagi membantu dalam menganalisis data menggunakan kaedah kualitatif bagi mewujudkan kesan terhadap data yang bersifat mentafsirkan, memaparkan, menuturkan dan sebagainya. Oleh yang demikian, rumusan mendapati bahawa tema, penokohan alur dan latar cerita ini merupakan suatu asas yang terkandung dalam novel Surat Buat Themis karya Mira W. Perwatakan wanita yang digambarkan melalui novel ini adalah lebih menjurus kepada personaliti yang baik seperti wanita yang gigih dalam berusaha, seorang yang sabar dan lain-lain.

Akhir sekali, kajian yang dibuat oleh Yong Kee Ping (2000) yang bertajuk *Perwatakan Wanita Dalam Drama Moden Lao She (1899-1966)*. Kajian ini menjuruskan kepada seorang tokoh yang menulis berkenaan dengan aliran realisme khususnya dalam kesusasteraan Cina. Objektif kajian ini ialah untuk mengulas berkenaan dengan perwatakan wanita menerusi drama moden Lao She. Kajian ini memfokuskan kepada cerminan

kehidupan serta psikologi yang membawa watak wanita melalui karya ini. Golongan wanita merupakan satu individu yang kuat dan cekal dalam menghadapi dugaan hidup yang berat demi menjalani kelangsungan hidup dengan harmoni.

Perbezaan yang terdapat melalui kajian Deviana Evi Eryani (2012) dan Yong Kee Ping (2000) ialah kajian yang pertama memberi gambaran kepada seorang wanita yang menjadi tokoh teladan yang baik bagi golongan masyarakat dalam membentuk personaliti diri yang baik manakala kajian kedua lebih memfokuskan kepada perwatakan wanita yang berunsurkan kepada bentuk drama yang lebih jelas dan mudah untuk masyarakat fahami serta boleh dijadikan sebagai satu pengajaran yang bermakna supaya golongan wanita ini tidak dinafikan hak mereka. Oleh itu, setiap kajian yang dibuat mestilah mempunyai mesej yang tersendiri bagi memperjuangkan hak wanita dari pelbagai sudut supaya golongan wanita ini mendapatkan hak kesamarataan yang adil dengan golongan lelaki.

### **2.2.1.3 Ijazah doktor falsafah**

Bagi kajian Ijazah Doktor Falsafah, pengkaji mendapati bahawa terdapat kesukaran untuk mendapatkan data kajian kerana kajian berkenaan dengan perwatakan wanita ini masih kurang dikaji oleh pengkaji lain dan masih belum mendapat perhatian yang lebih mendalam bagi menjalankan kajian ini. Oleh itu, pengkaji tidak dapat memberikan data yang lengkap menerusi sorotan kajian ini bagi membantu proses kajian dijalankan dengan lancar.

### 2.2.2 Jurnal dan artikel

Terdapat beberapa kajian lepas yang boleh ditelusuri untuk mengukuhkan hasil kajian yang dilakukan terhadap perwatakan wanita antaranya Norazimah Zakaria dan Mazarul Hasan Mohamad Hanapi (2022) menerusi kajian jurnal mereka yang bertajuk *Konflik Diri Dan Citra Wanita Dalam Teks Sulalatus Salatin @ Sejarah Melayu*. Objektif kajian ini memfokuskan kepada watak-watak yang mempunyai konflik dengan diri dan menganalisis konflik tersebut melalui penggunaan watak wanita melalui pendekatan psikoanalisis. Kaedah kualitatif telah menjadi pilihan utama untuk menjalankan kajian ini kerana segala sumber atau maklumat adalah berdasarkan sumber dari perpustakaan dan penggunaan analisis terhadap teks bagi mencapai konflik dalam watak terpilih. Oleh itu, hasil kajian mendapatkan bahawa personality manusia berteraskan kepada tiga aspek iaitu ego, superego dan id yang menjuruskan kepada konflik diri khususnya watak wanita. Kehidupan masyarakat wanita pada masa ini sangat berbeza pada zaman feudal yang merangkumi konflik diri mengakibatkan kepada kesan buruk kepada kejatuhan sistem politik dalam negara.

Selain itu, Abdul Halim Ali dan Roziana Abdullah (2018) menerusi kajian jurnal yang bertajuk *Perwatakan Wanita Melayu Muslim Dalam Novel Diari Seorang Jururawat Karya Aminah Mokhtar*. Pandangan personaliti melalui luaran lebih terdiri daripada budaya dan ketakwaan. Namun demikian, aspek kerohanian mewakili aspek dalaman bagi diri seseorang itu. Kaedah kualitatif dilihat dapat membantu untuk memberikan fakta yang tepat melalui kaedah ke perpustakaan. Dapatkan kajian yang diketengahkan melalui kajian ini adalah melalui perwatakan dalam novel iaitu Siti Munirah sebagai watak utama. Beliau merupakan seorang wanita Muslim yang mempunyai jati diri yang baik, budaya, ketakwaan,

kerohanian dan personaliti yang menjuruskan kepada ketaatan kepada Allah berlandaskan konsep talbiah. Jelaslah bahawa unsur ketauhidan yang terkandung dalam watak wanita melalui novel ini tidak pandang tinggi oleh tokoh-tokoh feminism di Barat.

Perbezaan yang boleh dikemukakan melalui kajian Norazimah Zakaria dan Mazarul Hasan Mohamad Hanapi (2022) serta Abdul Halim Ali dan Roziana Abdullah (2018) ialah kajian pertama menelusuri tentang masalah atau konflik yang dibawa oleh watak wanita bagi memberi gambaran kepada kehidupan masyarakat dan perkara ini memberikan kesan buruk kepada negara dari segi politik, ekonomi dan sosial. Bagi kajian kedua pula, watak wanita ini dilihat sebagai satu watak wanita muslim yang lebih mementingkan aspek ketakwaan dalam diri, aspek kerohanian dan jati diri yang baik supaya segala perkara yang dilakukan tidak bertentangan dengan ajaran Islam.

Seterusnya, Nur Syifaa Atikah Binti Nordin dan Che Abdullah Bin Che Ya (2018) menerusi kajian jurnal bertajuk *Watak Wanita Dalam Bidadari Dari Perspektif Ginokritik: Penelitian Psikologi Dan Budaya*. Kajian ini memfokuskan kepada kehidupan yang dilalui oleh golongan wanita melalui pengalaman sebenar kehidupan dalam kalangan masyarakat. Terdapat beberapa perkara yang diketengahkan melalui kajian ini iaitu pembentukkan hubungan yang kuat dalam kesatuan wanita yang melibatkan budaya dan perwatakan jiwa wanita. Kajian ini boleh disimpulkan menerusi novel Aminah Mokhtar dengan kecemerlangan watak wanita yang sentiasa kuat dalam menempuh segala rintangan dalam kehidupan yang lebih berpihak kepada kaum lelaki pada masa ini. Noor Aida Mahmor dan Nasihah Hashim (2015), mereka telah menjalankan kajian jurnal yang bertajuk “Citra Wanita Melayu Dalam Cerita Animasi Kanak-Kanak Upin dan Ipin”. Kajian ini menerangkan tentang suatu bentuk penceritaan animasi kanak-kanak yang melibatkan citra wanita Melayu

dan terdapat pelbagai mesej yang berkait dengan cara hidup serta latar belakang masyarakat Melayu di Malaysia. Watak wanita di dalam cerita ini dilihat dapat memberikan cerminan yang baik yang boleh dijadikan sebagai suatu bahan rujukan yang baik bagi anak-anak yang melihatnya. Pendekatan Feminisme telah digunakan dalam kajian ini untuk memberi satu impak baik bagi memberi gambaran watak wanita sebagai seorang yang rendah diri dan percaya kepada takdir. Jelaslah bahawa hasil kajian ini menegaskan bahawa nilai positif yang terkandung dalam cerita ini iaitu watak wanita yang sentiasa bergantung harap kepada ajaran agama dalam menjalani kehidupan sehari-hari.

Di samping itu, Lizawati (2015) dalam kajian jurnal yang bertajuk *Analisis Citra Wanita Dalam Novel Perempuan Jogja Karya Achmad Munif*. Kajian ini dijalankan atas dasar penyampaian terhadap citra wanita yang diketengahkan oleh pengarang menerusi novel Perempuan Jogja. Kaedah kualitatif telah digunakan dalam kajian ini untuk membantu mengemukakan fakta-fakta yang menarik melalui pendekatan psikologi yang berasaskan kepada nilai sastera. Oleh itu, hasil kajian menunjukkan bahawa citra fisik menerusi watak wanita iaitu Raden Ayu adalah seorang wanita yang anggun dan cantik. Rumanti wanita itu digambarkan sebagai satu sosok yang kasih kepada suami, sabar dalam segala ujian dan tidak pentingkan diri sendiri.

Akhir sekali, perbezaan yang boleh dilihat melalui ketiga-tiga jurnal ini ialah Nur Syifaa Atikah Binti Nordin dan Che Abdullah Bin Che Ya (2018) yang memfokuskan kepada kehidupan yang dilalui oleh golongan wanita melalui pengalaman sebenar kehidupan dalam kalangan masyarakat. Selain itu, Noor Aida Mahmor dan Nasihah Hashim (2015) yang menerangkan tentang suatu bentuk penceritaan animasi kanak-kanak yang melibatkan citra wanita Melayu dan terdapat pelbagai mesej yang berkait dengan cara hidup serta latar

belakang masyarakat Melayu di Malaysia. Seterusnya, Lizawati (2015) citra fisik menerusi watak wanita iaitu Raden Ayu adalah seorang wanita yang anggun dan cantik. Jelaslah bahawa ketiga-tiga kajian yang dijalankan ini mempunyai hasil dapatan yang berbeza mengikut penyelidikan masing-masing.

### **2.2.3 Buku**

Kajian terhadap Gender melalui karya Ungku Maimunah Mohd. Tahir telah dilaksanakan khususnya dalam bidang sastera Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian ini menfokuskan kepada gender yang berkait rapat dengan kehidupan masyarakat. Pada umumnya, perkataan gender ini lebih menjuruskan kepada dua kategori iaitu perempuan dan lelaki. Terdapat pelbagai konflik yang berlaku melibatkan masalah gender ini seperti pandangan yang berbeza dari sudut budaya masyarakat dahulu, perbezaan status sosial dan sebagainya. Masalah ini sering kali berlaku khususnya bagi golongan wanita yang sering diganggu gugat hak mereka hingga ke hari ini. Oleh yang demikian, kajian yang dibuat berdasarkan buku ini boleh membantu dalam membuka minda masyarakat tentang ketidaksamaan gender yang berlaku khususnya dalam kalangan wanita dan secara tidak langsung masalah ini dapat diangkat serta dipandang serius oleh masyarakat bagi membendung masalah yang berlaku ini daripada terus menular.

Seterusnya, novel yang dikaji ialah novel *Cinta Suci Zahrana* karya Habiburrahman El Shirazy. Novel ini telah diterbitkan pada tahun 2012 dan pelbagai jenis kajian yang bermanfaat boleh dikaji berdasarkan novel ini. Pada asasnya, penulisan novel ini adalah selari

dengan pemikiran yang bermain diminda pengarang itu sendiri dan ada juga bahagian yang berkait dengan pengalaman yang dialami oleh pengarang itu sendiri. Perkara ini boleh dijadikan sebagai suatu bahan atau sumber ilmiah yang wajar untuk diperlihatkan kepada semua golongan masyarakat di negara ini. Tuntasnya, novel ini memperlihatkan perwatakan seorang wanita iaitu Zahrana yang sentiasa sabar dalam menempuh dugaan hidup. Watak Zahrana ini boleh dijadikan sebagai teladan yang baik bagi golongan wanita dalam membantu untuk membentuk jati diri insan yang cemerlang dunia dan akhirat.

Perbezaan yang terdapat antara kedua-dua buku ini adalah buku pertama kajian terhadap Gender melalui karya Ungku Maimunah Mohd. Tahir telah dilaksanakan khususnya dalam bidang sastera Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian ini menfokuskan kepada gender yang berkait rapat dengan kehidupan masyarakat. Pelbagai konflik yang berlaku melibatkan masalah gender ini seperti pandangan yang berbeza dari sudut budaya masyarakat dahulu, perbezaan status sosial dan sebagainya. Namun demikian, novel yang dikaji ialah novel *Cinta Suci Zahrana* karya Habiburrahman El Shirazy memperlihatkan perwatakan seorang wanita iaitu Zahrana yang sentiasa sabar dalam menempuh dugaan hidup. Watak Zahrana ini boleh dijadikan sebagai contoh yang baik bagi golongan wanita dalam membantu untuk membentuk jati diri insan yang cemerlang dunia dan akhirat.

## 2.3 Kajian lepas mengenai Khadijah Hashim dan karyanya

Khadijah Hashim merupakan seorang tokoh penulis yang berkualiti bagi negara. Beliau telah banyak menyumbang idea dan tenaga yang berteraskan penulisan seperti novel dan sebagainya. Oleh itu, novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim telah memaparkan suatu aspek yang menarik merangkumi nilai kegigihan serta ketabahan watak wanita iaitu Mazni dalam menempuh segala cabaran dalam kehidupannya. Novel ini sangat menarik untuk dikaji bagi membantu membuka minda masyarakat tentang hak kesamarataan yang adil antara lelaki dan wanita.

### 2.3.1 Tesis

#### 2.3.1.1 Ijazah sarjana muda

Kajian yang telah dijalankan oleh Nur Farhana Nasri (2014) yang bertajuk *Analisis Semantik Kata Hubung Dalam Terjemahan Badai Semalam Ke Dalam Bahasa Inggeris*. Kajian ini dijalankan untuk meneliti analisis semantik berkaitan dengan kata hubung dalam terjemahan novel Melayu kepada Inggeris. Kajian ini memberi penekanan kepada kata hubung yang telah diaplikasikan berdasarkan teks Kesusastraan Melayu. Kajian ini menentukan pelbagai jenis kata hubung yang terkandung di dalam ayat untuk diterjemah novel *Badai Semalam* dan perbezaan dan persamaan ciri semantik dalam penggunaan bahasa

Melayu. Hasil kajian ini mendapati bahawa penggunaan kata sendi bahasa Melayu berfungsi sebagai kata depan serta penggunaan bahasa Inggeris sebagai kata ganti nama sehingga mendorong kepada tercetusnya anjakan eksplisit.

### **2.3.1.2 Ijazah sarjana**

Pelbagai kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji lain mengenai Khadijah Hashim iaitu Siti Aisah Bt Yusoff (2011) menerusi tesis yang bertajuk *Estetika dalam Kumpulan Puisi Kanak-Kanak Putera- Puteri Malaysia dan Nota untuk Ibu*. Objektif yang ditetapkan melalui kajian ini ialah menentukan kumpulan puisi yang mengandungi ciri-ciri estetika. Kaedah kajian yang telah diaplikasikan untuk mendapatkan data ialah menerusi kaedah kualitatif. Penggunaan kaedah ini adalah memfokuskan kepada pencarian maklumat atau data di perpustakaan seperti majalah, jurnal dan sebagainya. Hasil kajian mendapati bahawa kedua-dua puisi ini dilihat dapat memberikan impak yang positif kepada semua golongan masyarakat khususnya dalam nilai keindahan menerusi aspek pengulangan kata, metafora, pengajaran dan sebagainya.

Selain itu, Masrizayu Mustafa (2006) tesis master beliau yang bertajuk *Pemikiran dalam novel-novel Khadijah Hashim*. Kajian ini dibuat bagi mengumpul segala maklumat yang penting untuk dijadikan sebagai sebuah rumusan idea berkenaan dengan pemikiran yang terdapat oleh seorang tokoh iaitu Khadijah Hashim. Menerusi kajian ini, analisis data telah dilaksanakan untuk memberi fokus kepada segala pemikiran yang telah dikemukakan oleh Khadijah Hashim khususnya dalam penulisan karya novel beliau. Hasil kajian

mendapati bahawa kebanyakkan novel yang ditulis oleh Khadijah Hashim sangat menitikberatkan aspek citra wanita dalam kalangan masyarakat khususnya melalui novel *Badai Semalam*. Perkara ini perlu dipandang serius bagi golongan masyarakat untuk sentiasa bertanggungjawab dalam menentukan hak yang adil khususnya bagi golongan wanita.

Perbezaan kajian yang dibuat oleh Siti Aisah Bt Yusoff (2011) dan Masrizayu Mustafa (2006) ialah kajian pertama menetapkan objektif dengan menentukan kumpulan puisi yang mengandungi ciri-ciri estetika. Kajian ini banyak memberikan impak baik dalam nilai keindahan menerusi aspek pengulangan kata, metafora, pengajaran dan sebagainya. Namun begitu, kajian kedua memberi rumusan idea berkenaan dengan pemikiran yang terdapat oleh seorang tokoh iaitu Khadijah Hashim. Menerusi kajian ini, analisis data telah dilaksanakan untuk memberi fokus kepada segala pemikiran yang telah dikemukakan oleh Khadijah Hashim khususnya dalam penulisan karya novel beliau.

### **2.3.1.3 Ijazah doktor falsafah**

Bagi kajian Ijazah Doktor Falsafah, pengkaji mendapati bahawa segala maklumat dan hasil kajian masih belum dikaji oleh mana-mana pengkaji yang lain. Hal ini dikatakan demikian kerana berlaku kelompongan terhadap kajian yang dibuat berdasarkan tokoh iaitu Khadijah Hashim. Selain itu, kebanyakkan karya beliau masih belum dikaji dengan lebih mendalam dan perkara ini telah memberikan sedikit kesukaran bagi pengkaji untuk menganalisis data yang mencukupi. Oleh itu, perkara ini perlu dititikberatkan oleh pengkaji

pengkaji lain bagi mengangkat karya-karya yang telah dihasilkan oleh Khadijah Hashim untuk dijadikan sebagai panduan dalam kalangan masyarakat.

### 2.3.2 Jurnal dan artikel

Beberapa kajian dapat dikenalpasti berkenaan dengan tokoh iaitu Nurhasmira Mat Rusok, Roslina Abu Bakar dan Mohd Pouzi Abu Hassan (2022) menerusi kajian yang bertajuk *Emansipasi Wanita Dalam Sosial Menerusi Novel-Novel Pilihan 1960-AN - 1990-AN*. Terdapat beberapa objektif yang ditekankan dalam kajian ini iaitu membezakan serta menghuraikan emansipasi wanita sebagai panduan atau contoh teladan yang baik menerusi novel-novel yang berkenaan. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meneliti emansipasi wanita menerusi aspek sosial dalam novel yang terpilih. Novel yang dipilih ini termasuklah novel yang ditulis oleh Khadijah Hashim, Rosmini Shaari dan Zaharah Nawawi.

Kajian yang dibuat oleh Siti Khairiah Binti Mohd Zubir dan Nur Aisyah Binti Abdullah (2014) yang bertajuk *Pemikiran Khadijah Hashim Dalam Novel Badai Semalam dan Laila Azwa Gadisku Untuk Membangunkan Sahsiah Belia*. Kajian ini menfokuskan kepada pengambilan objektif iaitu pemikiran penulis yang secara tidak langsung dapat meningkatkan kualiti modal insan yang terbaik dan penggunaan teori seperti Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) bagi melancarkan kajian ini dilaksanakan. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat beberapa pemikiran yang dapat dijelaskan melalui kajian ini, antaranya ialah pemikiran terhadap kebitaran, kesaintifikan, kekreatifan dan kerohanian dalam kehidupan bermasyarakat. Perkara ini dapat membantu masyarakat dalam memberi

kesedaran bagi membentuk sahsiah diri yang terpuji. Oleh itu, terdapat perbezaan yang boleh dikenalpasti antara kajian Nurhasmira Mat Rusok, Roslina Abu Bakar dan Mohd Pouzi Abu Hassan (2022) serta Siti Khairiah Binti Mohd Zubir dan Nur Aisyah Binti Abdullah (2014). Kajian jurnal yang pertama ditekankan dalam kajian ini ialah membezakan serta menghuraikan emansipasi wanita sebagai contoh teladan yang baik dalam kehidupan. Kajian ini dibuat dengan mengkaji karya-karya yang dihasilkan oleh tokoh terkenal seperti Khadijah Hashim. Manakala kajian jurnal kedua pula, menumpukan aspek pemikiran penulis dalam meningkatkan kualiti modal insan yang terbaik dan penggunaan teori seperti Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) bagi melancarkan kajian ini dilaksanakan. Jelaslah bahawa setiap kajian yang dibuat mempunyai data yang unik untuk dijadikan sebagai panduan dalam penulisan.

### **2.3.3 Buku**

Kajian terhadap Khadijah Hashim (2001) dengan bukunya yang bertajuk *Mencari Azizah*. Buku yang dihasilkan oleh beliau ini merupakan sebuah buku yang memberi gambaran tentang realiti kehidupan masyarakat di negara ini. Buku ini mengetengahkan tentang jiwa dan perjuangan yang hebat bagi seorang wanita dalam menghadapi kehidupannya yang penuh dengan cabaran. Hal ini dikatakan demikian kerana novel ini banyak memaparkan nilai-nilai positif yang boleh dijadikan sebagai panduan dalam kalangan masyarakat seperti nilai kasih sayang, sabar dalam menempuh cabaran dan sebagainya.

Seterusnya, kajian terhadap buku Khadijah Hashim (1999) iaitu *1001 Pantun Baru*.

Secara umumnya, Khadijah Hashim ini merupakan seorang tokoh penulis yang terbaik dalam negara tidak hanya menulis novel yang berkisahkan tentang kehidupan masyarakat, manakala pelbagai bidang lain yang boleh ditulis dengan baik oleh beliau seperti puisi, sajak dan sebagainya. Penghasilan pantun melalui karya ini dilihat banyak mengandungi makna yang boleh dijadikan sebagai panduan dalam kalangan masyarakat sama ada pengajaran dan juga teknik penulisan pantun yang terbaik. Jelaslah bahawa karya yang dihasilkan oleh beliau hendaklah ditelusuri dengan baik bagi memantapkan diri dengan gaya hidup masyarakat pada zaman dahulu yang penuh dengan kesantunan dari segi bahasa, budaya dan sebagainya.

Perbezaan yang terdapat menerusi kedua buku ini ialah *Mencari Azizah* merujuk kepada perwatakan wanita yang cekal dalam menjalani kehidupan seharian yang penuh dengan cabaran liku-liku dalam kehidupan. Novel ini juga memberi cerminan kehidupan wanita pada masa ini yang sering dinafikan hak mereka akan tetapi wanita tersebut tetap teguh dengan jati diri yang baik. Bagi karya *1001 Pantun Baru* pula, dapat mengekalkan budaya bahasa yang telah wujud sejak zaman nenek moyang yang terdahulu supaya tidak lapuk ketinggalan zaman. Budaya berpantun ini perlu diterapkan dalam diri sendiri dan juga dalam diri masyarakat supaya budaya Melayu ini dapat dikekalkan untuk pertumbuhan yang baik bagi golongan kanak-kanak. Pantun ini banyak memberi pengajaran kepada masyarakat untuk sedar dengan diri sendiri dan memajukan bahasa Melayu di seluruh dunia.

## 2.4 Kajian lepas mengenai wanita dan teori Feminisme

Teori feminism boleh ditakrifkan sebagai aspek cetusan idea yang berlaku merangkumi kehidupan sosial dalam kalangan masyarakat khususnya persoalan bagi kaum wanita. Hal ini dikatakan demikian kerana teori feminism ini merupakan satu faktor yang amat penting semasa menjalankan kajian ini kerana wanita merupakan satu tokoh yang penting dalam kehidupan bermasyarakat. Oleh itu, segala persoalan yang melibatkan hak bagi wanita akan diketengahkan bagi menjamin kehidupan yang lebih baik bagi semua golongan wanita.

### 2.4.1 Tesis

#### 2.4.1.1 Ijazah sarjana muda

Kajian yang dibuat oleh Nur Najwa Binti Kamarul Hikma (2021) yang bertajuk *Transkripsi Analisis Perjuangan Wanita Dalam Syair Zubaidah Dengan Mengaplikasikan Teori Feminisme*. Kajian ini menekankan fokus terhadap objektif yang penting iaitu mengenalpasti dan menganalisis perjuangan perwatakan wanita dengan mengaplikasikan teori feminism menerusi syair siti zubaidah dalam karya Abu Zar. Selain itu, kajian yang dijalankan ini telah menggunakan kaedah kualitatif dengan mencari maklumat berdasarkan sumber dari perpustakaan iaitu analisis berkonsepkan deskriptif. Kajian ini juga

memfokuskan kepada teori feminism yang mengangkat martabat wanita. Oleh itu, dapatan kajian ini mendapat bahawa perjuangan dalam mendapatkan hak bagi golongan wanita perlu dititikberatkan dan dijadikan sebagai pengajaran supaya perkara ini dapat memberikan kesan baik dalam kehidupan bermasyarakat.

#### **2.4.1.2 Ijazah sarjana**

Kajian Ijazah Sarjana dapat dilihat menerusi kajian Azura Abal Abas (2017) yang bertajuk *Feminisme Dalam Karya Tari Kontemporari Dan Kehidupan Aida Redza*. Objektif-objektif yang ditekankan dalam kajian ini ialah mengkaji dan menganalisis pemikiran yang terdapat menerusi Aida Redza berdasarkan teori Feminisme yang melibatkan hak ketaksamaan gender antara lelaki dan wanita. Terdapat gabungan faktor yang melibatkan zaman dahulu atau tradisional dan zaman moden tentang isu berkait dengan wanita. Kajian ini memfokuskan kepada kaedah kualitatif iaitu penggunaan konsep outsider dan insider. Kaedah ini dilihat dapat membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat yang bermanfaat untuk menjalankan kajian ini. Hasil kajian ini mendapat bahawa segala hak yang perlu diperjuangkan oleh golongan wanita harus diperjuangkan khususnya dalam segala bidang kuasa dalam pentadbiran, budaya dan sebagainya. Masalah ini telah memberi cerminan yang jelas tentang keadaan yang berlaku dalam negara dalam menyelesaikan masalah berkenaan wanita ini.

Selain itu, menurut Ting Hea Chuen (2001) dalam kajian yang bertajuk *Penulisan Feminisme Fiksyen Mahua Siswazah-siswazah Universiti Taiwan (1970-1995)*. Kajian yang

dijalankan ini memberi fokus kepada kepentingan dan pencapaian karyawan Mahua siswazah dan mengetengahkan penulisan feminis yang menjadi dasar kepada fiksyen-fiksyen serta menganalisis perwatakan dan tema fiksyen yang berteraskan feminism berdasarkan ciptaan karya tersebut. Kaedah kualitatif telah digunakan bagi menjalankan kajian ini dengan berunsurkan maklumat data melalui kajian ke perpustakaan. Terdapat pelbagai jenis maklumat yang boleh dicari melalui kaedah ini dengan menggunakan konsep analisis terhadap teks, sumber internet dan sebagainya. Hasil kajian mendapatkan bahawa terdapat pelbagai jenis penulisan yang berbeza melalui kajian ini dan perkara ini memberikan keistimewaan yang tersendiri khususnya karyawan Mahua siswazah di Taiwan mengenai aspek feminism secara mendalam.

Tuntasnya, terdapat perbezaan antara kajian yang dibuat oleh Azura Abal Abas (2017) dan Ting Hea Chuen (2001). Kajian Azura Abal Abas mengkaji dan menganalisis pemikiran yang terdapat menerusi Aida Redza berdasarkan teori Feminisme yang melibatkan hak ketaksamaan gender antara lelaki dan wanita. Masalah gender ini sering kali berlaku yang mengakibatkan hak-hak bagi wanita selalu ditindas dari sudut ekonomi, politik dan sosial. Manakala bagi kajian Ting Hea Chuen, memfokuskan kepada kepentingan dan pencapaian karyawan Mahua siswazah serta mengetengahkan penulisan feminis yang menjadi dasar kepada fiksyen-fiksyen serta menganalisis perwatakan dan tema fiksyen yang berteraskan feminism berdasarkan ciptaan karya tersebut. Perkara-perkara yang dijelaskan ini perlu diberikan penekanan bagi membantu dalam membendung masalah hak wanita ini dari terus berlaku mengikut peredaran masa dan zaman.

### 2.4.1.3 Ijazah doktor falsafah

Kajian yang dijalankan oleh Ida Roziana Binti Abdullah (2018) menerusi kajian beliau yang bertajuk *Konsep Feminisme Talbiah Dalam Karya Aminah Mokhtar*. Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk menganalisis pelbagai ciri perwatakan yang terdapat dalam watak wanita Melayu Islam menurut perspektif Islam dan Feminisme Barat. Selain itu, kajian ini menghuraikan tentang perwatakan wanita yang berlandaskan kepada aspek Feminisme Talbiah dan mengetengahkan kerangka konsep ini berdasarkan Yusuf al-Qardhawi dan Elaine Showalter. Kajian ini telah mengaplikasikan kaedah kualitatif iaitu pencarian maklumat berdasarkan sumber dari perpustakaan dan menggunakan kaedah analisis terhadap teks. Oleh itu, dapatan kajian ini dapat dilihat bahawa penggunaan konsep Feminisme Talbiah melalui novel Aminah Mokhtar dapat memberi impak positif kepada keutuhan Tauhid dan memberi gambaran yang jelas mengenai perwatakan wanita Melayu yang muslimah.

### 2.4.2 Jurnal dan artikel

Terdapat beberapa kajian yang dibuat berdasarkan jurnal dan artikel iaitu Sali Susiana (2019) dengan jurnal yang bertajuk *Perlindungan Hak Pekerja Perempuan Dalam Perspektif Feminisme*. Terdapat undang-undang yang menyatakan hak penjagaan dan keadilan bagi pekerja wanita yang bekerja di pelbagai bidang dalam negara. Pada fasal 27 dan fasal 33 ada menyatakan tentang tentang hak kesamarataan dalam bidang pekerjaan bagi golongan

wanita. Terdapat pelbagai perlindungan yang telah dibuat oleh pihak kerajaan bagi menjamin hak wanita ini perlu dijaga seperti perlindungan semasa haid, perlindungan waktu bekerja, perlindungan hak ketika mengandung serta melahirkan anak dan sebagainya. Perkara ini secara tidak langsung dapat meningkatkan tahap pengetahuan dalam diri masyarakat tentang kepentingan hak wanita khususnya berlandaskan konsep feminism.

Seterusnya, Amin Bendar (2019) dengan kajian beliau yang bertajuk *Feminisme Dan Gerakan Sosial*. Kajian yang dihasilkan ini menjuruskan kepada menerangkan tentang kedudukan subordinat bagi golongan wanita dan hak keistimewaan yang tidak dapat dicapai oleh kaum wanita dari sudut politik, ekonomi dan sosial. Kajian ini menekankan penggunaan teori feminism yang dilihat selari dengan konsep perjuangan hak bagi golongan wanita. Golongan wanita mestilah sentiasa tabah dan sabar dengan segala masalah yang melibatkan golongan wanita.

Perbezaan yang dapat diketengahkan menerusi kajian yang dibuat oleh Sali Susiana (2019) dan Amin Bendar (2019) ialah Sali Susiana membawa unsur undang-undang yang menyatakan hak penjagaan dan keadilan bagi pekerja wanita yang bekerja di pelbagai bidang dalam negara. Penguatkuasaan undang-undang ini dilihat sebagai satu keperluan yang penting khususnya bagi golongan wanita dalam berjuang mempertahankan hak mereka. Namun begitu, kajian Amin Bendar pula memfokuskan kepada kedudukan subordinat bagi golongan wanita dan hak keistimewaan yang tidak dapat dicapai oleh kaum wanita dari sudut politik, ekonomi dan sosial. Golongan wanita seharusnya mendapatkan hak yang istimewa kerana kekuatan wanita dan lelaki adalah berbeza serta kebanyakannya lebih berpihak kepada golongan lelaki.

Di samping itu, Nuril Hidayati (2018) dengan jurnal yang bertajuk *Teori Feminisme: Sejarah, Perkembangan Dan Relevansinya Dengan Kajian KeIslamam Kontemporer*. Konsep feminism tidak lari dengan hak ketaksamaan gender khususnya bagi golongan wanita tidak kira dari sudut pentadbiran, ekonomi dan sosial dalam kehidupan bermasyarakat. Wanita menurut pandangan dari ajaran Islam mendapati bahawa martabat bagi golongan wanita adalah sangat tinggi dan perlu diperlakukan dengan baik serta adil. Nilai-nilai Islam perlu diutamakan bagi setiap perancangan atau langkah yang mahu diambil supaya segala perkara yang berlaku berjalan dengan lancar.

Selain itu, Linda Dwi Eriyanti (2017) dengan jurnal yang bertajuk *Pemikiran Johan Galtung Tentang Kekerasan Dalam Perspektif Feminisme*. Jurnal yang dikaji ini adalah memfokuskan kepada objektif yang jelas iaitu menganalisis aspek gender antara lelaki dan wanita menerusi pemikiran Johan Galtung berdasarkan konsep feminism iaitu kekerasan. Johan Galtung menegaskan bahawa terdapat beberapa konsep yang boleh dikaitkan dengan kekerasan seperti kekerasan yang struktual, kekerasan langsung dan sebagainya. Kajian yang dijalankan ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu pencarian maklumat ke perpustakaan dan analisis terhadap teks yang berkaitan. Oleh yang demikian, kajian ini menekankan tentang faktor persekitaran yang positif perlu diterapkan dalam kalangan masyarakat supaya tidak berlaku sebarang masalah yang tidak diingini berlaku seperti kekerasan, ketidakadilan dan lain-lain.

Ni Komang Arie Suwastini (2013) dengan kajian yang bertajuk *Perkembangan Feminisme Barat Dari Abad Kedelapan Belas Hingga PostFeminisme: Sebuah Tinjauan Teoritis*. Kajian yang dijalankan ini memperincikan tentang perkembangan feminism di Barat pada abad ke-18 hingga abad ke-20. Hal ini dikatakan demikian kerana berlaku

perubahan yang besar pada masa ke masa tentang perjuangan hak yang dilakukan oleh golongan wanita pada ketika itu. Dapatan kajian ini mendapatkan bahawa feminism di Barat terbahagi kepada beberapa fasa perjuangan yang penting seperti hak wanita dalam pentadbiran, pekerjaan dan sebagainya. Perkara ini memberi impak yang besar kepada perubahan hak kesamarataan yang diperjuangkan oleh golongan wanita.

Oleh yang demikian, terdapat perbezaan yang boleh dikenalpasti melalui ketiga-tiga kajian yang dijalankan oleh Nuril Hidayati (2018), Linda Dwi Eriyanti (2017) dan Arie Suwastini (2013). Nuril Hidayati membawa watak wanita muslim yang mempunyai hak dan konsep feminism tidak lari dengan hak ketaksamaan gender khususnya bagi golongan wanita tidak kira dari sudut pentadbiran, ekonomi dan sosial dalam kehidupan bermasyarakat. Linda Di Eriyanti pula, memberi konsep yang boleh dikaitkan dengan kekerasan seperti kekerasan yang struktual dan kekerasan langsung yang seringkali dialami oleh golongan wanita. Akhir sekali, Arie Suwastini memperincikan tentang perkembangan feminism di Barat pada abad ke-18 hingga abad ke-20. Feminism di Barat terbahagi kepada beberapa fasa perjuangan yang penting seperti hak wanita dalam pentadbiran, pekerjaan dan sebagainya.

#### **2.4.3 Buku**

Kajian terhadap Alfian Rokhmansyah (2016) dengan karya beliau yang bertajuk *Pengantar Gender Dan Feminisme*. Karya ini dilihat memberikan fokus yang jelas dalam hak yang sama rata antara gender lelaki dan wanita dalam kehidupan bermasyarakat.

Perbezaan gender ini sering kali menimbulkan masalah-masalah yang tidak seharusnya berlaku dalam kalangan masyarakat. Di samping itu, perkara ini seringkali melibatkan aspek sosial yang sering kali berlaku dari masa ke masa sehingga ke hari ini sehingga terdapat pelbagai akta yang dibuat untuk mencegah masalah sedemikian daripada berlaku. Terdapat banyak faktor yang boleh dikemukakan melalui karya ini yang melibatkan ketidaksamaan gender yang berlaku khususnya dari sudut budaya masyarakat zaman dahulu. Masalah-masalah ini memberikan impak buruk kepada pembangunan yang baik bagi sebuah negara.

Selain itu, Gadis Arivia (2006) dengan karyanya yang bertajuk *Feminisme: Sebuah Kata Hati*. Karya Arivia ini berkisah tentang perjuangan wanita dalam mempertahankan hak mereka daripada terus ditindas oleh golongan yang tidak bertanggungjawab. Hal ini dikatakan demikian kerana perjuangan hak wanita ini perlu diangkat oleh semua golongan masyarakat bagi memberikan kesan positif kepada kehidupan yang harmoni. Golongan wanita perlulah mempunyai tahap pendidikan yang tinggi bagi memudahkan segala urusan khususnya dari sudut ekonomi, politik dan sosial. Karya ini dilihat banyak memberi pengajaran kepada masyarakat tentang kepentingan menjaga hak wanita bagi mewujudkan suatu sistem pemerintahan yang stabil dan harmoni.

Oleh yang demikian, perbezaan yang terdapat menerusi kajian ini ialah Alfian Rokhmansyah (2016) dengan karya yang memfokuskan kepada hak yang sama rata antara gender lelaki dan wanita dalam kehidupan bermasyarakat. Manakala bagi Gadis Arivia (2006), karya ini dilihat banyak memberi pengajaran kepada masyarakat tentang kepentingan menjaga hak wanita bagi mewujudkan suatu sistem pemerintahan yang stabil dan harmoni.

## 2.5 Kesimpulan

Kesimpulannya, terdapat pelbagai kajian lepas yang telah dikaji oleh pengkaji lain boleh diambil untuk dijadikan sebagai rumusan serta panduan dalam menjalankan kajian ini. Oleh yang demikian, setiap kajian lepas yang dibuat ini mestilah mempunyai perbezaan yang tersendiri mengikut ciri-ciri yang diingini oleh pengkaji bagi menyelaraskan tajuk yang dibuat supaya segala maklumat yang diperolehi adalah tepat dan boleh dipercayai kesahehannya. Jelaslah bahawa tajuk kajian yang dijalankan ini sangat menarik untuk diterokai supaya kajian yang dibuat boleh dijadikan sebagai sumber maklumat yang bermanfaat untuk golongan masyarakat di negara ini supaya lebih cakna dengan keadaan hidup bermasyarakat.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Pengenalan

Metodologi boleh didefinisikan sebagai suatu langkah yang penting bagi menjalankan sesebuah kajian kerana setiap kajian haruslah diteliti dengan lebih mendalam bagi mendapatkan maklumat yang boleh dipercayai kebenarannya (Asfi Manzilati, 2017). Metodologi kajian juga menjuruskan kepada suatu kaedah yang telah digunakan sepanjang kajian ini dijalankan atas dasar pengumpulan data yang berkaitan dengan tajuk kajian serta menganalisis segala data yang berkaitan bagi mendapatkan keaslian data bagi mengukuhkan sesebuah kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Hal ini dikatakan demikian kerana segala masalah yang berkaitan dengan kajian ini akan ditelusuri bagi menyelesaikan segala masalah berbangkit dengan data yang dikumpulkan demi penghasilan kajian yang terbaik. Metodologi kajian ini perlu diperjelaskan dalam kajian bagi menyumbang kepada segala pemahaman tentang data-data yang berkait dengan tajuk kajian supaya segala maklumat yang berkaitan tidak lari dengan objektif yang telah ditetapkan di dalam kajian ini.

Oleh yang demikian, metodologi ini memberi penekanan yang jelas kepada prinsip disiplin yang tinggi dalam sesebuah penulisan yang berkait dengan kajian dan segala data yang dikumpulkan mestilah dicatat supaya tidak berlaku isu-isu yang boleh menjelaskan segala data yang telah diperoleh daripada pelbagai sumber yang tepat. Selain itu, segala data yang diperolehi mestilah datangnya daripada sumber yang tepat merujuk kepada matlamat penting tentang penggunaan konsep metodologi dalam sesebuah kajian. Segala matlamat yang dicapai melalui kajian ini adalah menerusi segala kaedah yang diaplikasikan dalam kajian ini seperti bagaimana data-data itu telah didapatkan, cara mendapatkan maklumat dapat yang boleh dipercayai, teknik pemprosesan dan sebagainya. Lantaran itu, metodologi kajian ini dilihat sangat penting bagi membantu penyelidikan yang dibuat adalah bersesuaian dengan kajian yang hendak dijalankan serta secara tidak langsung kaedah ini dapat membantu menjawab segala persoalan yang berbangkit menerusi permasalahan kajian dan persoalan kajian yang terkandung dalam kajian ini. Metodologi kajian ini membawa kepada satu prinsip disiplin yang mempunyai garis panduan yang perlu dipatuhi supaya kajian yang dijalankan ini tidak terpesong daripada objektif yang telah ditetapkan.

Sehubungan dengan itu, metodologi kajian ini merupakan tunjang utama dalam sesebuah kajian kerana segala data yang telah dikumpul adalah tepat dan boleh dijadikan sebagai hasil yang berkualiti bagi menghasilkan kajian yang mantap. Menerusi bab ini, kajian ini memfokuskan mengenai metodologi ialah “Perwatakan Wanita Dalam Novel *Badai Semalam* Karya Khadijah Hashim Menerusi Perspektif Feminisme”. Hal ini dikatakan demikian kerana kaedah metodologi ini dilihat lebih sistematik dan teratur demi mencapai objektif kajian ini. Oleh itu, beberapa aspek akan dikupas dalam bab ini iaitu reka bentuk

kajian, cara pengumpulan data, dan penggunaan teori yang akan digunakan dalam menjalankan kajian ini.

### **3.2 Reka bentuk kajian**

Reka bentuk kajian ini merupakan satu kaedah yang dibuat untuk mengemukakan sesuatu data atau maklumat yang diperoleh daripada pelaksanaan kajian dan kajian yang dijalankan lebih sistematik demi mencapai pembolehubah yang selari dengan objektif kajian (Ang Kean Hua, 2016). Hal ini dikatakan demikian kerana reka bentuk kajian ini menegaskan tentang kaedah yang digunakan untuk menganalisis data dan mendapatkan maklumat-maklumat penting bagi menjelaskan sesebuah kajian yang dibuat. Reka bentuk kajian ini menjuruskan kepada langkah-langkah penting yang perlu diaplikasikan bagi menghasilkan sebuah kajian yang mantap dan berkesan. Oleh yang demikian, reka bentuk kajian ini memfokuskan kepada cara pengumpulan data, cara menganalisis data dengan berkesan dan sebagainya. Reka bentuk kajian ini sangat berkait rapat dengan tatacara penyelidikan yang tepat melalui dua kaedah iaitu kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif semasa menjalankan kajian. Kaedah-kaedah kajian tersebut mempunyai fungsi-fungsinya yang tersendiri bagi mengumpul maklumat dengan lebih sistematik dan data yang diperolehi adalah datangnya dari sumber yang boleh dipercayai.

Berdasarkan pernyataan Ali Muhson (2006) kaedah kuantitatif merujuk kepada suatu sistem yang melibatkan nombor dan melibatkan suatu analisis berdasarkan statistik mengikut tajuk kajian. Kaedah kuantitatif ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu statistik deskriptif

dan statistik inferensial. Kedua-dua bahagian ini memainkan peranan penting dalam memastikan data yang dimiliki dapat ditelusuri dengan lebih baik. Bahagian utama iaitu statistik deskriptif yang menjuruskan kepada bentuk statistik. Hal ini dikatakan demikian kerana kaedah ini bertujuan untuk menganalisis data dengan lebih sistematik dan memberi gambaran yang lebih jelas terhadap data yang telah dikumpulkan bagi kajian ini. Kaedah ini juga memberikan penekanan terhadap bentuk deskriptif dengan memberi kejelasan kepada data kajian dengan membuat ramalan, menguji hipotesis, melakukan rumusan dan sebagainya. Kaedah ini lebih tertumpu kepada kehidupan semasa dalam kalangan masyarakat yang pada dasarnya untuk mengetahui bilangan bagi sesuatu perkara atau benda yang hendak dikaji.

Bahagian kedua statistik inferensial yang merujuk kepada analisis data. Statistik ini adalah bertujuan untuk merumuskan data yang telah diperolehi berdasarkan kepada keputusan yang terkandung dalam analisis yang telah dibuat kepada orang ramai mengikut target yang telah ditetapkan dalam kajian. Hal ini kerana statistik inferensial ini sangat berkait rapat dengan penggunaan jumlah dan populasi bagi sesuatu perkara mengikut tempat yang telah ditetapkan. Oleh itu, kaedah kuantitatif ini merupakan sebuah kaedah yang melibatkan jumlah dan nombor dalam memastikan keaslian data yang diperoleh bagi menjalankan kajian. Kaedah ini dilihat sangat berkesan dalam menjalankan sesebuah kajian dalam mendapatkan data yang tepat supaya kajian yang dijalankan dapat diselesaikan dengan baik.

Selain itu, kaedah kualitatif merujuk kepada suatu bentuk metode pencarian maklumat berdasarkan kepada sifat mekanistik dan data yang diperolehi adalah memenuhi kepada dasar kajian (Sirajuddin Saleh, 2017). Hal ini dikatakan demikian kerana kaedah kualitatif ini merupakan suatu pendekatan ilmiah iaitu pencarian maklumat berdasarkan

sumber-sumber ilmu seperti sumber perpustakaan. Kaedah kualitatif ini bersifat fleksibel bersesuaian dengan segala tajuk yang diperuntukkan bagi menjalankan kajian. Kaedah kualitatif ini didasari oleh beberapa perkara penting yang melibatkan analisis dokumen, naratif lisan, dokumentasi teks dan sebagainya. Secara tidak langsung, kaedah-kaedah ini dapat membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat dengan lebih sistematik bagi menghasilkan kajian yang berkualiti.

Dokumentasi teks merupakan suatu aspek penting dalam penelitian metode yang digunakan dalam membantu melancarkan proses pengumpulan data bagi sesebuah kajian. Berdasarkan penyataan Yasraf Amir Piliang (2004) dokumentasi teks ini merujukan kepada analisis terhadap penggunaan teks yang menggambarkan kepada suatu gabungan yang membentuk kelompok tanda yang wujud dalam penghasilan sebuah teks. Dokumentasi teks ini sangat berkait dengan struktur ayat, tanda dalam ayat, makna tersurat dan tersirat yang dapat membantu dalam meningkatkan kualiti penghasilan bagi sesebuah kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Pada kebiasaananya, kaedah ini digunakan oleh pengkaji kerana terdapat banyak maklumat yang boleh diperolehi seperti rujukan dalam buku, majalah, jurnal dan sebagainya. Oleh itu, dokumentasi teks ini dapat membantu pengkaji dalam mengumpulkan data-data penting bagi membantu dalam menghasilkan kajian yang bermanfaat untuk rujukan pengkaji-pengkaji lain.

Tuntasnya, kaedah kualitatif menjuruskan kepada pendekatan reka bentuk yang digunakan dalam kajian ini. Kaedah kualitatif ini dilihat sangat bersesuaian dengan tajuk kajian iaitu *Analisis Perwatakan Wanita Dalam Novel Badai Semalam Karya Khadijah Hashim Menurut Perspektif Feminisme*. Kaedah ini juga selari dengan pencarian maklumat berdasarkan sumber dari perpustakaan. Oleh yang demikian, dokumentasi teks telah

diaplikasikan dalam kajian ini bagi menganalisis penggunaan teks-teks yang berkaitan dengan tajuk kajian ini. Segala persoalan dan objektif yang terkandung dalam kajian ini akan diberi penekanan bagi menghasilkan sebuah kajian yang rapi.

### **3.2.1 Dokumentasi kajian**

Dokumentasi kajian merujuk kepada suatu kaedah yang digunakan dalam penghasilan sebuah penyelidikan yang melibatkan segala maklumat yang berkait rapat dengan penggunaan analisis data yang boleh dijadikan sebagai sumber utama dalam sesbuah kajian. Blasius Sudarsono (2017) menegaskan bahawa dokumentasi kajian ini adalah konsep yang berpandukan kepada data yang berkaitan dengan kajian bertujuan untuk mengenal pasti, menganalisis dan mengkaji segala maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian. Sehubungan dengan itu, dokumentasi ini terbahagi kepada tiga sudut pandangan yang berbeza seperti paparan di bawah;

1. Dokumentasi ini telah merujuk kepada suatu proses dalam sebuah penyelidikan.

Hal ini dikatakan demikian kerana penyelidikan yang dijalankan ini adalah berdasarkan kepada pengalaman hidup manusia yang dilalui oleh seseorang pengkaji tersebut. Pemikiran pengkaji tersebut selari dengan persekitaran yang dialaminya sehingga tercetus suatu idea yang dapat membantu dalam menambah baik penyelidikan yang dijalankan. Proses ini merupakan suatu langkah yang perlu diambil oleh pengkaji bagi memasukkan unsur kemasiaan dan kehidupan dalam pembentukan sebuah idea yang bermanfaat dalam kajian.

2. Dokumentasi ini dijadikan sebagai suatu wadah atau objek dalam sesebuah kajian. Perkara ini merujuk kepada pemikiran dan perasaan yang dialami oleh pengarang itu sendiri melalui memek muka atau perbuatan yang dilakukan oleh manusia. Pemikiran bagi setiap individu itu adalah berbeza-beza mengikut keadaan dan persekitaran tempat yang mereka telah diamini. Perkara ini merujuk kepada suatu aspek nyata yang boleh dilihat dengan pandangan manusia dan perkara yang tersirat juga perlu dititikberatkan oleh pengkaji untuk menjadi sumber rujukan yang mantap bagi kajian.
3. Dokumentasi ini juga turut boleh dijadikan sebagai sumber ilmu pengetahuan. Hal ini disebabkan oleh dokumentasi ini selari dengan bidang ilmu yang berkait dengan penggunaan teori dan mempunyai pelbagai konsep yang boleh diambil untuk dijadikan sebagai sumber rujukan. Ilmu berkaitan dengan dokumentasi ini sangat luas dan pelbagai kaedah yang boleh diambil bagi menggunakan prinsip ini. Secara tidak langsung, kajian yang dijalankan adalah berunsurkan daripada sumber ilmiah yang boleh dijadikan sebagai bahan rujukan dalam kalangan masyarakat.

Di samping itu, dokumentasi kajian ini telah menjadi tunjang utama dalam pengumpulan data yang melibatkan analisis dokumen dalam sesebuah kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Dokumentasi kajian ini telah digunakan telah sekian lama oleh pengkaji-pengkaji lain kerana kebanyakkan data yang diperolehi adalah sumber yang berteraskan kepada sejarah, pentadbiran dan sebagainya. Segala data-data penting yang berkait dengan proses dokumentasi ini mempunyai penamaian yang tersendiri mengikut arus perubahan yang semakin canggih. Dokumentasi kajian ini mempunyai manfaatnya yang tersendiri

dalam memastikan segala objektif yang telah ditetapkan dalam kajian itu tercapai dan segala data yang berkait mudah untuk dikumpulkan melalui pendekatan dokumentasi teks. Tuntasnya, dokumentasi teks ini merupakan aspek penting dalam memastikan kajian yang dijalankan mempunyai data yang tepat dan dijamin keaslian maklumat yang diperolehinya.

Dokumentasi teks telah menjadi dasar kepada pembentukan kajian ilmiah yang boleh dijadikan sebagai sumber rujukan dalam kalangan masyarakat. Dokumentasi teks ini boleh dinyatakan sebagai suatu kaedah yang digunakan oleh pengkaji bagi menganalisi data yang berkaitan dengan penggunaan teks bagi kajian. Setiap teks yang dikaji mempunyai makna yang tersirat dan tersurat serta penggunaan teks ini penting bagi membantu dalam perkembangan sebuah penyelidikan. Barthes (1967) menyatakan bahawa terdapat lima prinsip berkaitan dengan analisis teks;

1. *Polysemy* merujuk kepada dasar prinsip terhadap penggunaan analisis teks yang bermaksud penanda dalam struktur ayat.
2. Analisi teks ini mempunyai prinsip yang selari dengan makna sosial, nilai dalam teks, emosi dan melibatkan perasaan.
3. Setiap penggunaan teks mestilah mempunyai gabungan yang menjadi dasar melalui tanda-tanda sintagmatik, melalui etika sosial dan penggunaan metafora dalam sesebuah ayat.
4. Setiap bacaan yang ditekankan melalui konsep konotasi adalah berbeza-beza. Hal ini kerana terdapat perbezaan yang ketara dalam pembentukan sosial yang berkait dengan status, gender, umur dan sebagainya.

5. Penggunaan analisis teks ini sangat berkait dengan budaya dalam kalangan masyarakat. Kepelbagaiannya ini telah memberikan suatu perkembangan yang luas dalam bidang bahasa dan kajian terhadap teks turut berkembang.

Sehubungan dengan itu, dokumentasi teks ini dilihat dapat memberikan impak positif kepada perkembangan dalam sesebuah penyelidikan yang dijalankan oleh pengkaji. Analisis teks ini sangat bersesuai dengan tajuk kajian ini iaitu *Analisis Perwatakan Wanita Dalam Novel Badai Semalam Karya Khadijah Hashim Menurut Perspektif Feminisme*. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian ini adalah berpandukan kepada penggunaan novel dan melibatkan penggunaan teori Feminisme dalam kajian. Oleh itu, kajian ini telah mengaplikasikan kaedah dokumentasi terhadap teks kerana pendekatan ini sangat bersesuai dengan tajuk kajian. Hal ini dikatakan demikian kerana analisis terhadap teks berdasarkan novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim dan maklumat-maklumat lain berkait rapat dengan kajian ini. Penggunaan kaedah analisis teks merujuk kepada sebahagian teks yang boleh dijadikan sebagai bahan rujukan dan perkara ini menjuruskan kepada sumber dari perpustakaan. Oleh itu, teks yang terkandung dalam novel *Badai Semalam* akan dikaji dengan lebih mendalam untuk dijadikan bukti selari dengan kehendak objektif kajian ini.

### 3.3 Cara pengumpulan data

Data merujuk kepada segala maklumat penting yang perlu ada bagi setiap kajian yang dijalankan kerana setiap kajian mestilah memiliki sumber rujukan yang jelas bagi

mendapatkan data yang berkualiti (Ahmad Rijali, 2019). Cara pengumpulan data adalah merupakan aspek penting dalam melaksanakan sesebuah kajian dalam membantu proses pengumpulan data bagi mengukuhkan hasil kajian. Segala data yang berkaitan dengan tajuk kajian mestilah tepat bagi mengukuhkan objektif kajian dan dapat menjawab kepada semua persoalan kajian yang dinyatakan dalam kajian ini.

Di samping itu, pengkaji telah memilih kaedah yang bertepatan dengan tajuk kajian yang telah dipilih iaitu *Analisis Perwatakan Wanita Dalam Novel Badai Semalam Karya Khadijah Hashim* bagi memudahkan hasil dapatan kajian ini. Pengkaji telah mengaplikasikan kaedah kualitatif yang berasaskan kepada pencarian maklumat berdasarkan sumber dari perpustakaan. Penggunaan kaedah kualitatif ini dilihat sangat bersesuaian dengan tajuk kajian ini dengan memiliki prinsip maklumat yang tersendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana kaedah ini mempunyai pelbagai bentuk analisis menerusi pemerhatian, temu bual, analisis dokumen dan sebagainya. Patton (1990) menjelaskan bahawa terdapat tiga jenis maklumat yang bersangkutan dengan kaedah kualitatif;

1. Maklumat pertama ialah merangkumi hasil pemerhatian yang penting dalam kajian. Perkara ini selari dengan pelbagai situasi, interaksi, tingkah laku dan kejadian dalam kerja lapangan.
2. Maklumat kedua ialah hasil pembicaraan yang baik. Hal ini sangat berkait rapat dengan sikap, pengalaman serta pemikiran yang berkaitan dengan seseorang.
3. Maklumat ketiga ialah bahan tertulis dalam sesebuah dokumen. Segala bahan yang berkait dengan penggunaan teks seperti dokumen berkenaan, kes sejarah dan sebagainya.

Oleh yang demikian, pengkaji mestilah menitikberatkan segala prinsip yang ditegaskan dalam penggunaan kaedah kualitatif ini supaya segala data yang dikumpul adalah boleh dipercayai. Sumber data ini mestilah tepat dengan segala maklumat yang telah dikumpul supaya kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk ilmiah dan boleh menjadi rujukan bagi pengkaji-pengkaji lain dalam menjalankan kajian mereka. Jelaslah bahawa pengkaji telah memilih kaedah kualitatif ini kerana sumber rujukan bagi maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian senang untuk dicari berdasarkan sumber dari perpustakaan.

### **3.3.1 Kaedah perpustakaan**

Kaedah pencarian maklumat berdasarkan sumber dari perpustakaan merupakan aspek penting dalam kajian dengan penggunaan kaedah kualitatif. Pencarian maklumat kepustakaan ini menjuruskan kepada suatu tinjauan yang dibuat oleh pengkaji dalam mengumpulkan data, menganalisis dokumen dan menilai pelbagai sumber maklumat boleh digunakan dalam menjalankan kajian ini. Bahri dan Che Norma (2004) menyatakan bahawa segala data yang dikumpul daripada sumber perpustakaan ini akan membantu kajian dalam mencapai objektif yang telah ditetapkan dan segala sumber yang diperolehi adalah sangat tepat serta boleh dipercayai.

Rentetan daripada penerangan di atas, sumber rujukan yang mudah untuk didapati adalah menerusi kajian berdasarkan sumber dari perpustakaan. Terdapat pelbagai medium yang boleh diaplikasikan dalam membantu pengumpulan maklumat dengan kadar yang sangat pantas. Medium-medium yang dapat membantu kajian ini dalam mendapatkan

maklumat ialah buku, jurnal kajian, laporan penyelidikan, tesis dan sumber-sumber lain yang mempunyai kaitan dengan bidang pendidikan yang setaraf dengan perkara yang telah ditetapkan oleh pihak tertentu.

Seterusnya, segala sumber rujukan yang telah dikumpulkan haruslah dianalisis terlebih dahulu supaya data yang dikeluarkan mempunyai kaitan dengan tajuk kajian. Segala data yang telah dimasukkan dalam kajian perlulah diteliti dengan lebih baik supaya maklumat yang cuba diketengahkan dalam kajian ini boleh disampaikan dengan baik. Penyelidikan yang dilakukan mestilah mengambil kira segala bahan rujukan yang diambil supaya segala persoalan kajian dapat dijawab dengan baik.

Di samping itu, segala sumber yang telah dipetik dalam penggunaan artikel, jurnal, tesis dan lain-lain perlulah dicatat dalam bahagian rujukan bagi setiap kajian. Perkara ini sangat penting kerana setiap kajian yang dijalankan mestilah mempunyai prinsip dan tatacara yang telah ditetapkan oleh pihak atasan. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan sunber rujukan ini merujuk kepada kajian yang berkualiti untuk dipertontonkan kepada orang lain. Terdapat format penulisan yang perlu dititikberatkan dalam menulis sumber rujukan seperti format MLA, APA dan segala format yang diperuntukkan dalam sistem bagi setiap institusi yang terlibat dalam penyelidikan ini.

Oleh itu, kaedah pencarian maklumat dari sumber perpustakaan telah diaplikasikan dalam kajian ini bagi mengumpulkan data yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Hal ini kerana pengkaji sering pergi ke perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) untuk mendapatkan segala bahan rujukan yang boleh membantu mendapatkan data penting selari dengan tajuk kajian ini. Contoh bahan rujukan yang digunakan oleh pengkaji berdasarkan sumber dari perpustakaan adalah majalah, buku tesis dan sebagainya. Tuntasnya, kaedah ini

dilihat dapat memberikan kesan positif kepada penghasilan kajian yang menarik dan segala data yang diperolehi adalah benar serta boleh dipercayai keasliannya.

### 3.3.2 Analisis dokumen

Menurut Nilamsari (2014) analisis dokumen ini merujuk kepada suatu pendekatan atau metode kajian yang diaplikasikan bagi membantu dalam menganalisis maklumat berdasarkan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan kajian. Analisis dokumen ini penting bagi setiap kajian yang dijalankan supaya segala maklumat mempunyai kaitan dengan tajuk kajian ini. Analisis dokumen ini perlu diketengahkan dalam setiap kajian yang dijalankan bagi memastikan segala proses penyediaan bahan atau pengumpulan data dalam dijalankan dengan lebih sistematik. Analisis dokumen ini adalah bertujuan untuk menilai, mentafsir dan menganalisis segala data yang telah diperolehi bagi membantu kelancaran idea dalam penyelidikan ini.

Selain itu, analisis dokumen ini merangkumi aspek kajian yang perlu ditekankan segala data berkaitan dengan penggunaan jurnal, buku, rekod sejarah dan sebagainya. Perkara-perkara ini sangat penting untuk dirujuk bagi membantu kajian dalam mencapai nilai kecemerlangan yang tinggi dalam aspek kandungan data yang mantap. Perkara ini juga bersangkutan dengan kaedah analisis terhadap penggunaan teks yang berkait dengan tajuk kajian ini. Jelaslah menunjukkan bahawa kaedah kualitatif ini boleh dijadikan sebagai tunjang utama dalam mencapai prinsip metode pengumpulan data yang baik.

Penggunaan kaedah kualitatif ini sangat berkait dengan penggunaan tema yang selari dengan objektif yang telah ditetapkan dalam sesebuah kajian. Tema yang digunakan dalam kajian mestilah mempunyai kaitan dengan penggunaan metode yang telah diaplikasikan dalam kajian supaya segala data dapat dianalisis dengan baik bagi mewujudkan kajian yang berkualiti. Data yang diperolehi melalui kaedah kualitatif ini adalah sangat luas sehingga boleh mempunyai hubung kait dengan rangkaian sosial dan kepelbagaiannya corak yang boleh diambil kira sebagai satu data yang inovatif.

Secara keseluruhannya, bentuk penggunaan analisis dokumen ini adalah sangat penting dan perlu dikenalpasti objektif yang cuba diketengahkan dalam kajian ini. Pengkaji mestilah mempunyai pemikiran yang terbuka dengan mempertimbangkan segala faktor, tujuan dokumen dan segala sumber yang berkaitan dalam membantu proses menganalisis data dengan lebih berkesan. Pengkaji telah menjalankan kajian yang bertajuk *Analisis Perwatakan Wanita Dalam Novel Badai Semalam Karya Khadijah Hashim Menurut Perspektif Feminisme* dengan mengaplikasikan kaedah kualitatif dalam mewujudkan suatu penyelidikan yang lebih sistematik dan teratur. Segala objektif yang diketengahkan dalam kajian ini mampu untuk dicapai dengan baik kesan daripada metode penyelidikan yang berkesan. Segala data yang diperoleh adalah berkualiti dan kesahihannya adalah boleh dipercayai dengan melibatkan penggunaan kaedah kualitatif dalam kajian.

### 3.3.2.1 Teks

Teks boleh didefinisikan sebagai suatu bentuk makna yang disusun dengan penggunaan huruf-huruf tertentu bagi mendapatkan sesuatu maksud atau pengertian daripada perkataan tersebut. Berdasarkan kepada penyataan Gummy Wulandari dan Dian Indihadi (2021) teks ini merujuk kepada suatu gambaran tertentu yang memberikan impak kepada suasana, orang, peristiwa atau sesuatu tempat dengan lebih jelas. Penggunaan teks ini pada kebiasaanya datangnya daripada pengalaman pengarang itu sendiri dalam menghasilkan sesebuah karya yang berbentuk ilmiah. Pengalaman itu sangat berkait rapat dengan kehidupan bermasyarakat yang sedikit sebanyak mampu mempengaruhi pemikiran pengarang itu sendiri. Dalam konteks penggunaan kaedah kualitatif, analisis teks menjuruskan kepada suatu kaedah yang telah digunakan untuk menganalisis dan memahami penggunaan teks dengan lebih berkesan.

Meninjau dari skop yang lain, kajian yang dijalankan ini adalah berkait dengan kaedah analisis terhadap teks. Analisis teks ini merupakan asas kepada reka bentuk kajian yang digunakan oleh pengkaji dan segala maklumat yang diperlukan dalam kajian ini adalah berdasarkan teks-teks yang berkaitan. Analisis teks ini sangat berkait dengan penggunaan tajuk kajian ini iaitu *Analisis Perwatakan Wanita Dalam Novel Badai Semalam Karya Khadijah Hashim Menurut Perspektif Feminisme*. Kandungan yang terdapat dalam penggunaan teks ini dilihat mempunyai banyak makna dan memiliki tema yang tersendiri. Tema merupakan suatu aspek penting dalam sesebuah kajian bagi memastikan skop kajian yang dijalankan tidak lari dengan ketetapan kajian.

Seterusnya, analisis wacana juga turut memberikan impak dalam perkembangan kajian ini. Hal ini dikatakan kerana kajian yang dijalankan ini mempunyai banyak faktor yang mempengaruhi hubungan dengan penggunaan wacana seperti bab, buku dan sebagainya. Hamad (2004) penggunaan wacana ini selari dengan realiti kehidupan yang dilakukan oleh seseorang individu itu dengan dipengaruhi oleh persekitaran, pengalaman, peristiwa, pemikiran dan sebagainya. Lantaran itu, wacana ini terbahagi kepada beberapa bentuk dalam sesebuah karya;

1. Penggunaan teks dalam pembentukan wacana seperti artikel, berita, novel, cerpen dan lain-lain.
2. Penggunaan ucapan atau dialog. Contohnya, pergaulan, pidato, temu bual dan sebagainya.
3. Setiap tindakan yang dilakukan selaras dengan wujud wacana seperti lakonan, drama, tarian dan gerakan.
4. Jejak dalam konsep wacana merangkumi aspek bangunan, pemakaian, lanskap dan sebagainya.

Oleh itu, penggunaan wacana ini dilihat sebagai faktor penting dalam penggunaan kaedah analisis terhadap teks dengan melibatkan penggunaan idea yang menarik dan membantu dalam menganalisis penggunaan teks yang mempunyai makna tersirat. Bagi mengkaji buku *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim, penggunaan wacana ini telah digunakan bagi mendapatkan maklumat penting menerusi aspek sosial dalam kalangan masyarakat yang berteraskan kepada penggunaan novel ini.

Buku *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim merupakan teks yang telah menjadi pilihan pengkaji untuk menjalankan kajian ini. Hal ini dikatakan demikian kerana buku ini dilihat sangat berkait rapat dengan reality kehidupan masyarakat di negara ini dengan melibatkan watak wanita sebagai watak utama dalam penulisan novel ini. Novel *Badai Semalam* ini mempunyai pelbagai nilai yang boleh diketengahkan bagi mengangkat martabat wanita pada masa ini. Golongan wanita sering kali tersangkut dengan adat resam masyarakat Melayu pada masa dahulu yang berfikiran bahawa golongan wanita ini tidak memerlukan taraf pendidikan yang tinggi dan hanya duduk di dapur sahaja. Perkara ini perlu diteliti dengan lebih mendalam supaya tidak berlaku percanggahan maklumat yang hendak disampaikan. Sudah tentu hukum agama Islam tidak boleh dinafikan atas kebenarannya dan perkara ini dapat mewujudkan nilai keharmonian dalam hidup berkeluarga, masyarakat dan negara. Oleh itu, segala kisah yang terkandung dalam novel *Badai Semalam* ini dapat membuka minda pembaca dalam kepentingan hak kesamarataan yang adil dalam kalangan masyarakat.

### **3.3.2.2 Artikel, jurnal dan buku**

Artikel, jurnal dan buku adalah bahagian penting dalam membantu untuk menganalisis data bagi kajian yang dijalankan ini. Hal ini dikatakan demikian kerana analisis terhadap penggunaan artikel, jurnal dan buku merangkumi kaedah kualitatif yang digunakan dalam mengumpulkan data berkait dengan tajuk kajian. Dengan cara ini, kajian yang

dijalankan ini akan mendapatkan data yang fleksibel dengan mempunyai pelbagai kajian yang mantap untuk dijadikan sebagai rujukan.

Bertitik tolak daripada itu, terdapat pelbagai langkah yang boleh diambil dalam membantu proses penyelidikan ini supaya dilihat lebih sistematik untuk dijadikan sebagai bahan rujukan bagi pengkaji lain. Langkah yang perlu diambil oleh pengkaji dalam menganalisis bahan-bahan tersebut adalah dengan memahami konteks atau tema yang terkandung dalam artikel, jurnal dan buku tersebut. Pengkaji mestilah membaca bahan bacaan yang hendak dikaji terlebih dahulu sebelum mengambil apa-apa maklumat yang berkait dengan kajian yang dijalankan. Pengkaji perlu memfokuskan kepada objektif kajian supaya segala data yang diperoleh tidak terpesong dari dasar awalnya.

Sehubungan itu, sumber analisis dokumen bagi artikel, jurnal dan buku telah diaplikasikan sepanjang kajian ini dilaksanakan. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan artikel, jurnal dan buku ini dilihat memberikan kesan positif kepada pengumpulan data yang berkesan. Segala sumber bahan rujukan dan bacaan boleh diperolehi berdasarkan kepada sumber kepustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan boleh diakses melalui sumber dari internet. Secara tidak langsung, penggunaan sumber rujukan ini dilihat dapat memberi kejelasan makna terhadap data yang diperolehi untuk menjawab segala persoalan dan objektif kajian ini.

### 3.3.2.3 Sumber internet

Sumber internet merupakan antara sumber yang dapat menyumbang kepada perkembangan kajian ini. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan sumber internet ini semakin berkembang pesat mengikut arus permodenan dalam negara. Segala maklumat yang diperlukan pada hari ini sangat mudah untuk dilihat kerana semua data yang diperlukan hanya berada di hujung jari sahaja. Penggunaan sumber internet ini dilihat memiliki dasar yang sama dalam aktiviti pengumpulan maklumat berdasarkan tajuk kajian iaitu *Analisis Perwatakan Wanita Dalam Novel Badai Semalam Karya Khadijah Hashim*. Lantaran itu, sumber internet ini mempunyai kepentingannya yang terdiri bagi membantu dalam menghasilkan kajian yang lebih sistematik dan mantap.

Meninjau dari skop yang lain, sumber maklumat dari internet juga perlu ditekankan sebagai suatu asas yang membantu mendapatkan maklumat bagi kajian ini. Kaedah carian maklumat berdasarkan sumber internet dilihat sangat selari dengan kemajuan teknologi yang dikecapi negara pada masa ini. Misalnya, terdapat beberapa laman sesawang yang telah digunakan oleh pengkaji bagi memperolehi maklumat penting seperti Malaysian Thesis Online(MyTO), Google Scholar dan sebagainya. Jelaslah bahawa penggunaan sumber internet ini dapat memberikan impak baik kepada kesinambungan idea dan kualiti data yang boleh dikemukakan melalui kajian ini.

### 3.4 Kaedah penerapan teori

Menurut Dalinur M. Nur (2011), beliau menyatakan bahawa teori menjuruskan kepada beberapa kaedah yang dijalankan bagi menghasilkan kajian-kajian yang berbentuk ilmiah sebagai panduan bagi masyarakat. Secara umumnya, teori ini telah diasaskan oleh tokoh-tokoh yang terkenal khususnya dalam bidang mereka sendiri dan segala hujah dapat diketengahkan bagi menjelaskan sesuatu idea yang digunakan dalam kajian ini. Oleh yang demikian, pengkaji telah mengaplikasikan teori feminism bagi menjadi asas dalam kajian ini.

#### 3.4.1 Pengenalan teori Feminisme

Teori feminism boleh didefinisikan sebagai suatu medium perjuangan bagi golongan wanita untuk mendapatkan hak yang adil antara golongan lelaki menerusi pelbagai aspek seperti sosial, politik dan ekonomi (Elaine Showalter, 1981). Hal ini dikatakan demikian kerana golongan wanita pada masa dahulu sering kali dianiayai dan ditindas oleh golongan yang tidak bertanggungjawab berdasarkan kepada kekerasan serta kekuasaan berbalik patriarki. Elaine Showalter ini merupakan seorang tokoh yang giat memperjuangkan hak kesamarataan gender supaya tidak dikuasai keseluruhannya oleh golongan lelaki. Golongan wanita ini dianggap memiliki tubuh fizikal yang lemah dan tidak mampu untuk melakukan segala pekerjaan yang dijalankan oleh pihak lelaki. Oleh yang demikian, peranan teori Feminisme ini adalah sebagai satu tempat perjuangan bagi golongan wanita dalam

membongkarkan, menentang dan membantah segala ketidakadilan yang berbentuk berbalik patriarki demi meningkatkan martabat serta kedudukan golongan wanita melalui ideologi feminis dalam mewujudkan sistem masyarakat yang harmoni. Pelbagai gerakan feminis yang dimulai dari Barat dengan cuba mengetengahkan tentang hak yang diperjuangkan oleh golongan wanita pada ketika itu. Sebagai contoh, gerakan-gerakan yang terkenal pada ketika itu ialah Feminisme Psikoanalisis, Feminisme Liberal, Feminisme Radikal dan sebagainya. Secara tidak langsung, gerakan perjuangan hak yang dijalankan ini dapat memberi kesedaran yang jelas bagi golongan wanita dalam berjuang membentuk imej positif dalam kalangan masyarakat. Jelaslah bahawa teori feminism menjadi asas kepada suatu bentuk perjuangan gender yang diperjuangkan oleh golongan wanita dalam mengangkat martabat mereka daripada terus dizalimi oleh golongan yang tidak bertanggungjawab.

### **3.4.1.1 Gelombang pertama Feminisme**

Gelombang pertama merujuk kepada perkembangan perjuangan golongan feminism khususnya bagi golongan wanita. Gelombang pertama ini telah wujud sejak tahun 1890 akibat daripada permasalahan yang sering kali berkait dengan kaum wanita. Hal ini dikatakan demikian kerana perjuangan feminism yang dibuat adalah lebih menjuruskan kepada segala bentuk persamaan hak yang melibatkan gender. Golombang pertama ini memainkan peranan penting dalam membantu golongan dalam membentuk satu identiti yang jelas bagi mendapatkan hak yang seharusnya mereka miliki (Alfian Rokhmansyah, 2016). Selain itu, peningkatan kadar wanita telah dicatatkan di Inggris yang sedikit sebanyak memberi kesan

kepada sektor pendidikan pada ketika itu. Kebanyakkan golongan wanita pada ketika itu telah didedahkan dengan sesi pembelajaran di sekolah. Menurut Ni Komang Arie Suwastini (2013), beliau menyatakan bahawa golongan wanita pada ketika itu diberikan pendidikan awal supaya mereka telah bersedia untuk bekerja di tempat-tempat yang memerlukan kemahiran yang tinggi setimpal dengan hasil pembelajaran yang telah disediakan. Oleh itu, gelombang pertama ini dilihat memberi impak penting bagi membantu golongan wanita dalam mendapatkan hak yang sewajarnya demi menjalani kehidupan sehari-hari dengan harmoni.

### **3.4.1.2 Gelombang kedua Feminisme**

Pada tahun 1960-an, gelombang kedua bagi perjuangan feminism untuk golongan wanita dilakukan secara menyeluruh demi mendapatkan keuntungan yang baik dan demi kepentingan peribadi. Hal ini dikatakan demikian kerana berlaku perubahan yang ketara terhadap perjuangan yang dilakukan oleh golongan wanita atau lebih dikenali sebagai women's liberation. Berdasarkan pernyataan Oni Sutanto (2017), beliau menegaskan bahawa golombang ini wujud akibat daripada kezaliman dan rasa tidak puas hati dalam kalangan wanita terhadap hak yang tidak adil berdasarkan gender. Seterusnya, terdapat dua kelompok perjuangan yang wujud di Amerika menerusi gelombang kedua ini. Aliran kanan merupakan kelompok yang pertama wujud bagi gelombang ini yang lebih ke arah liberal untuk menyeliputi aspek sosial. Aliran kedua pula ialah aliran kiri yang merujuk kepada radikal. Kedua-dua aliran ini terletak pada satu organisasi yang kuat dalam mempertahankan hak

wanita. Sebuah organisasi telah ditubuhkan iaitu National Organization for Women atau lebih dikenali sebagai NOW. Sesungguhnya, gelombang kedua ini lebih menjuruskan kepada feminism yang lebih ke arah pendekatan berbalik patriarki yang melibat aspek sosial dalam kalangan masyarakat.

### **3.4.1.3 Gelombang ketiga Feminisme**

Pada tahun 1980-an, gelombang ketiga perjuangan feminism ini mempunyai kesinambungan terhadap perjuangan feminism pada gelombang kedua. Hal ini dikatakan demikian kerana perjuangan yang digalas oleh golongan wanita pada ketika mendapat sambutan ramai yang sama-sama turut serta dalam mempertahankan hak mereka. Gelombang ketiga ini lebih memaparkan kepada ideologi serta pemikiran masyarakat yang lebih baik seiring zaman pascamoden. Berdasarkan kepada penyataan Syakwan Lubis (2006), beliau berpendapat bahawa terdapat pelbagai aspek yang selari dengan perkembangan feminism di gelombang ketiga iaitu mengabaikan kisah sejarah yang lampau, memperkenalkan suatu pendekatan ke arah revolusi bagi sistem pengajian sosial, mementingkan kepada penggunaan wacana dan sebagainya. Oleh itu, gelombang ketiga ini berkembang pesat dalam ideologi masyarakat di Barat dan perjuangan yang dilakukan sangat berkait dengan budaya masyarakat setempat.

### 3.4.1.4 Kritikan sastera Showalter

Elaine Showalter merupakan seorang tokoh yang terkenal dalam bidang pengkritik feminis serta pelbagai kajian yang telah beliau jalankan dengan lebih terperinci dan sistematis. Beliau merupakan seorang tokoh yang banyak menyumbang kepada perjuangan feminism ini dan banyak pandangan beliau yang diterima oleh masyarakat. Tidak hanya sekadar pandangan, hasil karya penulisan yang ditulis oleh Elaine Showalter serta teori yang diasaskan oleh beliau juga turut mendapat perhatian pengkaji lain dalam menjalankan kajian mereka. Terdapat tiga peringkat sejarah perkembangan kritikan melalui penulisan yang diasaskan oleh golongan wanita dengan mempunyai istilah-istilah yang tersendiri seperti *female*, *feminine* dan *feminist* (Elaine Showalter, 1986). Oleh itu, perkembangan sejarah berkenaan dengan feminism bagi golongan wanita ini memberi impak besar kepada masyarakat dan negara.

Sejarah perkembangan kritikan peringkat pertama bermula pada tahun 1840-an hingga 1880-an. Hal ini dikatakan demikian kerana tokoh Elaine Showalter menekankan suatu aspek iaitu *feminine* yang merujuk kepada gaya penulisan wanita pada ketika itu dipengaruhi oleh tanggapan bagi golongan lelaki terhadap kaum wanita. Golongan lelaki telah menjadi kayu ukur kepada penilaian bagi tokoh wanita yang memperjuangkan aspek feminism serta matlamat mereka menjuruskan kepada kebudayaan dan pencapaian intelektual yang dominan bagi golongan lelaki. Penulis wanita pada ketika itu merahsiakan maklumat tentang diri mereka dengan mengaplikasikan nama pena lelaki seperti Aetan Bell, Ellis dan sebagainya.

Selain itu, peringkat kedua dinyatakan sebagai feminis bagi golongan wanita pada tahun 1880-an hingga tahun 1920-an. Pada tahun ini, pelbagai dugaan dan cabaran yang dihadapi oleh golongan wanita dengan melakukan satu gerakan rusuhan sebagai tanda protes terhadap ketidakadilan iaitu tidak diberikan hak mengundi. Sehubungan dengan itu, berlaku pemberontakan secara besar-besaran pada ketika itu sehingga ramai golongan wanita mengetepikan beberapa budaya yang digambarkan sebagai *feminine*. Secara tidak langsung, rasa tidak puas hati dalam diri khususnya bagi tokoh wanita telah mengakibatkan beberapa penulisan yang dilakukan disebarluaskan melalui satu platform iaitu kesusasteraan sebagai lambang perjuangan hak mereka. Berdasarkan penyataan Emi Koyama (2006) pelbagai isu feminis yang diketengahkan melalui karya Elizabeth Gaskell dengan melibatkan perebutan kelas pertama dan impak kepada kemajuan industri di England. Tuntasnya, tokoh wanita memainkan peranan penting dalam mengasaskan satu bentuk penulisan yang dapat meningkatkan rasa tanggungjawab dalam diri setiap wanita dalam memperjuangkan hak mereka daripada terus ditindas.

Peringkat terakhir ialah penggunaan kata *female* pada tahun 1920 dan masih kekal hingga hari ini yang menjuruskan kepada penggunaan biologi dalam perkembangan feminism. Pada peringkat ini, corak pemikiran lelaki sudah tidak relevan lagi pada masa ini kerana pola pemikirannya tidak bersesuaian mengikut perkembangan zaman semasa. Pada peringkat pertama dan kedua, sebahagian besar perjuangan wanita ini adalah bergantung kepada satu sistem yang berkait dengan kehidupan bagi golongan lelaki. Namun demikian, peringkat ketiga ini lebih memfokuskan kepada aspek berdikari yang perlu dititikberatkan dalam diri setiap wanita dan pelbagai tokoh serta pelapor *female Aesthetic* yang terlibat seperti Virginia Woolf dan lain-lain.


Secara keseluruhannya, kritikan sastera Showalter ini memberikan banyak pengajaran dan panduan kepada semua golongan masyarakat untuk sentiasa peka dengan segala tindakan yang berkait dengan hak antara gender lelaki dan perempuan. Elaine Showalter ini diangkat sebagai seorang tokoh penting dalam bentuk memperjuangkan hak bagi golongan wanita dan ramai pengkaji menggunakan pendekatan yang beliau asaskan sebagai sumber rujukan yang mantap. Oleh itu, perkembangan sejarah perjuangan ini perlu diamati dalam diri supaya dapat memupuk sikap tanggungjawab terhadap hidup bermasyarakat.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 3.4.2 Kaedah analisis

Kaedah analisis yang digunakan pada bahagian ini ialah kaedah dokumentasi terhadap teks. Hal ini dikatakan demikian kerana kaedah analisis terhadap teks yang digunakan akan memberikan perkembangan dan kesan baik terhadap pengolahan data yang bermanfaat bagi kajian ini. Pencarian teks yang penting berkenaan dengan tajuk tugas iaitu *Analisis Perwatakan Wanita Dalam Novel Badai Semalam Karya Khadijah Hashim Menerusi Perspektif Feminisme*. Pengkaji mencari rujukan teks yang berkaitan dengan kajian ini melalui kaedah ke perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK), jurnal, buku dan sebagainya. Oleh yang demikian, penelitian yang mendalam telah dijalankan oleh pengkaji dalam mendapatkan maklumat dengan cara lebih sistematik demi melancarkan pelaksanaan kajian ini.

### 3.4.3 Kerangka konsep kajian



Rajah 3.1: Kerangka Teori.

Sumber: Muhammad Khairani Bin Shahrel (2023)

### 3.5 Penutup

Kesimpulannya, bahagian ini memberi penekanan yang jelas kepada segala aspek yang berkait dengan kaedah kajian yang dijalankan. Hal ini dikatakan demikian kerana segala aspek yang diketengahkan dalam bab ini akan memperincikan tentang reka bentuk kajian yang dijalankan, cara pengumpulan maklumat yang penting bagi kajian ini dan penggunaan teori yang diaplikasikan bagi menjadi panduan dalam menyelesaikan kajian ini. Oleh itu, kaedah metodologi ini selari dengan cara pengumpulan maklumat yang berkesan dan kajian berdasarkan tajuk *Analisis Perwatakan Wanita Dalam Novel Badai Semalam Karya Khadijah Hashim Menerusi Perspektif Feminisme* yang dijalankan akan dapat diselesaikan dengan mudah mengikut tatacara yang telah ditetapkan oleh pihak yang berkenaan. Jelaslah bahawa metodologi kajian ini memberikan kesan positif kepada penghasilan kajian yang mantap dan segala maklumat yang dikemukakan adalah tepat serta boleh dipercayai.

## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 Pendahuluan

Bab ini akan mengetengahkan tentang semua hasil dapatan yang telah diperolehi melalui kajian yang dijalankan ini dengan berteraskan kepada objektif kajian yang telah dijadikan sebagai panduan dan persoalan kajian yang membantu dalam hasil dapatan ini. Hal ini dikatakan demikian kerana bahagian dapatan kajian ini dilihat sebagai suatu aspek yang penting bagi membantu dalam menganalisis data yang berkaitan bagi menjawab segala persoalan atau pertanyaan yang berkaitan dengan objektif kajian yang telah ditetapkan di bahagian bab satu. Dapatan kajian boleh dikenali sebagai sesuatu perkara yang telah diketahui atau didapati segala keputusan serta hasil kajian yang hendak dijalankan berkaitan dengan segala bentuk laporan yang perlu untuk dikaji. Selain itu, dapatan kajian juga adalah merupakan suatu proses dalam menganalisis yang berkait dengan laporan kajian yang dijalankan menerusi aspek-aspek tertentu yang bersangkutan dengan permasalahan kajian,

mengkaji hasil kajian serta menganalisis segala data yang berkaitan dalam membentuk suatu hasil kajian yang lengkap (Cresswell, 2010). Oleh itu, dapatan kajian ini memberi fokus yang tinggi kepada tajuk kajian yang dijalankan iaitu Analisis Perwatakan Wanita Dalam Novel *Badai Semalam* Karya Khadijah Hashim Menurut Perspektif Feminisme.

Justeru itu, kajian yang dijalankan ini akan memberi penekanan kepada beberapa aspek yang berkaitan dengan tajuk kajian yang melibatkan watak dan perwatakan wanita yang telah dikemukakan dalam novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim. Selain itu, dapatan kajian ini juga memfokuskan kepada peranan yang dimainkan oleh golongan wanita khususnya dalam aspek sosial berdasarkan teori Feminisme serta sumbangan watak dan perwatakan wanita dalam novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim. Oleh yang demikian, kajian yang dijalankan ini akan menganalisis segala data yang berkaitan bagi memperoleh maklumat yang tepat berdasarkan kepada tajuk kajian iaitu Analisis Perwatakan Wanita Dalam Novel *Badai Semalam* Karya Khadijah Hashim Menurut Perspektif Feminisme.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 4.2 Watak dan perwatakan wanita dalam novel *Badai Semalam*

### 4.2.1 Maksud watak dan perwatakan

Watak merujuk kepada sesuatu perkara yang melibatkan dengan penggunaan gender seperti lelaki dan wanita. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2009), watak boleh ditakrifkan sebagai suatu sifat yang merangkumi zahir dan batin yang melibatkan tabiat, jiwa dan tingkah laku bagi seseorang individu tersebut. Watak juga boleh dikenali sebagai suatu perkara atau pelaku yang telah ditimbulkan bagi mendukung segala fungsi yang berkaitan dengan data dan idea asal bagi mencapai sesuatu matlamat yang diingini (Sumarni, Chairil Effendy dan Parlindungan Nadeak, 2014). Hal ini dikatakan demikian kerana watak merupakan asas kepada pembentukan yang diperlukan dalam cereka disebabkan oleh watak ini berperanan besar dalam mengisi atau menghidupkan segala peristiwa dan cerita yang ingin dikarang oleh seseorang pengarang tersebut. Kesannya, watak merupakan suatu aspek penting dalam etika atau idea yang dapat membantu seseorang pengarang itu dalam meningkatkan hasil karya yang lebih bermutu.

Selain itu, perwatakan pada kebiasaanya memiliki sifat-sifat asli yang dimiliki seperti manusia biasa iaitu sifat marah, sedih, gembira dan sebagainya. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2009), perwatakan membawa maksud kepada sifat yang digambarkan melalui perilaku seseorang itu yang pada umumnya dipengaruhi oleh persekitaran hidup. Srikandi Saemah Samaon dan Mary Fatimah Subet (2020), mereka berpendapat bahawa perwatakan mempunyai hubung kait dengan segala aktiviti, tindakan, hubungan dan segala

perkara yang melibatkan tingkah laku atau sikap yang melibatkan banyak komuniti khususnya dalam kalangan masyarakat. Perwatakan boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu perwatakan yang positif dan perwatakan yang negatif. Kedua-dua perwatakan ini dapat memberikan kesan dalam kehidupan mahupun kesan baik atau kesan buruk yang boleh memberi pengajaran kepada semua golongan masyarakat.

#### **4.2.2 Watak dan perwatakan wanita dalam novel *Badai Semalam***

##### **4.2.2.1 Mazni**

Mazni merupakan watak utama yang mempunyai kaitan dengan kajian yang dijalankan berdasarkan kepada novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim. Watak dan perwatakan Mazni telah ditonjolkan melalui karya ini sekaligus menjadi Mazni watak utama dalam jalan penceritaan yang ditulis oleh Khadijah Hashim. Oleh yang demikian, terdapat beberapa perwatakan yang boleh diambil melalui contoh teks yang terkandung dalam novel *Badai Semalam* bagi mencapai matlamat pada bahagian objektif yang pertama bagi kajian yang dijalankan ini.

Sabar merupakan sifat utama yang telah diketengahkan melalui watak Mazni dalam merangkumi jalan penceritaan yang terkandung di dalam novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim. Sabar boleh ditakrifkan sebagai suatu sifat yang mulia bagi membantu seseorang itu dalam menahan sifat, perbuatan, perilaku dan sebagainya supaya tidak berlaku perkara yang negatif dalam menjalani kehidupan seharian. Berdasarkan kepada penyataan

Subandi (2011) sabar boleh didefinisikan sebagai salah satu perkara asas yang mempunyai kaitan dengan psikologi manusia yang lebih ke arah positif dalam mewujudkan suasana damai dalam kalangan masyarakat. Sifat sabar ini juga dilihat dapat membantu seseorang individu tersebut untuk mengawal emosi atau perasaan marah dalam diri demi menjauhi pergaduhan semasa sendiri (Cliff Goddard, 2001). Dari sudut ini dapat dilihat bahawa sifat sabar ini perlu diterapkan dalam diri khususnya bagi golongan wanita dalam membentuk jati diri yang lebih baik supaya segala dugaan dan cabaran yang dihadapi dapat diselesaikan dengan baik. Lantaran itu, sifat sabar yang telah diutarakan ini dapat diberi penekanan melalui contoh petikan teks yang terkandung di dalam novel seperti berikut:

“Maz sedar akan kedudukan Maz yang serba susah ini. Maz tak ada duit. Ya, tak ada keluarga tempat mengadu dan minta tolong. Segala-galanya terpikul di atas bahu Maz sendiri. Maz tahu.”

(Khadijah Hashim, 2022: 14)

Berdasarkan kepada petikan di atas, sifat sabar yang tinggi telah digarapkan oleh Khadijah Hashim selaku pengarang novel *Badai Semalam* menerusi watak Mazni. Hal ini dikatakan demikian kerana Mazni merupakan seorang insan yang lahir dalam kalangan keluarga yang mempunyai masalah dan serba kekurangan dalam menjalani kehidupan seharian. Perkara ini dapat diketengahkan melalui kata-kata Mazni yang beranggapan bahawa diri beliau tidak mempunyai kedudukan yang tinggi, tidak mempunyai kekayaan harta yang banyak dan sebagainya. Mazni sedar akan kekurangan yang menimpa diri beliau dan Mazni tetap sabar dalam menghadapi segala cabaran serta rintangan yang mendaratang. Oleh yang demikian, watak dan perwatakan yang dibawa oleh Mazni ini jelas membuktikan bahawa sifat sabar yang tinggi dalam diri perlu disemai dan dipraktikkan dalam kehidupan seharian bagi membentuk individu yang mementingkan akhlak yang mulia dan sifat sabar ini

telah menjadi sumber kekuatan untuk Mazni sentiasa bersemangat menempuh liku-liku kehidupan yang akan datang.

Rentetan daripada perkara di atas, perwatakan yang di bawah oleh watak Mazni ialah gigih berusaha dalam mengejar impian yang beliau ingini walaupun terdapat pelbagai masalah yang perlu dihadapinya. Sikap pantang mengalah ini dilihat dapat memberikan kesan positif dalam setiap langkah atau perkara yang hendak kita lakukan supaya berjalan dengan lancar. Jika sifat suka berusaha ini tidak ada dalam diri setiap manusia, sudah tentu segala perkara yang hendak dilakukan akan menjadi sia-sia dan sifat mudah mengalah mampu mempengaruhi cara hidup seseorang tersebut. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2009), gigih berusaha ini melibatkan daya upaya atau kekuatan mental dan fizikal dalam mencapai segala kemahanan yang diingini dalam diri masing-masing. Berdasarkan pernyataan Danang Faizal Furqon (2018), beliau menegaskan bahawa usaha menjuruskan kepada segala daya upaya yang dilakukan oleh seseorang dalam melakukan sesuatu perkara tertentu demi mencapai matlamat yang diingininya. Natijahnya, sifat gigih berusaha ini dapat dilihat menerusi watak Mazni yang cuba diketengahkan oleh pengarang menerusi teks berikut:

“Sedar saja tapi tak ada usaha yang bersungguh-sungguh untuk memperbaiki taraf pembelajaran dan ekonomi bangsa, tak ada maknanya! Kita tidak mungkin sampai ke kemuncak kejayaan yang diharap-harapkan kalau dengan angan-angan kosong.”

(Khadijah Hashim, 2022:13)

Petikan di atas membincangkan tentang watak Mazni yang tidak mudah berputus asa dengan mengejar cita-cita yang beliau inginkan dalam kehidupan ini. Mazni mempunyai

tekad yang tinggi untuk melanjutkan pelajarannya keperingkat yang lebih tinggi iaitu universiti atas dasar suka dengan sesi pembelajaran atau menuntut ilmu dan beliau ingin mengubah nasib keluarganya yang miskin. Mazni sangat gigih berusaha dalam mencapai matlamat yang beliau inginkan walaupun terdapat banyak perkara yang mempunyai batas-batas yang tertentu. Kehidupan Mazni yang serba kekurangan ini tidak mematahkan semangat beliau kerana beliau sedar akan kelemahan atau kekurangan ini boleh untuk dijadikan sebagai sumber kekuatan bagi diri sendiri. Oleh itu, perwatakan yang diketengahkan melalui watak Mazni melalui pelbagai usaha yang dilakukan bagi mencapai matlamat yang beliau inginkan boleh dijadikan sebagai sumber rujukan bagi masyarakat untuk sentiasa berusaha dan tidak mudah mengalah dalam mencapai perkara yang diingini.

Seterusnya, pengorbanan memiliki pelbagai maksud yang khusus bagi setiap perkara yang ingin dikaitkan mengikut situasi persekitaran dalam kehidupan. Melalui novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim ini dapat melihat pengorbanan seorang anak yang sanggup berbanting tulang demi membantu keluarga serta ibunya yang sakit. Pengorbanannya di sini dapat dilihat sebagai suatu tindak balas yang dibuat akan memberikan kesan buruk terhadap diri seseorang itu demi mencapai suatu matlamat yang lebih besar pada masa akan datang. Pengorbanan ini dilihat merangkumi kepada beberapa peristiwa yang boleh dikenali sebagai tragis demi mendapatkan kehidupan yang lebih baik berdasarkan kepada corak pemikiran yang digapai oleh seseorang itu (Irawan Syahdi, 2018). Gendut Sukarno dan Sumarto (2005), mereka berpendapat bahawa setiap insan mempunyai pengorbanannya yang tersendiri mengikut situasi dan persekitaran yang membawah kepada suatu perkara yang baik dalam kehidupan. Tuntasnya, watak Mazni berperanan besar dalam membawa suatu perwatakan yang berteraskan kepada pengorbanan melalui bukti petikan yang berikut:

“Maz fikir dah sampailah masanya Maz mesti berkorban untuk mak pula. Mak sekarang tengah sakit, perlukan wang untuk berubat. Jadi, Maz berniat nak mencari kerja aje.”

(Khadijah Hashim, 2022: 36)

Berdasarkan kepada petikan di atas, Mazni telah bertindak di luar pemikiran dan pengetahuan ibunya sendiri dengan merumuskan bahawa beliau hendak berhenti belajar demi mencari pekerjaan. Mazni bertindak sedemikian rupa atas dasar dan sebab-sebab tertentu yang telah mendorong beliau untuk berhenti belajar. Mengikut alur penceritaan novel *Badai Semalam*, Mazni tergolong dalam kalangan orang yang susah dan hidup serba kekurangan. Tambahan pula, ibu Mazni telah mengalami penyakit yang akan mengundang bahaya ke atas diri beliau dan usia ibunya yang semakin tua mengikut peredaran hari demi hari. Perkara ini telah mendorong Mazni untuk melupakan hasrat beliau bagi menyambung pelajaran demi membantu ibunya yang sedang sakit. Bagi Mazni pelajaran itu penting untuk mengubah nasib diri dan keluarga beliau. Namun demikian, Mazni lebih mementingkan ibunya sendiri kerana ibunya sahajalah keluarga yang tinggal bersama beliau dan tiada yang lain boleh mengantikannya. Jelaslah bahawa perwatakan yang dibawa oleh watak Mazni ini dilihat sangat positif dengan sanggup berkorban harta, tenaga dan sebagainya demi untuk menjaga orang yang beliau cintai iaitu ibunya. Perkara ini perlu dititikberatkan dalam kehidupan bagi meningkatkan nilai insan dalam kalangan masyarakat di negara ini.

Di samping itu, setiap manusia mestilah mempunyai matlamat dan cita-cita yang ingin dikecapi pada masa yang akan datang. Matlamat hidup penting bagi setiap insan dalam menjamin perilaku dan mempunyai minda yang sentiasa fokus kepada tujuan yang ingin digapai. Keinginan yang diingin oleh manusia adalah lebih tertumpu kepada arah kebaikan

demi diri sendiri mahupun keluarga. Secara tidak langsung, cita-cita yang telah disemai dalam kalangan masyarakat dapat membantu meningkatkan modal insan yang berkualiti bagi negara demi generasi masa yang akan datang. Matlamat boleh digambarkan sebagai suatu titik tinggi yang dijadikan sebagai panduan bagi individu dalam mengapai kejayaan yang mereka inginkan dalam kehidupan (Mohamad Nazli Omar, 2016). Berdasarkan kepada pernyataan Ifdil dan Zadrian Ardi (2014), mereka berpendapat bahawa setiap manusia tidak lari dengan sifat keinginan dalam diri menerusi corak pemikiran yang melibatkan konsep cita-cita dalam mencapai segala tujuan dan impian pada masa-masa tertentu. Perkara ini jelas dapat dilihat melalui perwatakan Mazni yang mempunyai cita-cita yang murni berdasarkan kepada petikan berikut:

“Maz bukan tidak mahu bekerja, Mak Atun. Tapi, Maz sudah lama bercita-cita untuk meneruskan pelajaran Maz hingga ke peringkat universiti. Maz bercadang mahu mengambil jurusan kedoktoran”.

(Khadijah Hashim, 2022: 14)

Petikan di atas menegaskan bahawa watak Mazni sedang berbicara santai dengan Mak Atun berkenaan dengan hasrat yang dimiliki oleh Mazni sejak sekian lama. Mazni mempunyai cita-cita yang tinggi iaitu beliau ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi iaitu peringkat universiti. Mazni mempunyai alasan yang tersendiri untuk melanjutkan pelajaran dan perkara ini seakan-akan menjadi beban buat diri beliau. Mazni ingin mengubah nasib keluarganya yang malang dan kurang berkemampuan itu dengan meletakkan cita-cita tersebut sebagai suatu target yang perlu beliau capai. Mazni berani mempunyai cita-cita yang tinggi akan tetapi kehidupan beliau tidak mudah untuk mengapai hasrat tersebut. Tambahan pula, keadaan ibu Mazni yang dilanda penyakit dan berlanjutan

usia mengakibatkan Mazni sedikit sebanyak risau akan kesihatan yang ditanggung oleh ibunya itu. Jelaslah bahawa Mazni merupakan seorang wanita yang kuat dalam mengharungi liku-liku kehidupan dan boleh diambil sebagai rujukan dalam kalangan masyarakat pada masa ini.

#### **4.2.2.2 Puan Rohana**

Puan Rohana merupakan watak sampingan yang telah dikemukakan melalui jalan penceritaan novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim. Hal ini dikatakan demikian kerana Puan Rohana telah mengalas watak sebagai ibu Karim yang sedikit sebanyak dapat memberikan kesan terhadap keunikan yang terkandung melalui jalan cerita novel ini. Oleh itu, terdapat beberapa perwatakan yang dapat diterjemahkan melalui penyelidikan ini menerusi watak Puan Rohana yang dilihat selari dengan persoalan dan juga objektif yang dikemukakan dalam kajian penyelidikan ini.

Bersangka buruk merupakan suatu sifat atau perwatakan yang tidak baik perlu dielakkan oleh semua golongan masyarakat di negara ini. Berdasarkan kepada penyataan Nor Fahimah Mohd Razif, Noor Sakinah Samsulkamal dan Ridzwan Ahmad (2021), mereka berpendapat bahawa sangkaan buruk ini menjuruskan kepada tanggapan atau sifat buruk yang ada dalam diri individu tersebut yang berasa tidak senang dengan kejayaan atau segala tindakan yang dilakukan oleh orang yang mereka tidak sukai itu. Nurul Iffah Binti Shahabudin dan Iffah (2022) prasangka buruk merupakan suatu sifat yang tidak baik dan setiap insan perlulah menjauhkan diri daripada sifat yang sedemikian rupa supaya tidak

berlaku sebarang masalah yang melibatkan orang lain atau masyarakat setempat. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap insan mestilah mempunyai persekitaran yang positif demi memastikan hubungan tali silaturahim antara setiap insan dapat dijaga dan dipertingkatkan dengan sikap serta perilaku yang baik dalam diri. Oleh itu, perwatakan Puan Rohana ada mengetengahkan tentang sifat sangka buruk melalui petikan berikut:

“Sianglah dulu, nanti berani keluar malam pulak, tinggi saja nada suara Puan Rohana. Benci betul dia dengan Mazni kini. “Awak ni selalu jahat sangkalah! Dah, aku tak kuasa bercakap pasal si Karim tu. Dia dah besar panjang, tahulah dia memikirkan yang mana patut dibuatnya,” putus Encik Harris ...”

(Khadijah Hashim, 2022: 127)

Berdasarkan kepada petikan di atas, Puan Rohana dilihat mempunyai perwatakan yang tidak baik iaitu dengan bersangka buruk terhadap Mazni yang bergelar isteri kepada anaknya iaitu Karim. Puan Rohana telah bertindak dengan menuduh Mazni dengan melibatkan perkara-perkara yang tidak baik sehingga perkara ini telah memalukan Mazni dan mendatangkan masalah dalam institusi kekeluargaan mereka. Puan Rohana telah bertindak dengan menuduh Mazni dengan tuduhan yang tidak berasas iaitu beliau menyatakan bahawa Mazni ini merupakan seorang wanita yang tidak tahu untung dan suka mengambil kesempatan terhadap sesuatu perkara. Puan Rohana menuduh Mazni keluar dengan lelaki lain untuk berseronok tanpa pengetahuan Karim. Namun demikian, Mazni tidak melakukan perkara tersebut. Mazni hanya berjalan sahaja dengan kawan lelakinya iaitu Karim tanpa melakukan perkara-perkara yang tidak baik dibelakang suaminya itu. Perkara ini jelas membuktikan bahawa sifat buruk sangka yang ditonjolkan melalui watak Puan Rohana ini

telah mencetuskan beberapa masalah yang melibatkan masalah rumah tangga dan perkara ini boleh menjelaskan hubungan yang baik antara suami dan isteri.

Selain daripada itu, perwatakan yang dibawa oleh Puan Rohana melalui penceritaan novel *Badai Semalam* ini ialah sikap suka bangga diri dan suka merendahkan orang lain dengan perkara-perkara yang tidak baik. Sikap bangga diri ini merupakan suatu sikap yang negatif boleh menjuruskan kepada kerosakan diri sendiri dan sifat bangga diri ini boleh mendekatkan insan tersebut dengan kemurkaan oleh Allah. Berdasarkan kepada penyataan Eko Sumadi (2016), beliau berpendapat bahawa sikap bangga diri ini merujuk kepada perasaan kagum atau takbur yang ada dalam diri sendiri yang boleh membawa kepada suatu penyakit yang disebut sebagai penyakit hati. Selviana Syafitri (2014) sikap bangga diri ini merupakan suatu sikap yang tidak baik dan setiap insan mestilah bersyukur serta merendah diri dengan segala kemudahan yang telah ditetapkan oleh Allah. Tuntasnya, Puan Rohana dilihat ada menggambarkan perwatakan yang tidak baik iaitu bangga diri dengan merendahkan insan lain untuk tujuan yang tidak baik. Perkara ini dapat dilihat menerusi petikan berikut:

“Puan Rohana semakin menyinga. Jawapan Encik Haris seolah-olah mempermankannya. “Ya Allah! Anak kita tu berpangkat, berketurunan yang baik-baik, yang ternama, terkenal di bandar ini. Dan Mazni tu anak orang gaji kita. Tak ke awak merasa ngeri kalau terjadi apa-apa...”

(Khadijah Hashim, 2022: 128)

Petikan di atas menegaskan bahawa perwatakan Puan Rohana yang mempunyai sikap bangga diri melihat bahawa diri serta keturunannya itu sebagai suatu asbab untuk menjatuhkan nama Mazni. Hal ini dikatakan demikian kerana Puan Rohana memiliki latar belakang keluarga yang serba mewah dan mempunyai pangkat serta dikenali oleh orang

ramai khususnya dalam kalangan masyarakat. Puan Rohana telah bertindak dengan merendahkan Mazni sebagai seorang wanita yang miskin dan tidak mempunyai apa-apa jika hendak dibandingkan dengan anaknya iaitu Karim. Puan Rohana telah bertindak dengan kasar melalui kata-katanya yang bertujuan untuk menjatuhkan Mazni. Perkara sedemikian seharusnya tidak berlaku khususnya dalam institusi kekeluargaan kerana hubungan yang baik sesama ahli keluarga perlulah disemai bagi mendapatkan suasana hidup yang harmoni. Jika sikap bangga diri ini telah mempengaruhi hidup seseorang itu, sudah tentu segala perkara yang diingini akan dilaksanakan akan mendapat masalah untuk mendapatkannya. Oleh itu, setiap insan mestilah mempunyai sikap rendah diri dengan sentiasa bersyukur dengan segala perkara yang telah dicapai dan sikap bangga diri ini perlu dielakkan bagi menjadi insan yang terbaik di dunia mahupun di akhirat.

Seterusnya, perwatakan yang diketengahkan oleh Puan Rohana dalam novel *Badai Semalam* ini ialah sifat prihatin dengan mendengar dan membantu anaknya dalam menyelesaikan masalah. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2009), sifat prihatin ini boleh ditakrifkan sebagai sifat mengambil tahu atas semua perkara, mengambil berat dan memahami perasaan seseorang yang sedang sedih akibat daripada masalah yang mereka hadapi dalam kehidupan. Berdasarkan kepada penyataan Surina dan Nayan (2006), mereka menyatakan bahawa sifat prihatin ini mesti diaplikasikan dalam kehidupan tidak kira usia sama ada muda atau tua supaya perkara ini dapat memberikan kesan baik terhadap suasana persekitaran masyarakat yang kondusif dan harmoni. Menerusi jalan penceritaan dalam novel ini dilihat perwatakan Puan Rohana yang prihatin dengan anaknya iaitu Karim dalam mendengar segala keluh resah atau mendengar masalah yang dihadapi oleh anaknya itu. Perkara ini dapat dilihat menerusi teks berikut:

“Sibuk dengan rancangan masing-masing dalam memburu keseronokan hidup muda. Dan dalam kesibukkan itulah mereka terlupa pada pemuda yang suatu masa dulu disanjung, dipuja, malah nama jurutera muda ini selalu bermain di bibir mereka. “Begitulah sifat manusia,” kata Puan Rohana.”

(Khadijah Hashim, 2022: 97)

Berdasarkan kepada petikan di atas, Karim telah bertindak dengan meluahkan rasa tidak puas hati dalam diri beliau berkenaan dengan kawan-kawannya kepada ibunya Puan Rohana. Hal ini dikatakan demikian kerana Karim berasa sangat tidak puas hati dengan layanan yang dilakukan ke atas dirinya seakan-akan mereka berkawan hanya untuk mendapatkan kepentingan peribadi sahaja. Puan Rohana berasa kasihan terhadap anaknya itu dan beliau telah bertindak dengan menjadi pendengar setia kepada Karim. Sudah tentulah, seorang ibu akan lebih memihak kepada anaknya kerana perasaan kasih sayang ibu terhadap seorang anak tiada talak gantinya. Perwatakan prihatin dibawa oleh watak Puan Rohana ini menunjukkan kepada realiti kehidupan masyarakat kini yang lebih mempunyai sifat untuk memelihara dan menjaga harta berharga bagi diri mereka. Oleh itu, sifat prihatin ini mestilah disemai dalam diri setiap insan tidak kira status sama ada ibu, bapa, anak dan sebagainya. Secara tidak langsung, keharmonian dalam institusi rumah tangga dapat dikekalkan sepanjang hayat.

#### 4.2.2.3 Ibu Mazni

Ibu Mazni merupakan watak wanita sampingan yang ditulis oleh Khadijah Hashim menerusi novel *Badai Semalam*. Hal ini dikatakan demikian kerana novel ini menceritakan tentang perjalanan hidup Mazni yang penuh dengan cabaran dan liku-liku dalam kehidupan. Ibu Mazni menjuruskan kepada suatu watak penting khususnya bagi Mazni itu sendiri dalam sentiasa cekal demi menempuh hidup yang serba kekurangan. Oleh yang demikian, terdapat beberapa perwatakan yang ditonjolkan menerusi watak ibu Mazni dalam jalan penceritaan novel *Badai Semalam* ini.

Perwatakan pertama ibu Mazni yang diketengahkan menerusi novel ini ialah sanggup berkorban demi untuk memenuhi segala keperluan yang dibutuhkan oleh Mazni. Perwatakan seorang ibu yang sanggup berkorban apa sahaja demi melihat anaknya berjaya merupakan satu perwatakan yang baik dan perlu diaplikasikan dalam kehidupan. Pengorbanan boleh ditakrifkan sebagai suatu perkara yang melibatkan ketulusan hati seseorang itu dalam melepaskan hal-hal berharga bagi dirinya demi untuk memberikan keuntungan kepada orang lain (Irawan Syahdi, 2018). Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2009), pengorbanan boleh didefinisikan sebagai melepaskan perkara-perkara yang berharga tanpa mendapat sebarang pengiktirafan dari negara, masyarakat dan lain-lain. Perkara ini jelas membuktikan bahawa pengorbanan ini mempunyai dua sisi yang berlainan iaitu satu sisi positif dan satu lagi sisi negatif. Sisi positif memperlihatkan orang lain yang mendapatkan keuntungan dengan pengorbanan yang telah dilakukan oleh diri sendiri. Manakala, sisi negatif seseorang itu akan kehilangan harta yang berharga bagi diri mereka sendiri. Oleh itu, perwatakan ibu Mazni yang sanggup berkorban dapat di tampilkan menerusi teks petikan berikut:

“...kemudian bersuara lambat-lambat. “Tak usahlah susah-susah kerana mak, Mazni. Demam mak ni bukanlah berat sangat. Demam air saja. Kau tak perlu bimbang, Mazni”. Bukan begitu, mak. Demam air pun mesti jumpa doktor juga. Kalau dibiarkan nanti melarat...”

(Khadijah Hashim, 2022: 5)

Petikan di atas membincangkan tentang keadaan Mazni yang berasa risau tentang kesihatan ibunya yang semakin merosot akibat daripada ibunya yang tidak ingin berjumpa dengan doktor untuk mendapatkan rawatan. Ibu Mazni bukannya tidak mahu untuk pergi berjumpa dengan doktor, akan tetapi beliau risau dengan segala kos yang perlu ditanggung jika beliau pergi hospital untuk merawat penyakitnya itu. Selain daripada itu, beliau tahu yang anaknya iaitu Mazni terlalu sibuk dengan aktiviti persekolahan demi mendapatkan keputusan yang terbaik. Perkara-perkara sedemikian telah bermain-main dalam fikiran ibunya itu. Beliau tahu bahawa kehidupannya dengan Mazni adalah serba kekurangan dan secara tidak langsung perkara ini menjuruskan kepada pengorbanan seorang ibu terhadap anaknya demi melihat anaknya berjaya dalam kehidupan. Beliau tidak ingin nasib malang yang menimpa dirinya turut mempengaruhi kehidupan Mazni pada masa yang akan datang. Jelaslah bahawa pengorbanan seorang ibu sungguh besar dan pengorbanan tersebut mestilah dimanfaatkan sebaik mungkin khususnya bagi anak-anak dalam membantu mengubah nasib keluarganya sendiri.

Perwatakan kedua yang diketengahkan melalui watak ibu Mazni ialah kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya. Kasih sayang mestilah disemai dalam diri setiap insan khususnya bagi seorang ibu demi mendidik dan menjaga anak-anak sehingga berjaya. Berdasarkan kepada penyataan Mulia Lestari (2019), beliau menyatakan bahawa kasih

sayang ini merujuk kepada suatu perasaan cinta yang dimiliki oleh seseorang itu dan bertindak dalam melakukan apa sahaja demi memberikan segala yang terbaik demi orang yang dicintai tersebut. Menurut A. Ghafar Ibrahim (2004), kasih sayang boleh didefinisikan sebagai suatu perasaan peduli dan cinta yang dimiliki oleh seseorang itu dan perasaan ini tidak semata-mata tertuju kepada manusia sahaja namun demikian, perasaan kasih sayang ini juga berkait dengan persekitaran sama ada haiwan, benda dan sebagainya. Tuntasnya, perwatakan kasih sayang yang terkandung dalam diri ibu Mazni ada menyisipkan satu perkara yang boleh ditekankan menerusi petikan berikut:

“Hendak dikeras-keraskan sangat, dia orang tua. “Mak dah makan?” “Dah. Makanlah kau seorang,” ibu tadi berbohong. “Mak bangun masak tadi?” “Tak. Mak Atun kau yang menjerangnya. Lauk tu Puan Rohana yang memberi,” jelas ibu sambil...”

(Khadijah Hashim, 2022: 5)

Petikan di atas menceritakan tentang ibu Mazni yang telah bertindak dengan menipu Mazni tentang pertanyaan yang ditanyakan oleh anaknya itu. Ibu Mazni terpaksa bercakap bohong demi memastikan anaknya tidak berasa bimbang akan dirinya itu. Hal ini dikatakan demikian kerana makan yang disediakan itu tidaklah banyak, namun cukuplah untuk anaknya seorang sahaja yang menikmati hidangan tersebut. Perasaan kasih dan sayang terhadap anaknya itu sangat kuat sehingga beliau sanggup menahan diri dalam kelaparan sambil menanggung sakit sejak sekian lama. Ibu Mazni sanggup melepaskan apa sahaja yang berharga bagi dirinya demi untuk melihat anaknya senang dalam menjalani kehidupan seharian. Secara tidak langsung, perkara ini telah membawa kepada suatu perwatakan yang

baik dan perkara ini juga perlu dijadikan sebagai panduan serta contoh dalam kalangan masyarakat supaya aspek kebahagiaan dalam institusi rumah tangga dapat digapai.

#### 4.2.2.4 Mak Atun

Mak Atun merujuk kepada watak sampingan yang ada dalam jalan penceritaan novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim. Mak Atun berperanan sebagai orang gaji yang telah bekerja menggantikan ibu Mazni yang sudah dilanjut usia dan mempunyai penyakit yang berbahaya. Mak Atun merupakan orang gaji baharu yang bekerja di bawah Encik Haris dalam setikar baru dua bulan. Tegasnya, perwatakan Mak Atun ini mempunyai kaitan dengan objektif pertama yang dikemukakan menerusi kajian ini iaitu mengenalpasti watak dan perwatakan wanita dalam novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim.

Perwatakan yang dibawa oleh watak Mak Atun ialah seorang yang kaya dengan sifat budi bahasa dalam diri. Hal ini dikatakan demikian kerana budi bahasa ini merupakan aspek penting dalam kehidupan kerana setiap perkara atau pertuturan mestilah dilafazkan dengan memasukkan elemen-elemen yang positif demi menjaga hati orang lain. Berdasarkan kepada penyataan Hamidah Abdul Wahab (2012), beliau menegaskan bahawa budi bahasa ini merujuk kepada perbuatan atau tingkah laku yang positif wujud dalam diri seseorang itu dalam mewujudkan satu budaya baik dalam kalangan masyarakat. Di samping itu, Che Rodi dan Rozita (2022) budi bahasa menjuruskan kepada kelakuan, tutur kata, sopan santun dan segala perkara yang ke arah positif demi mengekalkan nilai keharmonian dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, Mak Atun ada mengetengahkan suatu perwatakan yang baik iaitu

beliau merupakan seorang yang suka berbudi bahasa dengan orang lain. Perkara ini dapat dilihat menerusi teks berikut:

“...fikirlah baik-baik. Ibu kau perlukan rawatan yang baik. Kau sendiri sudah mendengar nasihat doktor hari tu. Ibu kau perlu banyak berehat, perlu berubat. Penyakit lemah jantungnya itu berbahaya. Kalau kau tak mengambil berat tentang kesihatannya, siapa lagi?”

(Khadijah Hashim, 2022: 12)

Berdasarkan kepada petikan di atas, Mak Atun telah memainkan peranan yang cukup besar dengan menasihati Mazni tentang masalah-masalah yang dialaminya. Sudah wajar bagi Mak Atun untuk menasihati Mazni kerana perbezaan umur dan juga pengalaman antara mereka berdua. Mak Atun telah menggunakan bahasa yang sopan dan baik dalam usaha untuk membantu Mazni dalam menempuh kesulitan hidup. Mak Atun memberi peringatan kepada Mazni untuk terus kekal menjaga ibunya yang semakin dilanjut usia dan mempunyai banyak penyakit yang masih belum dapat dirawat akibat daripada kekurangan modal serta sumber pendapatan. Perkara ini telah mendorong Mak Atun untuk bersuara mengenai isu ini dan segala perbincangan yang dilakukan bersama Mazni adalah dengan gaya serta sikap yang berbudi bahasa tanpa mempengaruhi emosi Mazni pada ketika itu. Secara tidak langsung Mazni dapat mengambil langkah awal untuk bersedia dengan segala perkara yang telah dibincang bersama Mak Atun untuk masa yang akan datang.

Di samping itu, perwatakan yang ada dalam diri Mak Atun adalah perasaan simpati terhadap Mazni yang dibebani oleh masalah-masalah berkaitan dengan kehidupan sampai melibatkan hasil pembelajaran di sekolah. Perasaan simpati ini ada dalam diri setiap insan dan bergantung kepada setiap situasi yang pada kebiasaannya perkara ini melibatkan satu

situasi yang menyediakan. Berdasarkan kepada pernyataan Lailatul Badriyah (2013), beliau menegaskan bahawa simpati ini merujuk kepada perasaan belas kasihan terhadap sesuatu peristiwa yang menyayat hati berlaku dalam persekitaran hidup masyarakat. Menurut Rally H. Remijawa (2021) simpati ini merupakan perasaan timbang rasa yang wujud dalam diri seseorang itu jika ianya melihat atau merasakan perkara-perkara yang melibatkan kesusahan bagi orang lain. Menerusi novel *Badai Semalam*, Mak Atun mempunyai perwatakan yang baik dengan berasa simpati dengan nasib Mazni yang ditimpah ujian besar dalam kehidupannya. Perkara ini dapat dilihat menerusi teks berikut:

“Mak Atun percaya kau boleh menjadi seorang doktor suatu hari nanti. Mak Atun bangga mendengar anak-anak perempuan punya cita-cita yang tinggi, walaupun dibebani tanggungjawab lain untuk mencapai cita-cita itu! “Ya, Maz sedar.” Maz dalam mengejar...”

(Khadijah Hashim, 2022: 14)

Petikan diatas mengetengahkan tentang perwatakan Mak Atun yang berasa simpati terhadap kehidupan yang dijalani oleh Mazni yang penuh dengan cabaran dan dugaan sepanjang kehidupan beliau. Mak Atun berasa kasihan dengan nasib Mazni yang terpaksa kerja lebih masa tambahan lagi beliau masih bersekolah untuk mengejar cita-citanya pada masa yang akan datang. Latar belakang keluarga Mazni yang serba kekurangan telah menyebabkan Mak Atun mempunyai timbang rasa dengan memberi dorongan serta semangat kepada Mazni untuk sentiasa fokus dan percaya kepada segala ketentuan yang telah ditetapkan oleh Allah. Mak Atun mudah berasa simpati kerana beliau juga berasal daripada kalangan orang yang susah. Tambah-tambah lagi beliau merupakan seorang wanita dan beliau tahu betapa sukarnya hidup tanpa adanya ayah atau abang lelaki. Perkara ini telah

menyebabkan Mak Atun sentiasa membantu dan menyokong segala tindakan yang baik dilakukan oleh Mazni dalam mengejar tujuan hidupnya sendiri.

#### 4.2.2.5 Dora

Dora merupakan watak sampingan yang telah dimasukkan oleh pengarang iaitu Khadijah Hashim dalam novel *Badai Semalam*. Watak Dora ini mempunyai kaitan dengan watak Karim yang merupakan suami kepada Mazni. Hal ini dikatakan demikian kerana Dora sudah berkenalan dengan Karim sejak sekian lama. Mereka telah mengenali antara satu sama lain sejak dibangku sekolah lagi. Dora dinyatakan mempunyai perasaan terhadap Karim pada ketika itu. Namun segala-galanya berubah setelah mereka berdua berkahwin dengan pasangan masing-masing. Oleh itu, perwatakan yang dibawa oleh watak Dora ini mempunyai kaitan dengan objektif pertama dalam kajian ini.

Perwatakan yang diketengahkan melalui watak Dora ialah seorang yang tidak setia kepada pasangannya dengan melibatkan kisah silam dalam perhubungan rumah tangga. Setia ini merupakan satu sifat yang penting khususnya bagi pasangan yang sudah mendirikan rumah tangga kerana sifat ini dapat membantu mempertahankan hubungan sesama sendiri. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2009), sifat setia ini merujuk kepada keteguhan hati seseorang individu tersebut dalam melibatkan hal-hal persahabatan, hal perkahwinan dan sebagainya. Berdasarkan kepada penyataan Hishamudin Isam dan Norsimah Mat Awal (2012), mereka berpendapat bahawa sifat setia ini boleh didefinikan sebagai taat dan patuh kepada segala arahan atau teguran yang diutarakan oleh orang-orang yang bertanggungjawab

serta menuruti segala kehendak yang diinginkan oleh orang yang berkepentingan seperti suami, ibu dan sebagainya. Tuntasnya, perwatakan Dora ini menunjukkan kepada suatu perkara yang negatif iaitu sifat tidak setia kepada suaminya dengan pergi berfoya-foya bersama Karim. Perkara ini dapat dilihat menerusi teks berikut:

“Dora yang tergila-gilakannya sedikit hari dulu bertemu secara kebetulan malam ini. Setelah menari dan berbual-bual itu, tahulah Karim yang Dora sudah berkahwin dengan seorang pegawai syarikat di Tanjung Puteri. Malam ini mereka benar-benar melepaskan ketagih yang sudah lama terslit di sudut hati.”

(Khadijah Hashim, 2022: 219)

Berdasarkan kepada petikan di atas, Dora telah mendirikan rumah tangga bersama suaminya sejak lama lagi dan suaminya merupakan pegawai syarikat di Tanjung Puteri. Perwatakan Dora merujuk kepada perwatakan yang tidak baik iaitu tidak setia terhadap hubungannya bersama dengan suaminya itu. Dora telah sah bergelar sebagai seorang isteri. Namun demikian, beliau telah bertindak dengan mencemarkan hubungan baik antara beliau dengan suaminya itu jika perkara ini telah sampai ke telinga suaminya itu. Sudah tentu perkara ini akan membawa kepada suatu masalah atau perpecahan yang akan membolak-balikkan keharmonian dalam berumah tangga. Begitu juga dengan Karim yang telah sah bergelar suami kepada Mazni dengan melakukan perbuatan yang tidak baik itu. Oleh itu, sifat tidak setia kepada pasangan ini perlu dijauahkan dalam diri setiap insan bagi memastikan hubungan baik dalam hidup berumah tangga dapat dikekalkan hingga ke akhir hayat. Jika sifat tidak setia ini dipandang enting dalam kalangan masyarakat, sudah tentu akan berlaku pergaduhan dan perpecahan sesama sendiri sehingga boleh mencetuskan kepada berlakunya perceraian antara suami dan isteri tersebut.

#### 4.2.2.6 Puan Mahani

Puan Mahani ada diperkenalkan dalam penulisan yang dibuat oleh Khadijah Hasim menerusi jalan penceritaan novel *Badai Semalam*. Puan Mahani ini merupakan watak sampingan yang dilihat banyak memberikan kesan buruk terhadap Mazni. Watak dan perwatakan Puan Mahani ini mempunyai kaitan dengan objektif pertama yang dibincangkan dalam kajian yang dijalankan ini. Puan Mahani ini merupakan kawan baik kepada Puan Rohana dan beliau juga berada dalam kalangan orang yang mempunyai harta, pangkat dan nama. Oleh yang demikian, perwatakan Puan Mahani ini dapat dilihat selari dengan maklumat yang diinginkan pada bahagian objektif dan persoalan kajian yang dijalankan ini.

Perwatakan yang dibawa oleh watak Puan Mahani ialah seorang yang mempunyai hasad dendki serta busuk hati melihat kebahagiaan orang lain. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2009), busuk hati ini merujuk kepada keperibadian buruk yang dimiliki oleh seseorang itu atau lebih dikenali sebagai jahat hati. Hasad dendki serta busuk hati ini merupakan suatu sifat buruk yang perlu dihindari oleh setiap golongan masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana sifat buruk ini akan memberikan kesan negatif terhadap hubungan baik sesama masyarakat. Berdasarkan kepada penyataan Siti Nursima Mohamed dan Ahmad Najib Abdullah (2017), mereka menekankan bahawa hasad dendki ini merujuk kepada penyakit hati yang ada dalam diri seseorang dan penyakit ini juga boleh membawa kepada salah faham yang kuat dalam kalangan masyarakat. Menerusi novel *Badai Semalam*, perwatakan yang diketengahkan oleh watak Puan Mahani ini boleh menjatuhkan maruah Mazni dan Karim menerusi petikan berikut:

“Hmm... aku nampak mereka berdua-duaan di dalam kereta. Selalu aku terserempak. Hari tu aku berselisih dengan kereta Karim di Bukit Timah. Mereka berseronok-seronok sampai ke Singapura, kau tak tahu ke? Atun...”

(Khadijah Hashim, 2022: 164)

Berdasarkan kepada petikan di atas, Puan Mahani dilihat sedang berborak-borak dengan Mak Atun berkenaan dengan Mazni dan juga Karim. Puan Mahani telah bertindak dengan membohongi Mak Atun dengan mereka-reka cerita tentang kelakuan yang tidak senonoh yang dilakukan oleh Mazni dan Karim. Puan Mahani mempunyai perwatakan yang tidak baik dengan sifat busuk hati yang boleh membawa kepada kerosakkan hubungan baik antara mereka. Puan Mahani berbuat demikian kerana beliau berasa tidak senang dengan kegembiraan yang dimiliki oleh Mazni yang telah berjaya menambat hati Karim untuk mengahwininya. Puan Mahani berasa tersentak kerana Mazni telah dipilih oleh Karim walhal Mazni merupakan orang gaji Puan Rohana dan beliau tidak mempunyai latar belakang keluarga yang kaya raya serta tidak mempunyai nama. Puan Mahani berasa tidak puas hati kerana anak perempuannya tidak dipilih oleh Karim yang merupakan anak kepada kawan baiknya sendiri iaitu Puan Rohana. Sejak daripada peristiwa itu, Puan Mahani telah mengambil inisiatif yang tidak baik dengan cuba untuk memporak perandakan hubungan antara Karim, Mazni dan Puan Rohana. Oleh itu, perwatakan Puan Mahani ini perlu dielakkan dan dijauhi dalam diri supaya perkara yang tidak baik dapat diatasi demi mempengaruhi persekitaran yang baik dan harmoni.

### 4.3 Peranan sosial yang dimainkan oleh golongan wanita berdasarkan kepada teori Feminisme.

#### 4.3.1 Peranan sosial golongan wanita

Penyelidikan yang dijalankan ini ada memfokuskan kepada objektif kajian yang kedua iaitu mengkaji peranan yang dimainkan oleh golongan wanita dalam aspek sosial berdasarkan teori Feminisme dalam novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim. Aspek sosial yang cuba diperlihatkan menerusi penyelidikan ini lebih tertumpu kepada golongan wanita iaitu watak Mazni dalam merungkai segala masalah yang berkaitan dengan aspek sosial dalam jalan cerita tersebut. Secara umumnya, peranan sosial lebih tertumpu kepada tingkah laku yang dilakukan oleh golongan manusia dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Oleh yang demikian, terdapat beberapa peranan sosial yang cuba diketengahkan melalui watak Mazni dalam menghadapi segala cabaran dan rintangan sebagai seorang wanita dalam kehidupan sehariannya.

##### 4.3.1.1 Mazni

Perbezaan taraf kehidupan dalam kalangan manusia telah wujud sejak sekian lama menerusi aspek sosial dalam kehidupan. Hal ini kerana perbezaan taraf kehidupan ini merangkumi aspek kekayaan, harta benda, pangkat dan sebagainya. Perkara ini juga turut

menyumbang kepada status bagi golongan bawahan, golongan miskin, golongan yang diperintah dan lain-lain. Sohana Abdul Hamid (2016) berpendapat bahawa perbezaan taraf ini mempunyai kesan baik dan kesan buruknya yang tersendiri serta perkara ini sangat berkait dengan realiti kehidupan yang lebih mementingkan golongan yang kaya raya dan golongan miskin semakin dipinggirkan. Menurut Che Marina Che Ibrahim (2008) perbezaan taraf ini merujuk kepada faktor persekitaran yang boleh mendorong kepada sahsiah serta tingkah laku yang dilakukan oleh seseorang itu bergantung kepada kebaikan atau keburukan. Melalui jalan penceritaan novel ini, perbezaan taraf kehidupan yang begitu ketara di bawa oleh watak Mazni dalam menjalani kehidupan seharian. Tuntasnya, watak Mazni ada memberikan penekanan kepada peranan sosial yang berteraskan kepada taraf kehidupan yang berbeza menerusi petikan berikut:

“Maz fikir dah sampailah masanya Maz mesti berkorban untuk mak pula. Mak sekarang tengah sakit, perlukan wang untuk berubat. Jadi, Maz berniat nak mencari kerja aje. “Jadi kau tak mahulah meneruskan pelajaran kau hingga ke universiti, Maz?”

(Khadijah Hashim, 2022: 36)

Petikan di atas menjelaskan bahawa taraf kehidupan Mazni yang serba kekurangan tidak seperti orang lain yang lebih berkemampuan dalam melakukan pelbagai hal bagi menjalani kehidupan seharian. Mazni telah dibesarkan oleh keluarga yang serba kekurangan dan ibu Mazni telah diserang pelbagai penyakit akibat oleh kelanjutan usia. Keadaan ibu Mazni yang sentiasa sakit menyebabkan Mazni berasa resah dan bimbang tentang keadaan taraf kesihatan ibunya itu. Beliau tahu jika ibunya pergi ke hospital atau klinik yang berdekatan dengan rumahnya, beliau terpaksa menanggung kos perubatan mahupun kos kenderaan yang disewa untuk pergi ke tempat tersebut. Oleh sebab itu, Mazni terpaksa

melupakan hasrat beliau untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti atas dasar kewangan yang menyelubungi diri beliau. Tidak seperti Karim yang berasal daripada keluarga yang kaya raya dan mampu untuk melakukan segala hal tanpa risau akan kehabisan wang ringgit dan sebagainya. Secara tidak langsung, perbezaan taraf yang lebih tidak memihak kepada Mazni telah menyebabkan Mazni terus tabah dan cekal dalam mengharungi segala cabaran yang beliau hadapi serta hidup serba kekurangan yang dirasai oleh Mazni percaya ada hikmah disebalik segala perkara yang berlaku dalam kehidupannya.

Selain itu, institusi kekeluargaan juga merujuk kepada peranan sosial yang dimainkan oleh semua pihak khususnya bagi golongan wanita. Pembentukan keluarga mestilah terdiri daripada seorang lelaki yang bergelar bapa dan seorang wanita yang bergelar isteri serta diikuti dengan anak-anak. Institusi kekeluargaan ini sangat penting dalam kehidupan berumah tangga bagi memastikan hubungan baik sesama insan dapat dijaga dengan baik demi mewujudkan suasana keluarga yang harmoni. Berdasarkan kepada Siti Nur Husna Abd Rahman, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim dan Muhammad Adnan Pitchan (2017), mereka berpendapat bahawa institusi kekeluargaan ini memerlukan restu daripada kedua-dua belah pihak iaitu pihak lelaki dan juga pihak wanita dalam memastikan tiada sebarang isu yang timbul tentang pelaksanaan dan kelangsungan sepanjang tempuh pernikahan serta segala perkara yang berlaku pada masa akan datang. Menurut Mutia Ulfa (2020) institusi kekeluargaan ini memainkan peranan penting bagi memastikan kehidupan bersama dapat membawa suatu perubahan yang positif jika penerimaannya diterima dalam keadaan yang baik. Mazni telah menerima cabaran yang cukup besar melalui status kekeluargaannya semenjak beliau bersama dengan Karim. Tuntasnya, watak Mazni telah membawa kepada

suatu perkembangan tentang masalah besar menerusi institusi kekeluargaan yang terkandung dalam teks berikut:

“Puan Rohana nampak bayang anak gadis itu dan terus bersuara. “Dah tahu menumpang nak besar kepala. Dahlah tuannya, kucingnya pun pandai naik kepala. Heh! Tak sedar diri,” sindir Puan Rohana lantang.”

(Khadijah Hashim, 2022: 151)

Berdasarkan kepada petikan di atas, percakapan yang diucapkan oleh Puan Rohana adalah tertumpu kepada Mazni. Puan Rohana merupakan ibu kepada Karim dan beliau berada dalam kalangan keluarga yang kaya raya. Puan Rohana tidak senang hati dengan Mazni kerana Mazni merupakan seorang budak miskin yang menumpang di rumahnya. Tambahan pula, Karim telah bertindak dengan menjadikan Mazni sebagai isterinya yang sah. Perkara ini secara tidak langsung meningkatkan taraf kemarahan yang ada dalam diri Puan Rohana. Beliau sangat tidak boleh menerima kehadiran Mazni sebagai menantu beliau kerana latar belakang Mazni yang tidak mempunyai harta, kedudukan dan sebagainya. Institusi kekeluargaan Mazni terlihat hancur akibat daripada sikap tidak puas hati yang ditampilkan oleh Puan Rohana. Walaubagaimanapun, Mazni tetap sabar dengan segala ketentuan yang telah ditetapkan oleh Allah terhadap dirinya dan beliau sentiasa taat kepada perintah suaminya iaitu Karim. Jelaslah bahawa peranan sosial yang dibawa oleh watak Mazni ini sangat berat untuk dipikul oleh golongan wanita khususnya dalam institusi kekeluargaan dan perkara ini perlu dipandang serius bagi memastikan segala masalah dapat dibendung dengan baik.

Seterusnya, tanggungjawab merujuk kepada suatu kewajiban atau peranan yang dipikul oleh seseorang individu tersebut dalam mengalas segala amanah yang telah diberikan oleh pihak-pihak tertentu. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2009) tanggungjawab merujuk kepada suatu kewajiban yang disandang atas bahu seseorang tu berkenaan dengan amanah yang diberikan. Hal ini dikatakan demikian kerana sifat tanggungjawab ini merupakan suatu perkara yang positif bagi seseorang jika ianya dijaga dan dilakukan dengan baik. Jika sifat tanggungjawab ini tidak dititikberatkan dalam pegangan hidup masyarakat, sudah tentu banyak perkara-perkara yang dilakukan secara sambil lewa dan tidak amanah dengan segala tugas yang telah diberikan kepada mereka. Muhammad Atiullah Othman dan Indriaty Ismail (2016) berpendapat bahawa tanggungjawab ini boleh diklarifikasikan sebagai perkara yang berkait dengan etika bagi seseorang individu tersebut yang berlandaskan kepada segala kewajiban yang telah ditetapkan ke atas seseorang individu tersebut. Oleh itu, menerusi novel *Badai Semalam* ini dilihat peranan sosial yang dimainkan oleh watak Mazni adalah sebagai seorang isteri sah kepada suaminya iaitu Karim. Mazni mempunyai tanggungjawab sebagai seorang yang bergelar isteri dengan sentiasa taat kepada suami jika tiada berlaku percanggahan terhadap pegangan agama Islam. Perkara ini dapat ditelusuri menerusi teks berikut:

“Bang, Maz takkan sia-siakan kebebasan dan peluang yang abang beri kepada Maz. Percayalah! Ikrar Mazni. Dipegangnya kedua-dua tangan Karim erat-erat sebagai berjanji. Karim tersenyum puas.”

(Khadijah Hashim, 2022: 205)

Petikan di atas memberi gambaran kepada watak Mazni dan watak Karim yang sedang melakukan perbincangan antara suami isteri. Menerusi perbincangan yang dibuat

oleh mereka dapat diketahui bahawa Mazni berasa terharu dan bersyukur kepada Karim iaitu selaku suaminya yang sah dapat memberinya peluang untuk melanjutkan pelajarannya. Pada mulanya, ibu Karim tidak bersetuju akan Mazni yang mahu melanjutkan pelajarannya oleh kerana ibunya berasa tidak selesa dengan keadaan yang sedemikian. Oleh sebab itu, ibu Karim telah bertindak dengan menipu Mazni tentang perkara yang berkait dengan pelajarannya dan beliau memberitahu bahawa Karim tidak bersetuju untuk Mazni melanjutkan pelajarannya. Secara tidak langsung, perkara ini telah membuat Mazni berasa sedih dengan penipuan yang dibuat oleh ibu Karim. Berkait dengan perkara di atas, Mazni telah berbincang dengan baik bersama suaminya iaitu Karim tentang perkara tersebut supaya mendapat jalan penyelesaian yang terbaik. Natijahnya, Mazni bertanggungjawab dengan menjadi seorang isteri yang taat kepada suaminya. Perkara ini dapat dibuktikan dengan tindakan yang dilakukan oleh Mazni iaitu dengan berbincang secara baik dan menerima segala keputusan yang telah ditetapkan oleh suaminya itu. Beliau tahu jika perkara itu tidak direstui oleh suaminya, sudah tentu beliau tidak akan meneruskan niatnya untuk sambung pelajarannya tersebut.

Di samping itu, hak bersuara boleh ditakrifkan sebagai suatu perkara yang berteraskan kepada konsep kebebasan dalam melakukan sesuatu perkara. Hak bersuara ini sangat penting khususnya bagi golongan wanita dalam menyuarakan segala pendapat dan perkara yang penting bagi diri mereka. Hal ini kerana golongan wanita sering kali dinafikan hak mereka oleh kerana mereka digambarkan sebagai suatu golongan yang lemah dan tidak mampu untuk melakukan pelbagai jenis pekerjaan (Mohamad Zaidi Abdul Rahman, 2001). Berdasarkan kepada penyataan Norjihan Ab Aziz dan Zuraini Ab. Hamid (2018), mereka berpendapat bahawa hak bersuara ini bukan sahaja dilontarkan melalui percakapan, malah

ianya juga berkait dengan segala tindak balas, perbuatan dan lain-lain atas dasar rasa tidak puas hati terhadap sistem keadilan yang tidak sistematik. Oleh yang demikian, watak Mazni yang dilihat ada mengetengahkan tentang hak bersuara yang sewajarnya diambil perhatian khususnya bagi golongan wanita melalui petikan berikut:

“Maz ada pendirian dalam hidup. Abang fikirlah. Bolehkah kita merasa bahagia kalau ada orang lain menderita kerana kita. Maz hanya berbahagia kalau orang lain juga bahagia, terang Mazni jujur.”

(Khadijah Hashim, 2022: 210)

Berdasarkan kepada petikan di atas, berlaku perkara yang tidak diingini iaitu keluarga besar Karim yang melibatkan Puan Rohana iaitu ibu Karim dan Encik Haris iaitu ayah Karim dalam suatu masalah yang tidak dapat dielakkan lagi. Puan Rohana telah bertindak dengan mengucapkan kata-kata yang tidak baik ke atas Mazni kerana rasa tidak puas hati terhadap tindakan Mazni yang tidak mendengar arahannya. Perkara ini telah membawa kepada suatu keadaan yang huru-hara dengan saling berlawan mulut antara ibu, bapa dan juga Karim. Manakala Mazni masih berdiam seakan-akan tidak mampu untuk mempertahankan diri beliau untuk diterus menjadi mangsa Puan Rohana. Tuntasnya, perkara sedemikian seharusnya tidak boleh berlaku dalam institusi rumah tangga oleh kerana Mazni juga mempunyai haknya yang tersendiri selagi perkara itu tidak dihalang oleh suaminya sendiri. Hak ini mestilah diberikan kepada Mazni kerana beliau mempunyai impian dan juga cita-cita yang ingin beliau kecapi pada masa yang akan datang.

Pendidikan juga termasuk dalam peranan sosial yang perlu dititikberatkan dalam kalangan wanita pada hari ini. Pendidikan merujuk kepada suatu sistem penting dalam

kehidupan kerana pendidikan ini dilihat memberikan impak positif kepada perkembangan modal insan khususnya bagi golongan wanita. Hal ini dikatakan demikian kerana sistem pendidikan ini mengikut perspektif pemikiran masyarakat pada zaman dahulu yang pada kebiasaanya golongan wanita ini tidak digalakkan untuk pergi menuntut ilmu disebabkan oleh bermacam-macam alasan yang harus diketengahkan dalam kalangan masyarakat. Kedudukan bagi golongan wanita ini dilihat sangat berkait rapat dengan keadaan sosial dalam kalangan masyarakat yang tidak memandang tinggi sistem pendidikan dalam kalangan wanita (Abdul Ghani Abdullah dan Tang Keo Ngang, 2006). Pendidikan yang sewajarnya perlu diperolehi bagi semua golongan wanita bagi membantu mereka dalam mencapai wawasan dan juga matlamat hidup dalam membantu mengubah corak hidup keluarganya sendiri (Hafid Abbas, 2010). Oleh itu, terdapat beberapa perkara yang dapat dikemukakan melalui watak Mazni yang berlandaskan kepada hak pendidikan yang perlu digapai berdasarkan kepada petikan berikut:

“Otak rebung ini sudah terlalu banyak berfikir. Terlalu! Otak inilah juga bekerja keras dalam menghadapi pelajaran hari-hari. Otak ini juga yang setiap hari memikir soal hidup dan masa depannya.”

(Khadijah Hashim, 2022: 13)

Berdasarkan petikan di atas, Mazni dilihat sebagai seorang anak perempuan yang hidup dalam keadaan miskin dengan ketiadaan bapa dan ibunya yang sakit. Beliau diuji dengan suatu masalah yang cukup hebat dan masalah ini sering kali menghantui pemikiran Mazni yang terlalu sibuk dalam memikirkan tentang perjalanan hidupnya yang masih panjang. Mazni sangat risau dengan keadaan ibunya yang makin hari makin didatangi pelbagai penyakit yang boleh membahayakan kesihatan ibunya itu. Namun demikian, Mazni

juga harus sentiasa fokus dalam pelajarannya di sekolah disebabkan oleh beliau mempunyai cita-cita yang ingin beliau kecapi pada masa akan datang. Mazni mempunyai impian dan cita-cita yang tinggi iaitu beliau ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti bagi jurusan jurusan kedoktoran. Perkara ini sedikit sebanyak membebani fikiran Mazni yang sentiasa buntu dalam mencari jalan penyelesaian yang sesuai mengikut kehendaknya. Tambahan pula, pelajaran sangat penting bagi diri beliau dalam membantu mengubah hidup keluarganya yang serba kekurangan. Sistem pembelajaran yang dijalani oleh Mazni sama dengan pelajar-pelajar lain, namun demikian terdapat perkara-perkara yang berbeza mengikut jalur kehidupan yang berlainan latar belakang kehidupan. Mazni terpaksa berusaha lebih gigih berbanding dengan pelajar-pelajar lain oleh kerana beliau merupakan anak tunggal yang menjadi harapkan keluarganya khususnya bagi ibunya. Jelaslah bahawa taraf pendidikan ini penting bagi Mazni dalam membantu diri beliau dalam mencapai matlamatnya untuk membantu meningkatkan taraf kehidupannya yang serba kekurangan dan dapat membantu merawat penyakit yang dihidapi oleh ibunya sejak sekian lama.

#### **4.3.2 PENDEKATAN BERBALIK PATRIARKI**

Martabat merujuk kepada suatu keadaan atau kedudukan yang khususnya telah dibahagikan mengikut peringkat-peringkat tertentu berlandaskan kepada pemahaman dalam kalangan masyarakat. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2009), martabat juga boleh ditakrifkan sebagai pangkat, darjat atau tingkat yang dimiliki dalam kalangan masyarakat khususnya melibatkan gender, kuasa dan sebagainya. Sistem kedudukan atau martabat ini

dilihat mempunyai kesan buruk dan kesan baiknya yang tersendiri tergantung kepada individu itu sendiri dalam menjalani kehidupan sehariannya. Berdasarkan kepada penyataan Ali Mudhofir (1991) sistem martabat ini dilihat sebagai suatu bentuk nilai tambah dalam diri seseorang itu dalam memberi gambaran yang jelas kepada suatu konsep yang berteraskan kepada konsep maruah yang ada dalam diri insan tersebut. Hal ini kerana konsep martabat ini merujuk kepada suatu nilai moral yang mengangkat hak individu khususnya dalam konsep ini menjuruskan kepada hak wanita yang sering dinafikan haknya oleh golongan yang tidak bertanggungjawab. Menerusi novel *Badai Semalam*, watak Mazni dilihat mempunyai martabat diri yang rendah kerana kehidupannya dengan Karim adalah berbeza dari sudut harta, nama, pangkat dan sebagainya. Perkara ini dapat dijelaskan menerusi teks yang berikut:

“Dia tidak mahu merosakkan harapan Encik Haris dan Puan Rohana. ‘Mereka tentu mahu bermenantukan anak orang yang baik-baik, berpangkat, ternama, dan setaraf dengan keadaan hidup mereka yang serba mewah itu.’ Dia apalah ada!”

(Khadijah Hashim, 2022: 139)

Petikan di atas menerangkan tentang kedudukan dan martabat yang dimiliki oleh Mazni dilihat berbeza dengan apa yang dimiliki oleh Karim. Karim merupakan seorang anak lelaki kepada Encik Haris yang memiliki harta dan nama yang terkenal di sekolah maupun di luar. Perkara ini membuatkan Karim sangat terkenal dengan penampilannya yang serba mewah dan menyebabkan ramai golongan wanita yang tertarik dengan beliau. Perkara ini secara tidak langsung membuatkan Mazni berasa resah dan gelisah dengan keputusan Karim yang berkeras ingin berkahwin dengannya yang dianggap tidak memiliki apa-apa yang boleh membanggakan keluarga Karim. Ibu Karim iaitu Puan Rohana sangat tidak setuju dengan

perkahwinan ini kerana status Mazni sebagai orang bawahan atau miskin yang tidak setaraf langsung dengan kehidupan yang dimiliki oleh keluarganya itu. Mazni sedar yang dia hanya hidup menumpang keluarga Zaki, manakala ibu Mazni telah bekerja sebagai suri rumah untuk keluarga Encik Haris. Perkara ini membuatkan Mazni malu dan bimbang dengan keharmonian yang akan mengancam status rumah tangga mereka.

Berdasarkan kepada pendekatan berbalik patriarki, golongan wanita seharusnya diangkat martabat mereka atau dinaikkan kedudukan mereka berbanding dengan golongan lelaki. Hal ini dikatakan demikian kerana golongan wanita ini merupakan suatu kelompok yang lemah dari sudut fizikal berbanding dengan lelaki dan seharusnya kedudukan mereka dijaga supaya tidak berlaku perkara yang tidak diingini terjadi. Watak Mazni yang cuba diketengahkan melalui jalan cerita novel ini menjuruskan kepada suatu watak wanita yang hidup dalam keadaan miskin dan serba kekurangan. Mazni hidup bersama ibu yang sudah dimamah usia dan hidup mereka adalah secara menumpang simpati daripada Encik Haris. Berbeza pula ceritanya dengan Karim yang dilihat kehidupannya yang lebih mewah dan mampu untuk memiliki segala perkara yang beliau inginkan. Seharusnya, kedudukan Karim yang serba mampu ini membuatkan diri beliau dapat membantu Mazni dalam menyelesaikan segala masalah yang dihadapi oleh Mazni disebabkan oleh kehidupan Mazni yang serba susah. Jelaslah bahawa perbezaan martabat ini tidak seharusnya dipandang enting kerana perkara ini akan memberi kesan kepada kehidupan Mazni jika ianya tidak dapat diatasi dan dibantu oleh golongan yang lebih bertanggungjawab seperti Encik Haris dan Karim yang hidup dalam keadaan mewah.

Selain itu, sifat setia dalam menjalankan hubungan antara suami dan isteri juga boleh diketengahkan menerusi novel ini yang berlandaskan kepada pendekatan berbalik patriarki.

Sifat setia ini merupakan suatu sifat yang diperlukan dalam diri khususnya bagi golongan lelaki dan juga wanita yang sudah berkahwin supaya tidak berlaku sebarang isu berbangkit dalam institusi kekeluargaan. Hal ini dikatakan demikian kerana sifat setia ini dilihat dapat memberikan impak baik terhadap keharmonian rumah tangga dan perkara ini akan membantu dalam mencapai kata sepakat dalam menyelesaikan segala masalah yang dihadapi. Jika seseorang pasangan tersebut tidak jujur dan setia dengan pasangannya yang lain, sudah tentu hubungan yang sedemikian tidak akan berkekalan lama. Sifat kesetiaan antara suami dan isteri ini membawa kepada suatu nilai yang berharga khususnya dari sudut pegangan agama yang mementingkan keharmonian dalam berumah tangga (Maula Sari dan Fahrudin Fahrudin, 2021). Seterusnya, Rika Saraswati (2009) hidup berpasangan ini memerlukan sifat setia dan saling mempercayai antara satu sama lain bagi memperkuuhkan hubungan yang baik ini dalam kehidupan. Menerusi novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim, watak Mazni telah sah menjadi isteri kepada Karim melalui perkahwinan yang berteraskan kepada ajaran Islam. Namun demikian, berlaku perkara yang tidak diingini oleh Mazni yang curiga akan suaminya iaitu Karim dengan beberapa perkara yang melibatkan sifat setia dalam diri beliau. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan petikan berikut:

“Mazni tersenyum melihat wajah suami yang tampan dan gagah itu. “Nak ke mana?” Tanya Mazni. “Rumah kawan,” Karim membohongi Mazni. Sebenarnya dia sudah berjanji dengan Dora untuk ke Kota Singa melepaskan sesak yang menjolok-jolok dada.”

(Khadijah Hashim, 2022: 220)

Berdasarkan kepada petikan di atas, Karim selaku suami kepada Mazni tidak berkata jujur kepada Mazni tentang matlamat atau tujuan asal beliau untuk keluar dari rumah

tersebut. Karim telah bertindak dengan menipu Mazni yang bertujuan untuk berjumpa dengan Dora iaitu kawan atau kenalan rapat Karim sebelum beliau berkahwin dengan Mazni. Tindakan yang Karim lakukan ini adalah perkara yang salah dan secara tidak langsung penipuan ini akan memberikan kesan buruk terhadap hubungannya dengan Mazni. Tambahan pula, Dora juga telah berkahwin dengan lelaki lain iaitu lelaki tersebut lebih berusia berbanding dirinya itu. Dora turut melakukan perkara yang tidak sepatutnya berlaku bagi pasangan yang telah mendirikan rumah tangga. Namun demikian, Mazni tidak berfikir bahawa suaminya itu tergamak untuk menipu dirinya yang terlalu fokus kepada pembelajaran dan peperiksaan yang akan dihadapinya pada masa akan datang. Perkara sedemikian seharusnya tidak berlaku dalam hidup secara berpasangan kerana perkara ini akan mencetuskan perbalahan antara kedua-dua belah pihak.

Berdasarkan kepada pendekatan berbalik patriarki, golongan wanita seharusnya lebih dihargai lebih-lebih lagi watak Mazni yang telah sah bergelar isteri kepada Karim. Hal ini dikatakan demikian kerana sifat kejujuran perlulah diterapkan dalam diri Karim yang bergelar suami kepada Mazni supaya tidak berlaku fitnah atau masalah yang boleh meruntuhkan institusi rumah tangga. Golongan wanita seharusnya dijaga dan dihargai dengan segala sifat baik seperti setia dan jujur supaya kepercayaan dalam hidup berumah tangga dapat dikekalkan hingga ke akhir hayat. Karim dilihat mempunyai sifat yang tidak bertanggungjawab ke atas isterinya sendiri dengan sanggup berbohong demi untuk mengejar kenikmatan dunia bersama dengan perempuan lain iaitu Dora. Perkara sedemikian tidak seharusnya berlaku kerana golongan lelaki ini merupakan ketua keluarga yang wajib memimpin isterinya ke jalan yang lebih baik. Namun demikian sebaliknya pula yang berlaku

kepada Karim yang tidak teragak-agak untuk menipu Mazni. Tuntasnya, perkara ini akan memberikan kesan yang tidak baik kepada berlakunya masalah dalam rumah tangga mereka.

Seterusnya, menghargai pengorbanan seorang isteri dalam hidup berumah tangga merujuk kepada pendekatan berbalik patriarki yang diketengahkan melalui novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim. Menghargai boleh ditakrifkan sebagai menghormati atau mengasihi kepada sesuatu perkara yang dianggap penting dalam kehidupan. Sikap menghargai ini perlulah disemai sejak dibangku persekolahan lagi supaya segala perkara yang berkenaan dapat dihargai dengan baik. Golongan lelaki seharusnya lebih menghargai golongan wanita khususnya dalam konteks berumah tangga kerana tugas lelaki adalah untuk melindungi wanita daripada pelbagai aspek yang berisiko seperti aspek fizikal, mental dan sebagainya (Atmoko dan Hendro Dwi, 2020). Manakala, Irnanda Lucky Ajisaputri (2021) menghargai isteri merupakan tanggungjawab dan amanah yang telah dipikul oleh seorang suami demi menjaga akhlak serta keperibadian dirinya dalam membentuk institusi kekeluargaan ke arah yang lebih baik. Perkara ini jelas membuktikan bahawa golongan wanita ini perlu diangkat martabatnya berbanding dengan golongan lelaki yang dipertanggungjawabkan untuk sentiasa menjaga dan menghargai golongan wanita. Menerusi novel *Badai Semalam*, watak Mazni ada membawa kepada suatu peristiwa yang melibatkan konflik antara beliau dengan suaminya iaitu Karim yang mengandungi unsur tidak menghargai isterinya sendiri. Perkara ini dapat dilihat menerusi petikan berikut:

“Oh! Kejam? Apa kejam. Bila aku melakukan kekejaman? Bila? Hah... ini... ini baru dinamakan kejam! Geram Karim terubat apabila tangan gagahnya melayang ke muka Mazni yang halus licin itu. Mazni meraung kesakitan dan jatuh terposok ke lantai.”

(Khadijah Hashim, 2022: 233)

Berdasarkan kepada petikan di atas, perkara yang dapat ditekankan ialah perlakuan yang kasar telah dilakukan oleh Karim ke atas isterinya iaitu Mazni. Hal ini dikatakan demikian kerana Karim tidak dapat mengawal amarah dalam diri beliau dan menyebabkan beliau telah berlaku kasar ke atas isterinya sendiri. Perkara ini sangat berkait dengan masalah rumah tangga yang dihadapi oleh Mazni dan Karim yang menjadi penyebab utama dalam pertengkaran itu berlaku. Mazni sudah tidak sanggup untuk berdiam diri sahaja melihat suaminya yang semakin hari semakin berubah hati terhadap dirinya. Mazni tidak mahu suaminya terus mempermaining perasaannya dan dalam pada masa yang sama Mazni tetap bersabar dengan segala tomahan yang dilemparkan ke atas dirinya itu. Karim telah bertindak kasar dengan memukul atau menampar muka Mazni akibat daripada sikap tidak puas hati dengan melihat Mazni yang melawan dengan kata-kata beliau. Perkara ini tidak seharusnya terjadi khususnya bagi lelaki yang dipertanggungjawabkan untuk lebih menghargai golongan wanita yang dianggap lemah. Tindakan Karim ini jelas telah menunjukkan kepada sikap seorang suami yang tidak baik dengan tidak menghargai segala jasa dan pengorbanan yang telah dilakukan oleh isterinya dalam hidup berumah tangga.

Berdasarkan kepada pendekatan berbalik patriarki, golongan lelaki hendaklah sentiasa menghormati segala aspek yang melibatkan tentang penghormatan dan penjagaan berkait dengan wanita. Hal ini kerana golongan wanita seharusnya mendapatkan layanan

yang lebih baik berbanding dengan lelaki oleh kerana golongan wanita ini dilihat mempunyai emosi dan fizikal yang tidak kuat jika hendak dibandingkan dengan golongan lelaki. Selain daripada itu, sudah menjadi tanggungjawab bagi seorang suami untuk sentiasa menjaga dan melindungi isterinya daripada pelbagai ancaman serta bahaya dengan alam perkahwinan. Jika golongan suami tidak menitikberatkan sikap menghargai isteri dalam hidup berumah tangga, sudah tentu keharmonian rumah tangga tersebut akan tergugat akibat daripada berlakunya konflik dalaman seperti masalah, salah faham dan sebagainya. Perkara seperti inilah yang akan memicu kepada masalah-masalah yang lebih besar sehingga boleh menyebabkan berlaku pergaduhan besar yang melibatkan kepada serangan fizikal. Secara tidak langsung, perkara ini akan mendatangkan mudarat atau musibah kepada kestabilan rumah tangga untuk sentiasa kekal sepanjang hayat.

Di samping itu, pendekatan berbalik patriarki yang boleh diketengahkan melalui novel ini ialah sifat tanggungjawab yang semestinya ada dalam diri seseorang lelaki tersebut dalam berfikiran serius untuk mendirikan rumah tangga. Hal ini dikatakan demikian kerana sifat tanggungjawab ini merupakan suatu aspek penting khususnya bagi lelaki kerana apabila lelaki tersebut telah sah bergelar suami, maka tanggungjawab yang besar mestilah dipikul di bahu lelaki tersebut mengenai pelbagai aspek dalam rumah tangga. Jika sifat tanggungjawab ini tidak dititikberatkan dalam kehidupan seseorang lelaki itu, sudah tentu segala amanah yang diberikan akan sukar untuk ditunaikan dan berlaku pelbagai masalah yang boleh menjuruskan kepada kejatuhan rumah tangga (Muhammad Irfan Syuhudi, 2022). Berdasarkan kepada penyataan Sumaryo (2011), beliau menegaskan bahawa lelaki mempunyai banyak tanggungjawab seperti memelihara, mendidik dan lain-lain jika lelaki tersebut telah bergelar sebagai suami serta tanggungjawab tersebut bukanlah beban semata-

mata, namun perkara itu akan memberikan kesan yang positif kepada berlakunya keharmonian dalam rumah tangga. Watak Karim dalam novel *Badai Semalam* ada mengetengahkan sifat-sifat yang tidak baik dan perlu dielakkan khususnya bagi golongan lelaki. Sifat tersebut perlu dielakkan bagi golongan lelaki kerana perkahwinan merupakan suatu perkara yang penting dan perlu dipandang serius jika hendak menjalaninya. Perkara ini dapat dibuktikan menerusi petikan teks tersebut:

“Karim pula tetap dengan sikap hidup yang bebas. Dia suka berkawan, berdamping dengan teman-teman wanita yang keletah dan manis-manis itu. Hanya berseronok-seronok saja tentunya! Tidak lebih daripada itu. Niat berumah tangga belum terlintas di kepala anak muda ini.”

(Khadijah Hashim, 2022: 60)

Petikan di atas menerangkan tentang sifat Karim yang tidak mempunyai tanggungjawab untuk kekal fokus dalam perkahwinannya dengan Mazni pada masa yang akan datang. Karim terlalu sibuk dengan perkara-perkara yang tidak memberikannya manfaat dan sekaligus perkara tersebut telah memberi tanggapan yang buruk kepada Mazni akan perkahwinannya nanti. Hal ini kerana Karim terlalu sibuk dengan hiburan dan sering kali berfoya-foya dengan wanita-wanita lain sedangkan beliau tidak lama lagi akan bergelar sebagai seorang suami. Perkara ini sedikit sebanyak membimbangkan Mazni akan kesukaran dan masalah jika beliau akan bergelar isteri kepada Karim dalam masa terdekat nanti. Karim seharusnya lebih bertanggungjawab dengan menjaga hati dan perasaan Mazni kerana pernikahan ini bukanlah suatu perkara yang boleh di buat main dan pernikahan ini juga akan mendatangkan banyak cabaran serta rintangan pada hari yang mendatang. Jelaslah bahawa Karim seharusnya lebih bersikap bertanggungjawab dengan segala perkara yang berkaitan

dengan pernikahan ini supaya tidak berlaku sebarang konflik yang boleh mendatangkan fitnah atau kontroversi yang lebih buruk pada masa akan datang.

Berdasarkan kepada pendekatan berbalik patriarki, golongan lelaki sudah seharusnya lebih bertanggungjawab dengan berfikiran serius dalam menjalinkan hubungan bersama dengan wanita. Hal ini kerana sifat tanggungjawab yang tinggi perlu diterapkan dalam diri seseorang lelaki bagi memberikan kesan positif kepada keharmonian hubungan yang dijalankan itu. Golongan wanita seharusnya dilayan dengan baik seperti menjaga perasaannya, menghargai dan mengajarkan segala perkara-perkara yang dapat memberi manfaat dalam kehidupan bersama. Pihak lelaki seharusnya setia kepada pasangannya jika mereka berasa serius untuk berkahwin bagi menjaga hubungan baik ini supaya kekal hingga ke akhir hayat. Sifat suka berfoya-foya hendaklah dijauhkan dalam diri setiap insan bagi membentuk suatu keperibadian yang lebih bertanggungjawab dengan segala perkara khususnya dalam berumah tangga. Oleh itu, golongan wanita ini seharusnya dihargai dengan baik berbanding dengan golongan lelaki kerana lelaki akan menjadi tunjang atau ketua keluarga jika mereka sudah berumah tangga dan golongan wanita akan mengikuti segala perkara yang diberikan oleh suaminya selagi perkara tersebut tidak bercanggah dengan pegangan agama Islam.

#### 4.4 Menganalisis sumbangan watak dan perwatakan wanita dalam novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim pada masa kini.

Pada bahagian ini, penyelidik akan menekankan tentang objektif yang ketiga iaitu menganalisis sumbangan watak dan perwatakan wanita dalam novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim pada masa kini. Hal ini dikatakan demikian kerana sumbangan wanita khususnya pada masa kini dilihat sangat memainkan peranan penting dalam kalangan masyarakat dari sudut politik, ekonomi dan sosial. Sumbangan wanita ini dilihat sedikit sebanyak dapat memberikan kesan baik terhadap pembangunan masyarakat serta membentuk suatu budaya yang positif ke arah pembangunan modal insan yang terbilang. Perkara ini haruslah diberi penekanan penting dalam kalangan masyarakat yang secara tidak langsung dapat mengangkat golongan wanita ini sebagai suatu kumpulan yang dapat memberikan kesan terhadap peningkatan khususnya dalam bidang-bidang tertentu bersaing dengan golongan lelaki demi memajukan diri, masyarakat dan negara.

Pada bahagian ini, penyelidik telah merujuk kepada suatu dasar penting iaitu Dasar Wanita Negara sebagai sumber rujukan untuk menghuraikan objektif ketiga ini. Dasar Wanita Negara ini dilihat mempunyai kaitan dengan Dasar Warisan Negara yang telah diasaskan pada tahun 1989. Perkara ini telah disemak dan dikaji menerusi pelbagai peluang, isu, persekitaran serta cabaran yang mendaratang. Dasar ini dilihat ada mengangkat tentang hak kesamarataan gender yang melibatkan golongan lelaki dan golongan wanita bagi membantu menjana pembangunan negara yang seimbang. Tuntasnya, terdapat pelbagai sumbangan menerusi watak dan perwatakan wanita yang boleh diketengahkan dalam novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim pada masa ini.

#### 4.4.1 Sumbangan watak dan perwatakan wanita dalam novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim pada masa kini.

Sumbangan utama yang dapat dikemukakan menerusi watak dan perwatakan wanita dalam novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim pada masa kini ialah membangunkan potensi dan mendayaupayakan wanita dari pelbagai lapisan masyarakat serta dalam semua sektor sebagai agen perubahan kepada masyarakat serta penyumbang kepada pembangunan ekonomi dan sosial negara. Hal ini dikatakan demikian kerana golongan wanita pada masa kini dilihat mempunyai potensi atau bakat yang lebih baik jika hendak dibandingkan oleh golongan lelaki. Selain daripada itu, golongan wanita juga turut menjadi antara penyumbang yang besar kepada kemajuan serta pembangunan dari sudut sosial dan ekonomi dalam negara ini. Berdasarkan kepada penyataan Nordin Hussin, Rahila Omar dan Siti Fathihah Abd Latif (2012), mereka berpendapat bahawa golongan wanita pada masa kini lebih mendominasi daripada golongan lelaki dari sudut ekonomi dan sosial kerana kebanyakkan golongan wanita lebih berminat untuk menyambung pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi iaitu degree, master dan lain-lain. Rifki Khoirudin (2019) pula berpendapat bahawa berlaku persaingan yang kuat antara golongan wanita kerana terlalu ramai yang melanjutkan pelajaran mereka dan golongan lelaki dilihat lebih memilih untuk bekerja demi mendapatkan duit hasil dari pekerjaan yang dilakukannya itu. Menerusi novel *Badai Semalam*, watak Mazni ada membawa suatu perwatakan wanita yang komprehensif dan mempunyai potensi yang kuat untuk berjaya pada masa akan datang. Perkara ini dapat diketahui melalui petikan teks berikut:

“Maz sudah lama bercita-cita untuk meneruskan pelajaran Maz hingga ke peringkat universiti. Maz bercadang mahu mengambil jurusan kedoktoran. Mazni meluahkan hasrat dan cita-cita yang terbuku di hati tanpa silu-silu.”

(Khadijah Hashim, 2022: 14)

Berdasarkan kepada petikan di atas, Mazni merupakan seorang wanita yang mempunyai cita-cita yang tinggi dan beliau mempunyai potensi yang tinggi untuk mencapai apa yang beliau inginkan itu pada masa akan datang. Hal ini dikatakan demikian kerana Mazni bukanlah datang daripada golongan keluarga yang kaya raya. Beliau lahir dan hidup dalam golongan keluarga yang serba kekurangan. Perkara ini telah menjadi sumber kekuatan bagi Mazni untuk sentiasa cekal dan berusaha untuk mencapai matlamat yang beliau inginkan. Perwatakan Mazni ini telah menyumbang kepada suatu pemerhatian yang mempunyai asas tersendiri bagi mengangkat martabat wanita pada masa kini. Tidak salah jika seseorang itu mempunyai angan-angan atau cita-cita yang tinggi dalam kehidupan mereka. Dengan perkara itu, mereka mempunyai target yang cukup jelas untuk membina semula laluan yang terbaik untuk mengapai kejayaan pada masa akan datang. Perwatakan Mazni ini telah mendorong kepada lahirnya ramai bakat-bakat baharu khususnya bagi golongan wanita untuk sentiasa berusaha tanpa menjadikan kehidupan yang serba kekurangan ini sebagai suatu alasan yang dapat menghalang kejayaan seseorang individu tersebut. Perkara ini jelas membuktikan bahawa bukan sahaja golongan lelaki yang mempunyai peranan penting dalam membantu meningkatkan mutu dan pembangunan dalam negara. Namun demikian, golongan wanita juga mampu untuk bersaing dengan sihat bagi mendapatkan tempat yang selayaknya bagi membantu meningkatkan ekonomi dan sosial dalam negara.

Seterusnya, sumbangan kedua yang dapat dikemukakan menerusi watak dan perwatakan wanita dalam novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim pada masa kini ialah dengan menyediakan persekitaran yang kondusif, termasuk penggubalan dasar dan perundangan mesra wanita bagi meningkatkan martabat dan kesejahteraan hidup wanita dalam semua aspek termasuk fizikal, ekonomi, sosial, politik, kesihatan, psikologi dan kerohanian. Pihak berkuasa atau mana-mana pihak yang terlibat dalam membantu meningkatkan mutu perundangan yang lebih sistematik terhadap penjagaan hak bagi golongan wanita di negara ini. Hal ini kerana hak wanita seharusnya dipertahankan melalui sistem perundangan yang adil demi untuk menjaga martabat wanita dari terus ditindas. Berdasarkan kepada penyataan Muhammad Habib dan Arbianita (2020), mereka menegaskan bahawa suatu dasar yang kuat perlu ditubuhkan bagi membantu golongan wanita dalam mempertahankan hak mereka daripada terus dinodai oleh golongan yang tidak bertanggungjawab. Suhaila Binti Sharil dan A'dawiyah Bt. Ismail (2019) golongan wanita dilihat banyak mempengaruhi peningkatan terhadap sektor ekonomi, sosial dan politik, namun demikian keselamatan serta persekitaran yang tidak selamat bagi golongan wanita selalu menjadi mangsa ketidakadilan dalam bidang-bidang tersebut. Menerusi novel *Badai Semalam*, watak Mazni dilihat mempunyai banyak masalah dan dugaan khususnya dalam hidup berumah tangga dengan suaminya iaitu Karim. Terdapat bermacam-macam jenis halangan dan rintangan yang perlu beliau hadapi ketika mereka telah sah bergelar sebagai suami isteri. Mazni sentiasa sabar dengan segala ketentuan yang telah ditetapkan ke atas diri beliau dan perkara ini dapat dilihat menerusi petikan berikut:

KELANTAN

“Kerana antara kita banyak perbezaan, bang. Banyak! Abang anak tuan rumah Maz yang berketurunan baik-baik, berpangkat, terkenal di Tanjung Puteri ini, sedangkan Maz anak orang gaji orang tua abang. Tak ke abang nampak jurang-jurang pemisahan...”

(Khadijah Hashim, 2022: 132)

Petikan di atas membincangkan tentang jurang perbezaan antara Mazni dan juga Karim yang sering menjadi buah mulut masyarakat setempat termasuk juga ibu kepada Karim iaitu Puan Rohana. Secara umumnya, latar belakang antara Karim dan Mazni adalah sangat jauh berbeza. Hal ini dikatakan demikian kerana Karim mempunyai latar belakang keluarga yang kaya, mempunyai pangkat dan juga dikenali ramai masyarakat setempat yang tinggal di Tanjung Puteri. Manakala, Mazni pula berasal daripada keluarga yang susah dan beliau juga menumpang simpati terhadap Encik Haris untuk tinggal di rumahnya dan bekerja sebagai pembantu rumah. Melihat Mazni yang menjadi isteri Karim, Puan Rohana berasa tidak berpuas hati dengan keputusan itu dan beliau berasa malu terhadap masyarakat setempat kerana menantunya tidak sama taraf dengankekayaan yang dimiliki oleh anaknya itu. Oleh itu, suatu dasar baharu perlu diwujudkan bagi membantu golongan wanita yang terkesan seperti Mazni supaya dapat membela diri beliau daripada segala tuduhan dan segala anasir jahat yang dilontarkan oleh masyarakat. Setiap individu khususnya bagi golongan wanita mempunyai peranan dan potensi diri masing-masing dalam membawa suatu arus perubahan dalam kehidupan. Martabat wanita perlu dipertahankan dengan baik supaya segala hak yang berkait dengan golongan wanita dapat dijaga dan secara tidak langsung golongan wanita dapat menyumbang tenaga, idea dan segala yang berkaitan demi memajukan sektor sosial, ekonomi dan politik dalam negara ini.

Selain itu, membudayakan kesaksamaan gender di kalangan semua lapisan masyarakat dalam semua sektor merujuk sumbangan yang dapat dikemukakan menerusi watak dan perwatakan wanita dalam novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim pada masa kini. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2009), gender merujuk kepada jantina yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu lelaki dan juga wanita. Bila melibatkan perbincangan dengan gender, sudah tentu ada masalah yang perlu diketengahkan khususnya masalah yang melibatkan hak kesamarataan antara golongan lelaki dan golongan wanita. Hak kesamarataan antara gender ini perlu ditekankan dan perlu dijadikan sebagai budaya dalam kalangan masyarakat bagi mewujudkan suasana yang harmoni tanpa ada sebarang masalah yang berlaku di dalam negara ini. Berdasarkan kepada penyataan Noor Azizah Ahmad dan Mariny Abdul Ghani (2016), mereka menyatakan bahawa hak kesamarataan gender ini muncul apabila berlakunya ketidakadilan dalam kalangan masyarakat khususnya bagi golongan wanita yang secara tidak langsung memicu kepada suatu gerakan yang menuntut hak sewajarnya dalam kehidupan mereka. Perkara ini seharusnya menjadi budaya dan amalan yang perlu diterapkan dalam diri setiap masyarakat bagi sama-sama membantu dalam membangunkan sektor-sektor awam mahupun swasta untuk terus berkembang selari dengan peredaran zaman. Oleh itu, jalan penceritaan dalam novel *Badai Semalam* ini ada mengetengahkan tentang kepentingan dalam menjaga hak kesamarataan antara gender yang melibatkan watak utama iaitu Mazni yang sentiasa sabar menghadapi ujian yang cukup berat tambah-tambah pula beliau merupakan seorang wanita. Perkara ini dapat diperhatikan menerusi petikan berikut:

KELANTAN

“Tidak. Maz sedar akan kedudukan Maz yang serba susah ini. Maz tak ada duit. Ya, tak ada keluarga tempat mengadu dan minta tolong. Segala-galanya terpikul di atas bahu Maz sendiri. Maz tahu. Patah-patah perkataan keluar daripada bibir...”

(Khadijah Hashim, 2022: 14)

Petikan di atas ada mengetengahkan tentang hak ketidaksamaan gender yang berlaku dalam kehidupan Mazni yang sering diuji dengan segala ujian berat demi mencapai tujuan dan kehendak beliau. Petikan di atas membuktikan bahawa segala masalah yang dialami oleh Mazni dipikul dan digalas oleh Mazni seorang kerana beliau tidak mempunyai siapa-siapa kecuali ibunya yang sudah uzur dan mempunyai penyakit yang sukar untuk dirawat. Perkara ini telah mendorong Mazni dalam membentuk keperibadian yang baik bagi menjalani kehidupan seharian. Kehidupan Mazni sangat berbeza dengan Karim dan pada kebiasaanya Karim memiliki segala hal yang diinginkan oleh Mazni seperti duit, pendidikan dan sebagainya. Masalah kewangan selalu menghantui hidup Mazni yang mahu kekal melanjutkan pelajarannya ke peringkat yang lebih tinggi dan masalah kewangan di rumah juga terus bermain di dalam pemikiran Mazni. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa berlaku ketidakadilan dalam sistem sosial yang melibatkan wanita yang tidak dapat melanjutkan pelajarannya ke peringkat yang lebih tinggi akibat daripada tiada sokongan atau bantuan yang dihulurkan oleh pihak yang bertanggungjawab ke atas perkara ini. Menerusi konteks sumbangsan wanita pada masa kini, sudah wajar bagi semua golongan masyarakat untuk membudayakan kesaksamaan gender bagi memastikan keadilan hak dapat dijaga dengan baik. Perkara ini akan membawa kepada suatu suasana persekitaran yang kondusif dan selesa untuk dinikmati bersama tanpa mengikut gender.

Di samping itu, sumbangan yang dapat dikemukakan menerusi watak dan perwatakan wanita dalam novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim pada masa kini ialah memastikan pandangan dan suara wanita diterima pakai dalam proses membuat keputusan di semua peringkat. Hak bersuara merupakan suatu hak asasi manusia yang telah ditetapkan oleh pihak yang bertanggungjawab bagi memberi kebebasan dalam menyuarakan sebarang tindakan, hujah dan sebagainya (Rusdi Omar, Mohd Azizuddin Mohd Sani dan Teoh Ai Hua, 2005). Setiap masyarakat mempunyai hak untuk menyuarakan segala rasa tidak puas hati dalam diri selagi perkara itu masih masuk akal dan tidak menggunakan sentimen-sentimen yang boleh membawa kemarahan orang ramai. Mohamad Zaidi Abdul Rahman (2001) pula menyatakan bahawa setiap individu yang ingin mengutarakan sebarang pendapat atau rasa tidak puas hati mestilah menggunakan medium yang bersesuaian dengan perkara yang hendak dibincangkan supaya tidak berlaku salah faham dalam kalangan masyarakat. Dengan itu, hak bersuara bagi golongan wanita ini dilihat selari dengan perwatakan yang cuba ditampilkan oleh watak Mazni melalui jalan penceritaan dalam novel ini. Perkara ini dapat ditelusuri menerusi petikan yang berikut:

“Mak percaya dengan cakap-cakap orang. Mak percaya? Mak! Percayalah, demi Allah, Mazni belum tergamak melakukan perbuatan terkutuk itu. Belum. Maz masih suci. Percayalah cakap Maz, Percayalah! Orang memang sakit hati, memang dendki apabila mendengar Maz akan berkahwin dengan abang Karim.”

(Khadijah Hashim, 2022: 169)

Petikan di atas menjelaskan bahawa situasi Mazni yang selalu ditimpa masalah dan dugaan kuat daripada pelbagai sudut termasuk juga melibatkan orang yang terdekat bagi dirinya iaitu ibunya sendiri. Ibu Mazni telah percaya dengan kata-kata fitnah yang telah

dilontarkan oleh orang lain terhadap anaknya sendiri. Ibu Mazni percaya semua perkara fitnah itu tanpa ada sebarang keraguan dan tanpa bertanya dahulu kepada Mazni tentang segala kebenaran yang telah diperkatakan oleh masyarakat setempat itu adalah betul atau salah. Mazni selaku mangsa keadaan sudah wajar beliau mempunyai hak bersuara dalam mempertahankan maruah dirinya daripada terus diburukkan oleh golongan yang tidak bertanggungjawab itu. Tegas Mazni, beliau tidak terfikir untuk melakukan perkara yang terkutuk itu bersama dengan Karim kerana beliau sangat berpegang teguh kepada ajaran Islam. Mazni dengan tegas menyatakan pendiriannya itu dengan yakin akan berkahwin dengan Karim walaupun beliau terpaksa menghadapi segala cemuhan, dendki dan sebagainya untuk merealisasikan impiannya itu. Perkara ini jelas membuktikan bahawa perwatakan Mazni ini merupakan suatu cerminan hidup yang dihadapi oleh golongan masyarakat khususnya wanita pada masa ini. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap perkara yang hendak dilakukan dalam kehidupan ini, seseorang itu tidak boleh lari daripada persekitaran hidup masyarakat yang mempunyai dua sisi yang berlainan iaitu sisi positif dan sisi negatif. Sisi positif dalam kalangan masyarakat dapat dilihat melalui sokongan dan juga dorongan yang baik telah dilakukan bagi sama-sama membantu dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi supaya ianya tidak menjadi beban yang besar untuk dipikul demi menjalani kehidupan sehari-hari. Namun demikian, sisi negatif pula menyaksikan bahawa terdapat segelintir masyarakat yang mempunyai hasad dendki dalam diri mereka untuk menjatuhkan orang lain yang ingin berjaya dalam kehidupannya. Sebagai seorang insan yang teraniaya, hak bersuara merupakan suatu platform yang terbaik untuk menyuarakan sebarang pendapat dan pendirian yang tegas dalam mempertahankan hak daripada terus ditindas oleh orang lain.

Rentetan daripada peristiwa di atas, mencapai perkongsian saksama antara wanita dengan lelaki dalam memperoleh dan mengawal sumber dan peluang penyertaan serta menikmati manfaat pembangunan merujuk kepada sumbangan yang dapat dikemukakan menerusi watak dan perwatakan wanita dalam novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim pada masa kini. Perkongsian secara bersama antara golongan wanita dan golongan lelaki daripada pelbagai aspek perlu dipertingkatkan bagi mencapai hak kebersamaan antara sama lain. Hal ini dikatakan demikian kerana segala peluang, manfaat serta keuntungan haruslah dibahagi sama rata tanpa mengira status gender yang secara tidak langsung akan membawa kepada suatu masalah jika ianya tidak dikawal dengan baik. Berdasarkan kepada penyataan Noor Azizah Ahmad, Mariny Abdul Ghani dan Zalinah Ahmad (2014), mereka berpendapat bahawa setiap sektor yang melibatkan aspek politik, ekonomi dan sosial hendaklah membuka peluang pekerjaan yang sama rata khususnya bagi golongan bagi mengangkat potensi-potensi yang dimiliki oleh golongan wanita tersebut. Noor Azizah Ahmad dan Mariny Abdul Ghani (2016) suatu dasar telah dilaksanakan bagi mengangkat martabat golongan wanita selari dengan perkembangan pembangunan semasa dalam negara tanpa menafikan sebarang hak asasi manusia yang melibatkan golongan wanita. Menerusi novel *Badai Semalam*, berlaku kecacatan berkenaan dengan mencapai perkongsian yang saksama berkaitan dengan gender menerusi watak Mazni dan juga Karim. Perkara ini jelas dapat dilihat menerusi teks petikan berikut:

“... lebih baiklah kau berhenti sekolah malam itu. Tak manis benar aku tengok kau keluar malam. Menantu orang lain tak begitu. Aku ni sanggup memberi makan dan pakai kau. Tak usahlah kau menyusah-nyusahkan diri menghadap buku lagi.”

(Khadijah Hashim, 2022: 202)

Berdasarkan petikan di atas, Mazni telah mendapat amaran atau teguran yang telah diberikan oleh Puan Rohana berkenaan dengan kehidupan rumah tangganya dengan Karim. Puan Rohana telah bertindak dengan menyatakan hasrat dirinya itu berkenaan dengan kelas malam berkaitan dengan pelajaran yang diikuti oleh Mazni itu. Puan Rohana beranggapan bahawa kelas malam tersebut tidak baik untuk Mazni yang sudah pun sah bergelar isteri kepada anaknya iaitu Karim. Perkara ini telah mencetus rasa ketidakadilan yang membelenggu pemikiran Mazni yang beranggapan bahawa beliau tidak melakukan apa-apa yang buruk sepanjang kelas itu berlangsung. Mazni hanya memikirkan tentang pelajarannya sahaja kerana beliau mempunyai impian dan matlamat yang ingin beliau capai pada masa akan datang. Perkara ini secara tidak langsung menjadi beban bagi dirinya dan perkara ini juga merupakan suatu bentuk diskriminasi atau ketidakadilan yang berlaku antara golongan lelaki dan golongan wanita. Menerusi konteks wanita pada masa kini, diskriminasi berdasarkan kepada perkara di atas sering kali berlaku yang melibatkan golongan wanita. Perkara ini dapat memberikan kesan buruk kepada perkembangan potensi atau bakat yang dimiliki oleh golongan wanita tersebut untuk digunakan bagi membantu dalam proses pembangunan dalam negara. Oleh itu, perkongsian saksama antara gender perlu ditekankan dalam kehidupan bermasyarakat bagi sama-sama membantu dalam mendapatkan keuntungan dan perkembangan pembangunan yang sama rata.

Akhir sekali, sumbangan yang dapat dikemukakan menerusi watak dan perwatakan wanita dalam novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim pada masa kini ialah meningkatkan dan mengukuhkan perkongsian adil dan saksama antara wanita dengan lelaki dalam semua aspek kehidupan bagi memantapkan institusi keluarga serta membangunkan

komuniti serta masyarakat. Perkongsian yang adil ini dilihat dapat memberikan kesan positif kepada hubungan yang baik dalam kalangan masyarakat tanpa melibatkan perbezaan antara gender. Hal ini dikatakan demikian kerana perkongsian yang adil ini perlu diterapkan dalam diri setiap insan bagi memastikan tiada sebarang masalah yang berlaku berkaitan dengan penindasan dan ketidakadilan dalam semua sektor yang melibatkan hak bersama. Berdasarkan kepada penyataan Zurina Mahadi dan Hukil Sino (2007), mereka berpendapat bahawa golongan wanita ini kebanyakannya dinafikan hak mereka melalui institusi rumah tangga yang sering kali dikaitkan dengan budaya adat resam masyarakat pada masa dahulu. Bila bercakap tentang wanita, sudah tidak asing lagi dengan sentimen yang sering diucapkan melalui kata-kata masyarakat mahupun ibu bapa sendiri yang berpendapat bahawa seorang wanita seharusnya berada di dapur sahaja. Golongan wanita yang berpendidikan tinggi dan hebat dalam segala hal pembelajaran akan kembali ke tempat asalnya iaitu akan kembali ke dapur juga (Bagja Waluya, 2007). Oleh yang demikian, perwatakan Mazni ada membawa kepada satu peristiwa yang mempunyai kaitan dengan kepentingan perkongsian yang adil secara bersama dalam institusi kekeluargaan. Perkara ini dapat dilihat menerusi petikan tersebut:

“Karim pergi. Mazni kesepian sendiri. Dia mula mereka-reka sesuatu yang aneh dalam hidupnya. Jiwa yang kesepian yang memang mudah digodak bimbang yang tidak menentu. Mazni cuba membaca buku-buku cerita. Tapi hatinya terlalu resah.”

(Khadijah Hashim, 2022: 223)

Petikan di atas membincangkan tentang perasaan Mazni yang berasa resah dan gelisah terhadap pemergian Karim yang selalu sibuk dengan pekerjaan dan walhal Karim telah menipunya hanya untuk mempunyai lebih masa bersama Dora. Mazni sebagai seorang

isteri berasa bimbang apabila suaminya yang sentiasa keluar pada setiap malam. Hal ini dikatakan demikian kerana Mazni faham tentang pekerjaan Karim yang terlalu sibuk dengan dunia pekerjaan. Oleh sebab itu, Mazni membenarkan Karim untuk keluar pada waktu bagi menyelesaikan segala pekerjaan yang menjadi beban kepada Karim. Walaubagaimanapun, perkara ini sangat bertentangan bagi Mazni iaitu Karim melarangnya untuk keluar pada waktu malam untuk pergi belajar di kelas malam. Mazni telah dinafikan haknya untuk mendapatkan ilmu pengetahuan untuk diaplikasikan dalam penulisan bagi menghadapi peperiksaan pada masa akan datang. Perkara sedemikian seharusnya tidak berlaku dalam institusi rumah tangga kerana setiap pasangan mempunyai hak yang sewajarnya untuk diperjuangkan selagi ianya tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Dari sudut ini dilihat golongan wanita banyak menyumbang kepada perkembangan hubungan yang baik dalam institusi rumah tangga pada masa ini. Tugas dan tanggungjawab yang sangat besar dipikul oleh golongan wanita dalam mempertahankan hubungan dalam institusi rumah tangga. Oleh itu, setiap pasangan mestilah adil dengan berkongsi segala masalah, cabaran dan rintangan yang dihadapi untuk mendapatkan hubungan yang harmoni dalam rumah tangga.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### 4.5 Penutup

Kesimpulannya, bahagian ini memberi fokus yang tinggi kepada segala objektif yang berkaitan dalam kajian yang dilakukan ini. Hal ini dikatakan demikian kerana segala aspek yang diketengahkan dalam bab ini akan memperincikan tentang tiga objetik utama kajian iaitu objektif pertama mengenalpasti watak dan perwatakan wanita dalam novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim, kedua mengkaji peranan yang dimainkan oleh golongan wanita dalam aspek sosial berdasarkan teori Feminisme dalam novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim dan terakhir menganalisis sumbangan watak dan perwatakan wanita dalam novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim pada masa kini. Oleh itu, dapatan kajian ini dapat mengetengahkan segala hasil dapat penyelidikan yang dibuat berdasarkan tajuk kajian iaitu Analisis Perwatakan Wanita Dalam Novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim menerusi perspektif Feminisme. Jelaslah bahawa dapatan kajian ini memberikan impak baik kepada penghasilan kajian yang mantap dan segala maklumat yang dikemukakan adalah tepat serta boleh dipercayai.

## BAB 5

### RUMUSAN

#### 5.1 Pengenalan

Pada bahagian ini, penyelidik telah menjalankan kajian dengan lebih terperinci yang merangkumi aspek analisis terhadap perwatakan wanita dalam novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim dengan mengaplikasikan teori Feminisme dalam kajian ini. Penyelidik berpendapat bahawa analisis perwatakan wanita yang diketengahkan melalui novel *Badai Semalam* ini bukan sahaja dapat memberi suatu gambaran yang jelas tentang kehidupan masyarakat khususnya bagi wanita pada masa ini dan perkara ini juga dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat supaya tentang kepentingan hak kesamarataan yang adil dalam kehidupan ini. Oleh yang demikian, bab lima ini bertujuan untuk membantu penyelidik dalam mewujudkan suatu medium bagi mengemukakan kesan kajian, cadangan kajian dan rumusan secara keseluruhan bagi kajian yang telah dijalankan ini. Pada bahagian pertama, penyelidik akan memfokuskan kepada rumusan kajian yang merangkumi semua aspek yang telah diberi

penekanan terhadap kajian ini. Hal ini dikatakan demikian kerana rumusan pada setiap bahagian bab-bab tertentu akan diberi perhatian sepanjang rumusan kajian ini dilaksanakan bagi membantu dalam merungkai segala persoalan yang berbangkit berkenaan dengan kajian yang telah dijalankan ini. Selain itu, bahagian kedua pula merujuk kepada kesan atau implikasi kajian berkaitan dengan analisis perwatakan wanita dalam novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim menurut perspektif Feminisme. Implikasi kajian yang dijalankan ini akan dipecahkan kepada tiga bahagian penting iaitu implikasi kajian terhadap individu, implikasi kajian terhadap masyarakat dan implikasi kajian terhadap negara. Perkara ini akan membantu penyelidik dalam memfokuskan kepada tiga bahagian yang melibatkan implikasi kajian yang dijalankan ini. Di samping itu, bab lima ini juga akan diberi penekanan terhadap cadangan kajian yang bertujuan untuk memberi idea dan penambahbaikan terhadap kajian ini. Setiap kajian yang dijalankan mestilah mempunyai kekuatan dan kelemahannya yang tersendiri, namun cadangan kajian ini dilihat dapat memberikan kesan positif terhadap penyelidik dalam menghasilkan sesbuah kajian yang berbentuk ilmiah dengan lebih baik. Akhir sekali, bab ini juga akan merangkumkan segala perkara yang berkaitan dengan tajuk kajian untuk dijadikan sebagai rumusan pada bahagian kesimpulan.

## 5.2 Rumusan Kajian

Pada bahagian ini, pengkaji akan membuat suatu rumusan lengkap mengenai kajian yang dijalankan ini iaitu Analisis Perwatakan Wanita Dalam Novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim menurut Perspektif Feminisme. Oleh yang demikian, penggunaan teori dalam sesebuah kajian merupakan suatu aspek penting yang perlu diberi penekanan supaya kajian yang dijalankan ini mempunyai asas dan fakta yang menarik. Pengkaji telah mengaplikasikan teori Feminisme yang berlandaskan kepada pendekatan Patriarki bagi memastikan objektif kajian ini dapat dicapai. Penggunaan teori Feminisme ini dilihat dapat membawa kepada suatu gambaran yang jelas tentang kepentingan hak wanita dan perjuangan yang perlu diteruskan untuk menegakkan kebenaran yang sewajaranya khususnya dalam konsep gender. Golongan wanita ini bukanlah merujuk kepada suatu golongan yang lemah. Namun demikian, golongan wanita ini dilihat mampu bersaing dengan golongan lelaki daripada pelbagai aspek yang merangkumi aspek ekonomi, politik dan sosial dalam kalangan masyarakat. Perkara ini telah mendorong kepada berlakunya suatu evolusi yang baik dalam pembentukan suatu gerakan yang membela hak perjuangan wanita ini. Menerusi kajian ini, watak dan perwatakan wanita telah menjadi suatu keutamaan yang penting dalam membawa suatu gambaran yang jelas tentang aspek peribadi seseorang wanita itu bagi menjalani kehidupan sehariannya. Jelaslah bahawa kajian yang berlandaskan kepada Analisis Perwatakan Wanita Dalam Novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim menurut Perspektif Feminisme ini merupakan suatu wadah dalam membantu masyarakat untuk lebih mengetahui tentang segala hak kesamarataan khususnya bagi golongan wanita ini untuk dijamin dan diperjuangkan demi keharmonian negara.

Selain itu, kajian yang dijalankan ini dimulakan dengan bab satu iaitu mengenai pengenalan kajian. Pada bahagian ini, pengkaji telah menitikberatkan beberapa aspek penting yang perlu diberi penekanan dalam menjalankan kajian ini. Aspek-aspek yang perlu diberi penekanan dalam bab satu ini ialah pengenalan, latar belakang, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian dan kepentingan kajian. Segala perkara yang telah dikemukakan menerusi bahagian bab satu ini mempunyai peranan dan fungsi yang penting bagi mencorakkan kajian yang ingin dilakukan. Bab satu ini juga memfokuskan kepada beberapa objektif yang perlu diambil kira oleh pengkaji bagi menelusuri segala perkara yang berkaitan dengan objektif kajian ini. Objektif bagi kajian ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu mengenalpasti watak dan perwatakan wanita dalam novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim, mengkaji peranan yang dimainkan oleh golongan wanita dalam aspek sosial berdasarkan teori Feminisme dalam novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim dan menganalisis sumbangannya watak dan perwatakan wanita dalam novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim pada masa kini. Tidak hanya tertumpu kepada bahagian objektif sahaja, bab satu ini juga ada mengetengahkan tentang pengenalan yang dilihat dapat memberi gambaran awal bagi masyarakat untuk mengetahui hasil kajian yang telah dijalankan ini. Tuntasnya, kajian yang dijalankan ini adalah berteraskan kepada segala faktor yang melibatkan aspek-aspek yang perlu diketengahkan dalam menghasilkan penulisan bab satu dan kajian yang dijalankan ini sedikit sebanyak dapat memberi pengetahuan secara umum kepada masyarakat berkenaan dengan tajuk kajian ini.

Bab dua pula dilihat ada mengetengahkan tentang sorotan kajian lepas. Sorotan kajian lepas ini merujuk kepada segala hasil kajian pengkaji lain yang telah dijadikan sebagai sumber rujukan dalam menjalankan kajian ini. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaji

telah mengaplikasikan kaedah yang berteraskan kepada bab dua ini bagi mendapatkan hasil kajian yang berkualiti. Tambahan pula, pengkaji telah membahagikan kepada beberapa bahagian yang berkait dengan tajuk kajian yang dijalankan ini. Antara tajuk sorotan kajian lepas yang telah dibentangkan oleh pengkaji ialah kajian lepas mengenai citra dan perwatakan wanita, kajian lepas mengenai Khadijah Hashim serta karyanya dan kajian lepas mengenai wanita dan teori Feminisme. Pengkaji juga telah memfokuskan kepada tiga bahagian iaitu kajian tesis, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana, Ijazah Doktor Falsafah, jurnal dan artikel serta buku. Oleh itu, segala maklumat berkenaan dengan kajian yang telah dikaji oleh pengkaji lain telah diambil kira bagi memberi pendedahan yang luas berkenaan dengan kajian yang hendak dijalankan ini.

Seterusnya, bab tiga merujuk kepada metodologi kajian. Metodologi kajian ini berteraskan kepada rekabentuk kajian, kaedah kajian serta teori yang telah diaplikasikan bagi menjalankan kajian ini. Selain daripada itu, kaedah kualitatif telah digunakan oleh pengkaji dengan menganalisis segala data yang berkaitan dengan teks novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim. Penggunaan buku *Badai Semalam* ini dilihat sangat selari dengan kaedah kualitatif yang telah digunakan oleh pengkaji atas dasar mendapatkan segala maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian ini. Terdapat pelbagai jenis sumber yang boleh digunakan oleh pengkaji yang berteraskan kepada kaedah kualitatif ini iaitu menjuruskan kepada maklumat menerusi sumber perpustakaan. Segalah bahan bacaan seperti buku, jurnal dan lain-lain boleh dijadikan sebagai bahan rujukan semasa menjalankan kajian ini. Tidak lupa juga kepada penerapan teori yang telah diaplikasikan dalam kajian ini iaitu teori Feminisme. Penggunaan teori ini dilihat mampu untuk menjadi rujukan serta panduan pengkaji untuk memperolehi data yang berkualiti demi kepentingan kajian.

Bab empat pula menerangkan tentang analisis dapatan kajian yang telah berjaya dikumpul oleh pengkaji mengenai dengan kajian yang dijalankan ini. Dapatan kajian ada mengetengahkan tentang beberapa persoalan yang mempunyai hubung kait dengan objektif yang telah ditetapkan dalam kajian ini. Objektif-objektif yang diketengahkan oleh pengkaji terbahagi kepada tiga iaitu mengenalpasti watak dan perwatakan wanita dalam novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim, mengkaji peranan yang dimainkan oleh golongan wanita dalam aspek sosial berdasarkan teori Feminisme dalam novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim dan menganalisis sumbangsan watak dan perwatakan wanita dalam novel *Badai Semalam* karya Khadijah Hashim pada masa kini. Pengkaji juga telah merujuk kepada Dasar Wanita Negara kerana dasar ini dilihat selari dengan tajuk serta objektif yang ditekankan dalam kajian ini.

Akhir sekali, bab lima memfokuskan kepada kesimpulan serta rumusan yang boleh dibuat oleh pengkaji atas hasil daripada kajian yang telah dijalankan ini. Hal ini dikatakan demikian kerana bab lima ini adalah bertujuan untuk merangkumkan segala aspek yang telah dikemukakan menerusi setiap bab iaitu bab satu sehingga bab lima bagi menjuruskan kepada kesan kajian ini kepada pengkaji lain dan dalam kalangan masyarakat. Di samping itu, pengkaji telah bertindak dengan memberi pendedahan kepada masyarakat tentang kepentingan hak kesamarataan gender yang melibatkan golongan lelaki dan wanita yang dilihat semakin kritikal serta tidak memihak kepada golongan wanita. Perkara ini secara tidak langsung dapat memberi suatu kesedaran dalam diri masyarakat tentang pentingnya hak kesamarataan antara gender dalam memastikan keharmonian sosial dapat dicapai demi kebaikan bersama.

### 5.3 Cadangan Kajian

Cadangan kajian boleh didefinisikan sebagai suatu platform untuk mengutarakan segala idea yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan ini untuk ditambahbaik demi mendapatkan hasil yang berkualiti bagi tontonan masyarakat dan juga pengkaji lain. Pada bahagian ini, pengkaji telah mengemukakan ruang yang bersesuaian mengikut ketetapan kajian yang membolehkan berlakunya sebarang pertambahan maklumat yang bermanfaat. Pengkaji juga berpendapat bahawa kajian yang dijalankan ini masih terdapat kelompongan serta kelemahan yang tersendiri dari sudut idea dan penulisan yang dibuat oleh pengkaji sendiri. Oleh sebab itu, pengkaji telah mengemukakan beberapa cadangan yang penting untuk digarap oleh pihak lain khususnya dalam konteks individu, masyarakat dan negara. Pembahagian cadangan mengikut tiga kategori ini dilihat dapat memberikan kesan yang positif kepada revolusi serta penambahan maklumat yang penting untuk manfaat bersama. Tuntasnya, segala cadangan yang diketengahkan oleh pengkaji ini perlu dipandang serius bagi mengangkat martabat wanita untuk terus diperjuangkan demi mendapatkan hak yang sewajarnya dalam kehidupan.

#### 5.3.1 Cadangan Kepada Negara

Cadangan kepada negara menerusi kajian yang dijalankan ini ialah mewujudkan suatu sistem perundangan yang lebih sistematik demi mengangkat hak golongan wanita ini dari terus ditindas. Sistem perundangan yang sistematik dalam negara perlu dipertingkatkan

lagi supaya tidak berlaku sebarang masalah yang berkait dengan ketidaksamaan hak antara gender golongan lelaki dan golongan wanita. Hal ini dikatakan demikian kerana sistem perundangan yang sistematik mampu memberi kesan baik terdapat hak serta keharmonian bersama dalam negara ini. Sistem perundangan yang sedia ada pada masa ini dilihat masih mempunyai kelonggaran dan sikap tidak ambil tahu beberapa pihak yang bertanggungjawab dalam menyelesaikan masalah ini daripada terus menular. Jelaslah bahawa sistem undang-undang yang adil perlu menjadi keutamaan dalam setiap tindak tanduk yang dilakukan oleh masyarakat khususnya bagi golongan wanita supaya penindasan serta pencabulan hak dapat dikawal dengan baik.

### 5.3.2 Cadangan Kepada Masyarakat

Kajian yang dijalankan ini dapat mengemukakan cadangan yang berlandaskan kepada masyarakat setempat dengan menerapkan pengajaran berkaitan dengan kepentingan penjagaan hak yang sama rata khususnya bagi golongan wanita. Secara umumnya, masyarakat di negara ini terdiri daripada berbilang kaum dan terbahagi kepada dua gender iaitu lelaki dan wanita. Masyarakat seharusnya mengambil serius masalah berkenaan dengan penindasan serta masalah yang menyelubungi golongan wanita khususnya di tempat kerja, di sekolah dan sebagainya. Suatu pendekatan perlu diterapkan dalam diri masyarakat bagi sama-sama membantu untuk mengangkat martabat wanita ke arah yang lebih baik. Pendedahan awal perlu diberikan kepada semua golongan masyarakat supaya terus cakna dengan segala isu yang berbangkit melibatkan hak kesamarataan gender yang adil dan baik.

### 5.3.3 Cadangan Kepada Individu

Cadangan dari sudut individu pula iaitu dengan memperbanyakkan kajian yang berteraskan kepada hak kesamarataan khususnya bagi golongan wanita pada masa ini. Kajian yang berlandaskan kepada hak yang sama rata antara golongan lelaki dan golongan wanita perlu dipertingkatkan lagi bagi memberi kesedaran dalam diri supaya isu yang dibawa ini merujuk kepada isu penting yang perlu diselesaikan demi kepentingan bersama. Hak yang adil bagi golongan wanita ini perlu diperjuangkan bagi membawa suatu ideologi yang kuat berteraskan kepada pendirian yang kukuh kepada matlamat asal perjuangan ini dibentuk. Hal ini dikatakan demikian kerana segala perubahan yang berlaku perlulah bermula dari diri sendiri dengan memperluaskan serta memperbanyakkan kajian yang mempunyai unsur yang mengangkat hak wanita ini. Jelaslah bahawa memperbanyakkan kajian dari sudut individu ini dilihat dapat memberi kesan positif kepada kesedaran serta perkembangan ideologi yang cuba diketengahkan bagi tujuan mempertahankan hak yang sewajarnya dalam kehidupan.

#### 5.4 Kesimpulan

Secara keseluruhan, rumusan ringkas yang boleh dibuat oleh pengkaji ialah perwatakan wanita merujuk kepada aspek penting dalam memastikan matlamat serta tujuan perjuangan ini dapat diteruskan demi mendapatkan hak yang sewajarnya dalam kehidupan seharian. Nilai-nilai murni yang baik perlu diterapkan dalam kalangan wanita khususnya bagi menjamin keharmonian dapat digapai secara bersama. Nilai murni yang telah diterapkan di dalam diri dapat menjadi cerminan hidup seseorang supaya bijak menyelesaikan sebarang masalah yang mereka hadapi. Seterusnya, kajian ini juga dijalankan bagi memberi kesedaran serta peringatan mesra dalam kalangan masyarakat di negara ini bahawa hak kesamarataan antara gender ini perlu dijaga bagi memastikan suasana kehidupan dalam kalangan masyarakat tidak berlaku perpecahan yang boleh membawa kepada kemudaratan. Setiap golongan masyarakat di negara ini perlu memainkan peranan penting dengan bertanggungjawab bagi memastikan masalah penindasan hak wanita ini tidak berlaku dan sekaligus keharmonian dalam kalangan masyarakat dapat diperlihat. Akhir sekali, pengkaji berharap kajian yang dijalankan ini dapat menjadi suatu platform pendidikan yang berkesan khususnya dalam kalangan masyarakat di negara ini bagi memupuk sifat adil dalam diri dan tidak berlaku sebarang penindasan fizikal maupun mental dalam kalangan masyarakat.

## RUJUKAN

- Ab Aziz, N., & Hamid, Z. A. (2018). Keadilan restoratif dalam resolusi pertubuhan bangsa-bangsa bersatu: Hak tertuduh dan hak mangsa jenayah. Kanun: *Jurnal Undang-undang Malaysia*, 30(1), 100-123.
- Abbas, H. (2010). Pendidikan hak asasi manusia dan strategi pembangunan perdamaian. *Jurnal AKRAB*, 1(2), 37-47.
- Abbas, N. (2020). Dampak feminism pada perempuan. AL-WARDAH: *Jurnal Kajian Perempuan, Gender dan Agama*, 14(2), 187-198.
- Abd Rahman, S. N. H., Kashim, M. I. A. M., & Pitchan, M. A. (2017). Peranan wanita dalam institusi kekeluargaan: perbincangan dari perspektif Islam. *e-BANGI*, 12(3), 1-16.
- Abdullah, A. G., & Ngang, T. K. (2006). Motivasi guru dan pengurusan budaya kolaboratif pengurus pendidikan wanita. *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)*, 31, 97-105.
- Abdullah, I. R. (2018). *Konsep feminism talbiah dalam karya Aminah Mokhtar*. Tesis, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Agustina, R. (2015). Konflik batin tokoh utama dalam novel catatan malam terakhir karya Firdya taufiqurrahman. *Jurnal pendidikan bahasa*, 4(2), 253-263.
- Ahmad, N. A., & Ghani, M. A. (2016). Dasar wanita negara: Daripada polisi kepada pelaksanaan. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 19, 69-86.
- Ajisaputri, I. L. (2021). Putusnya perkawinan “percerai” terhadap seseorang disebabkan tidak saling menghormati dan menghargai antar pasangan suami isteri. *Jurnal Indonesia Sosial Sains*, 2(05), 780-791.
- Ali, A. H., & Abdullah, I. R. (2018). Perwatakan Wanita Melayu Muslim Dalam Novel ‘Diari Seorang Jururawat’ Karya Aminah Mokhtar. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 3(2), 147-161.
- Ardi, Z. (2014). Cita-cita perkerjaan dan pilihan peminatan siswa sekolah menengah atas negeri di sumatera barat. In: *International Counseling Conference and Work*, 2, 15-67.
- Arivia, G. (2006). *Feminisme: sebuah kata hati*. Penerbit Buku Kompas. Penerbit Buku Komsas, Jakarta.
- Atmoko, H. D. (2020). *Hubungan Antara Dukungan Sosial Dengan Kesepian Pada Anggota Persit Kartika Chandra Kirana Yang Ditinggal Tugas Suami* (Doctoral dissertation, Universitas Mercu Buana Yogyakarta).
- Azura Abal Abas. (2017). *Feminisme dalam karya tari kontemporari dan kehidupan Aida Redza*. Tesis, Universiti Malaya.

- Badriyah, L. (2013). *Peran simpati dengan kualitas pelayanan perawat Rumah Sakit Islam Gondanglegi Malang* (Doctoral dissertation, Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim).
- Bahri, Che Norma (2004) Program literasi maklumat di perpustakaan akademik: *Satu tinjauan kaedah dan pencapaian*. In: Seminar Kebangsaan Perpustakaan di Malaysia, 25-27 Mei 2004, Berjaya Langkawi & Spa Resort Langkawi, Kedah.
- Basuki, S. (1991). Sistem Pengelolaan Perpustakaan Khusus Kedinasan. Baca: *Jurnal Dokumentasi Dan Informasi*, 16(1-6), 3-13.
- Bendar, A. (2019). Feminisme dan Gerakan Sosial. Al-Wardah: *Jurnal Kajian Perempuan, Gender Dan Agama*, 13(1), 25-37.
- Che Rodi, R. (2022). Hati budi melayu sebagai simbol peradaban masyarakat: Analisis kata fokus “Ilmu” berdasarkan teori medan makna. RENTAS: *Jurnal Bahasa, Sastera dan Budaya*, 1(1), 157-180.
- Cresswell, T. (2010). Towards a politics of mobility. Environment and planning D: society and space, 28(1), 17-31.
- Effendy, C., & Nadeak, P. (2014). Analisis perwatakan tokoh utama dalam dwilogi novel blues merbabu dan 65 karya Gitanyali. *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran Khatulistiwa (JPPK)*, 3(9).
- El-Shirazy, H. (2017). *Cinta Suci Zahrana*. Republika, Yayasan Mitra Netra, Jakarta.
- Eriyanti, L. D. (2017). Pemikiran Johan Galtung tentang Kekerasan dalam Perspektif Feminisme. *Jurnal Hubungan Internasional*, 6(1), 27-37.
- ERYANI, D. E. (2012). *Aspek Kepribadian Tokoh Dila Dalam Novel Surat Buat Themis Karya Mira W.* Tinjauan: Psikologi Sastra (Doctoral dissertation, Universitas Muhammadiyah Surakarta).
- Evi Marlina Harahap. (2014). *Citra Wanita Dalam Novel Kesturi Dari Kepodong Kuning Karya Afifah Afra: Analisis Sastera Feminis*. Master Tesis, Universiti Sumatera Utara Medan.
- Fitriah, F., & Fitriani, S. S. (2017). Analisis Tindak Tutur dalam Novel Marwah di Ujung Bara Karya RH Fitriadi. Master Bahasa, *Jurnal Imiah Pendidikan Bahasa Dan Sastra Indonesia*, 5(1), 51-62.
- Furqon, D. F. (2018). Pengaruh modal usaha, lama usaha, dan sikap kewirausahaan terhadap pendapatan pengusaha lanting di lemah duwur, kecamatan kuwarasan, Kabupaten Kebumen. *Jurnal Pendidikan Dan Ekonomi*, 7(1), 51-59.
- Goddard, C. (2001). Sabar, ikhlas, setia—patient, sincere, loyal? Contrastive semantics of some ‘virtues’ in Malay and English. *Journal of Pragmatics*, 33(5), 653-681.
- Habib, M., & Arbianita, A. (2020). Hukum wanita menjadi pemimpin menurut pandangan fiqh kontemporer. *Action Research Literate (ARL)*, 4(1), 21-30.

- Hamid, S. A. (2016). Pengaruh media massa terhadap perubahan sosial masyarakat. e-BANGI, 11, 214-226.
- Hashim, K. (1999). *1001 pantun baru*. 'K' Publishing Sdn. Bhd. Selangor Darul Ehsan.
- Hashim, K. (2001). *Mencari Azizah*. 'K' Publishing Sdn. Bhd. Selangor Darul Ehsan.
- Hasinda Mawarni. (2019). *Citra Wanita Tokoh Utama Dalam Novel Cerita Tentang Rani Karya Herry Santoso Kajian Kritik Sastera Feminis*. Tesis Sarjana Muda, Universitas Negeri Semarang.
- Hayati, Y. (2012). Dunia perempuan dalam karya sastra perempuan Indonesia (Kajian Feminisme). Humanus: *Jurnal Ilmiah Ilmu-ilmu Humaniora*, 11(1), 85-93.
- Hidayati, N. (2018). Teori feminism: Sejarah, perkembangan dan relevansinya dengan kajian keislaman kontemporer. *Jurnal Harkat: Media Komunikasi Gender*, 14(1), 21-29.
- Hua, A. K. (2016). Pengenalan Rangkakerja Metodologi dalam Kajian Penyelidikan: Satu Kajian Literatur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 1(2), 17-24.
- Ibrahim, A. G. (2004). Doa dan kasih sayang mengiringi anak yang hanya mahu ke seberang: prayer and love in aku hanya mahu ke seberang. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 6(1), 133-140.
- Ibrahim, C. M. C. (2008). Kesan pembangunan digital keatas taraf sosioekonomi masyarakat luar bandar: kajian kes Pahang.
- Isam, H., & Awal, N. M. (2012). Nilai setia dari perspektif prosodi semantik: Analisis berbantu data korpus. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(2).
- Jalaluddin, N. H., & Awal, N. M. (2006). Citra lelaki dulu dan kini dalam prosa Melayu: Analisis teori relevans. *Jurnal e-Bangi*, 1 (1), 1-21.
- Khoirudin, R. (2019). Wanita rawan sosial ekonomi di kecamatan semin, gunungkidul. *Elastisitas-Jurnal Ekonomi Pembangunan*, 1(2), 123-133.
- Khotimah, K. (2009). Diskriminasi Gender Terhadap Perempuan Dalam Sektor Pekerjaan. Yinyang: *Jurnal Studi Islam Gender Dan Anak*, 4(1), 158-180.
- Koyama, E. (2006). Disloyal to feminism: *Abuse of survivors within the domestic violence shelter system*. Incite, 208-222.
- Lestari, M. (2019). Faktor terkait inisiasi menyusu dini pada ibu postpartum di rumah sakit umum daerah kota cilegon. *Jurnal Penelitian dan Pengembangan Pelayanan Kesehatan*, 17-24.
- Lina Amalina. (2012). *Citra Wanita Dalam Novel Surat Buat Themis Karya Mira W: Tinjauan Sastera Feminis*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Muhammadiyah Surakarta.
- Lizawati, L. (2015). Analisis Citra Wanita Dalam Novel Perempuan Jogja Karya Achmad Munif. *Jurnal Pendidikan Bahasa*, 4(2), 226-242.

- Lubis, S. (2006). Gerakan Feminisme dalam era Postmodernisme abad 21. *Jurnal Demokrasi*, 5(1), 73-80.
- Mahadi, Z., & Sino, H. (2007). Hubungan nilai masyarakat & pembangunan: satu analisa. *Jurnal Pengajian Umum Bil*, 8, 2077-94.
- Mahmor, N. A., & Hashim, N. (2015). Citra wanita Melayu dalam cerita animasi kanak-kanak Upin dan Ipin. *Journal of Education and Social Sciences*, 2(Oct), 137-149.
- Malay, W. E. I. N. (2019). Emansipasi wanita dalam sosial menerusi novel-novel pilihan 1960-an-1990-an. *Journal of Kesidang*, 4(1), 38-52.
- Malaysia, K. P., & Melayu, J. B. (2019). Emansipasi wanita dalam sosial menerusi novel-novel pilihan 1960-an-1990-an. Malay, Arabic and English Literature. *My Jurnal*, 4(1), 350-623.
- Manno, D. (2020). *Building Your Future: Pembentukan Watak Dan Tata Nilai Untuk Menjadi Pribadi Unggul*. Penerbit Andi. Jakarta.
- Manzilati, A. (2017). *Metodologi penelitian kualitatif: Paradigma, metode, dan aplikasi*. Universitas Brawijaya Press.
- Mawarni, H., & Sumartini, S. (2020). Citra Wanita Tokoh Utama Rani Novel Cerita Tentang Rani Karya Herry Santoso Kajian Kritik Sastra Feminis. *Jurnal Sastra Indonesia*, 9(2), 137-143.
- Mohamed, S. N., & Abdullah, A. N. (2017). Hasad dan takabbur menurut perspektif Hamka. *ALBASIRAH JOURNAL*, 7(1), 71-90.
- Mudhofir, A. (1991). Nilai, Martabat, dan hak-hak asasi manusia. *Jurnal Filsafat*, 1(1), 23-27.
- Muhson, A. (2006). Teknik analisis kuantitatif. *Universitas Negeri Yogyakarta*. Yogyakarta, 183-196.
- Mustafa, M. (2006). *Pemikiran dalam novel-novel Khadijah Hashim*. Tesis Master, Universiti Putra Malaysia.
- Nasri, Nur Farhana (2014) *A semantic analysis of conjunctions in the translation of Badai Semalam into English* / Nur Farhana Nasri. Masters thesis, University of Malaya.
- Nayan, S. (2006). Keprihatinan yang luntur terhadap warga emas. *Jurnal Intelek*, 4(1), 95-105.
- Nilamsari, N. (2014). Memahami studi dokumen dalam penelitian kualitatif. *WACANA: Jurnal Ilmiah Ilmu Komunikasi*, 13(2), 177-181.
- Nordin Hussin, R. O., & Abd Latif, S. F. (2012). Penyertaan ekonomi wanita melayu dalam zaman Kesultanan Melayu: Permulaan bagi sebuah perjuangan dalam ekonomi. *Akademiaka*, 82(2), 55-68.
- Nordin, N. S. A., & Ya, C. A. C. (2018). Watak Wanita dalam Bidadari dari Perspektif Ginokritik: Penelitian Psikologi dan Budaya. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(4), 1-10.

- Nur Najwa Binti Kamarul Hikma. (2022) *Transkripsi Analisis Perjuangan Wanita Dalam Syair Zubaidah Dengan Mengaplikasikan Teori Feminisme*. Final Year Project thesis, Universiti Malaysia Kelantan.
- Nur, D. M. (2011). Dakwah Teori, Definisi dan Macamnya. Wardah: *Jurnal Dakwah dan Kemasyarakatan*, 12(2), 135-141.
- Nurul Iffah Binti Shahabudin, I. (2022). *Sikap Prasangka Menurut Al-Qur'an Dan Penanganannya Dalam Konseling Islam* (Doctoral dissertation, UIN Ar-Raniry).
- Omar, M. N. (2016). Teori dan konsep pengurusan dakwah: Satu tinjauan awal. *Jurnal Ilmi*, 1(1).
- Omar, R., Sani, M. A. M., & Hua, T. A. (2005). Pandangan Golongan Dewasa Di Daerah-Daerah Terpilih Di Negeri Kedah Terhadap Hak Kebebasan Bersuara. *International Journal of Management Studies*, 12(1), 141.
- Othman, M. A., & Ismail, I. (2016). Pengetahuan sebagai elemen tanggungjawab manusia menurut perspektif Islam. *Islamiyyat*, 38(1), 65-70.
- Panaemalae, A. R. (2015). Perwatakan" Abdulkadir" dalam Dua Cerpen Thai: Suatu Perbandingan. Melayu: *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 8(2), 245-256.
- Piliang, Y. A. (2004). Semiotika teks: Sebuah pendekatan analisis teks. Mediator: *Jurnal Komunikasi*, 5(2), 189-198.
- Rahman, M. Z. A. (2001). KEBEBASAN BERSUARA DARI PERSPEKTIF SIASAH SYAR'IYAH. *Jurnal Syariah*, 9(2), 103-122.
- Razif, N. F. M., Samsulkamal, N. S., & Ahmad, R. (2021). Takyif Fiqhi terhadap Konsep Spekulasi. *Islamiyyat*, 43(2), 81-92.
- Remijawa, R. H. (2021). Simpati dan Solidaritas untuk Memelihara Masyarakat yang Beragam. *Dekonstruksi*, 3(01), 127-134.
- Rijali, A. (2019). Analisis data kualitatif. Alhadharah: *Jurnal Ilmu Dakwah*, 17(33), 81-95.
- Rokhmansyah, A. (2016). Pengantar gender dan feminism: Pemahaman awal kritik sastra feminism. *Jurnal Garudhawaca*, 14(2), 1-74.
- Salam, A., & Akmal, R. (2018). *Pahlawan dan pecundang militer dalam novel-novel Indonesia*. Gadjah Mada Universiti Press.
- Samaon, S. S., & Subet, M. F. (2020). Perwatakan dalam novel kompas "Di Sebalik Dinara": Analisis teori relevan. *Asian People Journal (APJ)*, 3(1), 84-100.
- Saraswati, R. (2009). Perempuan dan penyelesaian kekerasan dalam rumah tangga. PT. Citra Aditya Bakti.
- Sari, M., & Fahrudin, F. (2021). Konsep Keharmonisan Rumah Tangga Dalam Al-Qur'an (Interpretasi Ma'na-Cum-Maghza atas Term Libas dalam QS. Al-Baqarah: 187). Al-Dzikra: *Jurnal Studi Ilmu al-Qur'an dan al-Hadits*, 15(2), 195-208.

- Sharil, S. B. (2019). Langkah-Langkah Keselamatan Dalam Menangani Keganasan Terhadap Wanita Di Tempat Awam. *e-BANGI*, 16, 1-12.
- Showalter, E. (1981). Feminist criticism in the wilderness. *Critical Inquiry*, 8(2), 179-205.
- Showalter, E. (1986). Shooting the Rapids: Feminist Criticism in the Mainstream. *Oxford Literary Review*, 8(1), 218-224.
- Sidiq, M., & Manaf, N. A. (2020). Karakteristik Tindak Tutur Direktif Tokoh Protagonis Dalam Novel Cantik Itu Luka Karya Eka Kurniawan. *Lingua Franca: Jurnal Bahasa, Sastra, Dan Pengajarannya*, 4(1), 13-21.
- Subandi, P. (2011). Sabar: Sebuah konsep psikologi. *Jurnal Psikologi UGM*, 38(2), 130454.
- Sukarno, G., & Sumarto, S. (2005). Pengaruh Pengorbanan Dan Kualitas Layanan Terhadap Keputusan Pembelian Ulang. *EKUITAS (Jurnal Ekonomi dan Keuangan)*, 9(4), 545-564.
- Sumadi, E. (2016). Dakwah dan Media Sosial: Menebar Kebaikan Tanpa Diskriminasi. *Jurnal Komunikasi Penyiaran Islam*, 4(1), 173-190.
- Sumaryo, S. (2011). Tanggungjawab Sosial Perusahaan Dan Tingkat Keberdayaan Ekonomi Rumah Tangga. *Jurnal Ekonomi Pembangunan Universitas Muhammadiyah Surakarta*, 12(2), 272-280.
- Susiana, S. (2019). Pelindungan hak pekerja perempuan dalam perspektif feminism. Aspirasi: *Jurnal Masalah-Masalah Sosial*, 8(2), 207-221.
- Sutanto, O. (2017). Representasi Feminisme Dalam Film “Spy”. *Jurnal E-Komunikasi*, 5(1), 1-10.
- Suwastini, N. K. A. (2013). Perkembangan feminism barat dari abad kedelapan belas hingga postfeminisme: Sebuah Tinjauan Teoretis. *Jurnal Ilmu Sosial dan Humaniora*, 2(1), 198-208.
- Syafitri, S. (2014). Pengaruh Harga Diri dan Kepercayaan Diri dengan Aktualisasi Diri pada Komunitas Modern Dance di Samarinda. Psikoborneo: *Jurnal Ilmiah Psikologi*, 2(2).
- Syahdi, I. (2018). NILAI PENGORBANAN SEORANG IBU DALAM SYAIR BELAYAN SAYANG. Ceudah, 8(1), 89-100.
- Syuhudi, M. I. (2022). Berbagi Kuasa: Kesetaraan Peran Suami Istri dalam Rumah Tangga. *MIMIKRI*, 8(1), 207-229.
- Ting, H. C. (2001). *Penulisan feminism fiksyen Mahua siswazah-siswazah Universiti Taiwan* (1970-1995). Tesis Master, Universiti Malaya.
- Ulfa, M. (2020). Peran Keluarga dalam konsep psikologi perkembangan anak usia dini. Aulad: *Journal on Early Childhood*, 3(1), 20-28.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (2012). Apabila Teori Feminis Ternyata Tidak Diperlukan: Satu Kajian Kes. *Jurnal of Language Studies Volume 12(4)*, November 2012.

- Wahab, H. A. (2012). Peribahasa cerminan budi bahasa dan budaya bangsa Melayu. *Issues in Language Studies*, 1(1).
- Waluya, B. (2007). Sosiologi: Menyelami fenomena sosial di masyarakat. PT Grafindo Media Pratama.
- Wulandari, G., & Indihadi, D. (2021). Analisis Teks Deskripsi melalui Media Gambar Tunggal di Sekolah Dasar. Edukatif: *Jurnal Ilmu Pendidikan*, 3(5), 2345-2354.
- Yong, K. P. (2000). *Perwatakan wanita dalam drama moden Lao She (1899-1966)*. Tesis Master, Universiti Malaya.
- Yusoff, S. A. (2011). *Estetika dalam Kumpulan Puisi Kanak-Kanak Putera- Puteri Malaysia dan Nota untuk Ibu*. Tesis Master, Universiti Putra Malaysia.
- Zakaria, N., & Hanapi, M. H. M. (2022). Konflik Diri dan Citra Wanita dalam Teks Sulalatus Salatin@ Sejarah Melayu. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 410-418.
- Zubir, S. K. B. M., & Abdullah, N. A. B. (2014). Pemikiran Khadijah Hashim dalam Novel *Badai Semalam* dan Laila Azwa Gadisku untuk Membangunkan Sahsiah Belia. *PENDETA*, 5, 145-174.